

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Nazirah Binti Radin Salim**

(No.K.P/Pasport: **741002-02-5796**)

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA100007**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk ~~Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis~~ (“Hasil Kerja ini”):

**Tahap Pengetahuan Sedia Ada Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dan Hubungannya
Dengan Pencapaian Bahasa Arab**

Bidang Penyelidikan: **Linguistik Terapan**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh:

Nama: **Dr. Ahmad Fikri Hj.Husin**

Jawatan: **Penyelia / Pensyarah**

ABSTRAK

Kajian ini meninjau tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat. Kajian ini juga melihat sejauhmana hubungan faktor luaran dan faktor dalaman dengan pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab di samping melihat sejauh mana hubungan antara pengetahuan sedia ada tersebut dengan pencapaian bahasa Arab semasa Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Sampel kajian terdiri daripada 150 orang pelajar Tingkatan Empat dari tiga buah sekolah yang berbeza kategori iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik dan satu set borang Ujian Diagnostik Pengetahuan Sedia Ada Tentang Kata Pinjaman Arab. Data dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS versi 20) bagi memperolehi min, median dan mod. Sementara ANOVA, ujian-t, Pearson R dan Spearman-rho digunakan untuk melihat perbezaan dan kolerasi antara tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan pembolehubah-pembolehubah. Hasil kajian mendapati skor keseluruhan tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab berada pada tahap yang baik. Kajian juga mendapati faktor luaran dari segi jantina dan pengalaman tidak mempengaruhi tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab. Sebaliknya pengetahuan sedia ada tersebut mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap beberapa faktor dalaman ($p < 0.05$). Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan dalam skor ujian diagnostik antara pelajar yang mendapat pencapaian bahasa Arab PMR yang baik dengan pelajar yang mendapat pencapaian yang lemah. Analisis kolerasi Spearman-rho pula menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian bahasa Arab PMR ($p < 0.05$). Implikasi dan cadangan turut dikemukakan bagi memberi input yang bermanfaat kepada guru dan pihak-pihak yang terlibat.

ABSTRACT

This study investigated the level of existing knowledge about Arabic loanwords among Form Four students, as well as to determine the relationship between external and internal factors with students' existing knowledge about Arabic loanwords. This study also investigated the relationship between students' existing knowledge about Arabic loanwords and their performance in Arabic Language during Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). The sample of the study consisted of 150 Form Four students from three different schools categories, namely Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). The study used a set of questionnaire and a set of Existing Knowledge about Arabic Loanwords Diagnostic Test. Data were collected and analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS version 20) to obtain the mean, median and mode. ANOVA, t-test, Pearson R and Spearman-rho were used to determine the difference, to compare and to correlate between the levels of existing knowledge about Arabic loanwords with the variables. The findings of the study indicated that overall score of students' level of existing knowledge about Arabic loanwords are at a good level. The findings also found that external factors such as gender and experience in learning the Arabic language do not affect the students' level of existing knowledge about Arabic loanwords. However, the knowledge about Arabic loanwords has a high effect on the internal factors ($p < 0.05$). T-test analysis showed that there were differences in scores of the diagnostic test between students who perform well in the Arabic language compared to students who have poor performance during PMR. Spearman-rho correlation analysis indicated that there is a positive relationship between the level of existing knowledge about Arabic loanwords compared to performance in the Arabic language during PMR ($p < 0.05$). Implications and recommendations are suggested to provide useful input to the teacher and other parties involved.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga Baginda. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya membolehkan saya menyempurnakan penyelidikan disertasi ini. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

Dr. Ahmad Fikri bin Hj Husin sebagai penyelia yang telah banyak menyumbangkan kepakaran dan sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan penyelidikan ini. Para pensyarah FBL khususnya Dr. Jawakhir Mior Jaafar, Dr. Norizah Hassan, Dr. Mat Taib Pa dan Dr. David Young yang telah banyak membimbing saya sepanjang pengajian di Universiti Malaya.

Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah membiayai dan memberi peluang yang tidak ternilai untuk saya meneruskan pengajian ini, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pelajaran Negeri Kedah, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan pengetua-pengetua SMK Agama Yan, SMK Jalan Tiga Bandar Baru Bangi dan SAM Unwanus Saadah Banting yang telah membenarkan penyelidikan ini dijalankan. Juga kepada guru-guru bahasa Arab di sekolah-sekolah yang terlibat, di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan. Tidak ketinggalan buat pelajar-pelajar yang sudi menjadi responden, para sahabat dan kepada mereka yang turut memberi pandangan dan buah fikiran kepada saya secara langsung atau tidak langsung khususnya Dr Azizi bin Che Seman, Dr Abdul Kadir bin Ariffin dan Dr Kamilah Radin Salim.

Istimewa penghargaan ini buat bonda tersayang Hajjah Nah binti Noh, buat suami tercinta Abd Aziz bin Ismail, juga buat anak-anak yang dikasihi di atas kesabaran, pengorbanan, dorongan dan doa yang diberikan sepanjang tempoh pengajian saya. Semoga restuNya mengiringi setiap langkah dalam perjalanan hidup kalian.

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN.....	vi
JADUAL TRANSKRIPSI.....	xi
SENARAI LAMBANG DAN SINGKATAN	xii
SENARAI JADUAL.....	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
BAB 1 : PENGENALAN	(1-17)
1.0 Pendahuluan.....	1
1.1 Penyataan Masalah	3
1.2 Objektif Kajian.....	10
1.3 Persoalan Kajian.....	10
1.4 Kepentingan Kajian	11
1.5 Batasan Kajian	12
1.6 Kriteria Pemilihan Kata Pinjaman.....	13
1.7 Definisi Terminologi	14
1.7.1 Pengetahuan Sedia Ada.....	14
1.7.2 Kata Pinjaman.....	15
1.7.3 Hubungan	15
1.7.4 Pencapaian.....	15
1.7.5 Sikap.....	16
1.7.6 Kesedaran	16
1.7.7 Motivasi.....	16
1.7.8 Kebimbangan.....	17
1.8 Kesimpulan	17
BAB 2: KAJIAN LITERATUR.....	(19-47)
2.0 Pendahuluan.....	19
2.1 Kedudukan Dan Pengaruh Bahasa Arab di Malaysia	19
2.1.1 Sejarah Kedudukan Bahasa Arab Dan Pengaruhnya di Tanah Melayu	20
2.1.2 Kedudukan Bahasa Arab Dalam Era Pendidikan Semasa	22

2.1.2.1	Program SMKA (Sekolah Menengah Kebangsaan Agama)	23
2.1.2.2	Program KAA (Kelas Aliran Agama)	24
2.1.2.3	Program j-QAF	25
2.1.2.4	Program SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan)	26
2.2	Konsep Pengetahuan Sedia Ada (PSA)	26
2.2.1	Pengetahuan Sedia Ada Dan Pembelajaran.....	27
2.2.2	Peranan Pengetahuan Sedia Ada Dengan Sikap Pelajar Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran.....	30
2.2.3	Peranan Pengetahuan Sedia Ada Dengan Pencapaian Pelajar.....	31
2.3	Konsep Pemerolehan-pembelajaran Bahasa Kedua	33
2.3.1	Teori Pemerolehan-pembelajaran Bahasa Kedua Dalam Model Monitor Krashen	33
2.3.2	Aplikasi Teori	34
2.4	Konsep Kata Pinjaman	37
2.4.1	Konsep Pinjaman Menurut Sarjana Arab	37
2.4.2	Klasifikasi Kata Pinjaman	40
2.4.2.1	Pinjaman Tulen (<i>Pure Loanwords</i>):.....	41
2.4.2.2	Pinjaman Kacukan (<i>Loanblends</i>):	41
2.4.2.3	Pinjaman Ubahsuai (<i>Loanshifts</i>):	42
2.4.3	Kajian Kepustakaan Tentang Kata Pinjaman	42
2.5	Kesimpulan	47

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN.....(49-79)

3.0	Pendahuluan	49
3.1	Rekabentuk Kajian	49
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	51
3.3	Pembolehubah Kajian.....	53
3.4	Lokasi Kajian	55
3.5	Sampel Dan Kaedah Persampelan Kajian	56
3.6	Demografi Responden Kajian	58
3.7	Instrumen Kajian	59
3.7.1	Instrumen Soal Selidik	60
3.7.2	Ujian Diagnostik Pengetahuan Sedia Ada Tentang Kata Pinjaman Arab	63

3.7.3	Pengelasan Kata Pinjaman	66
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	71
3.8.1	Kesahan Instrumen Kajian	71
3.8.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	74
3.8.2.1	Kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i>	75
3.9	Kajian Rintis	76
3.10	Prosedur Pengumpulan Data Kajian.....	77
3.11	Analisis Data Kajian.....	79

BAB 4: DAPATAN KAJIAN.....(82-119)

4.0	Pendahuluan	82
4.1	Tahap Pengetahuan Sedia Ada (PSA) Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab	82
4.1.1	Skor Keseluruhan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab	83
4.1.2	Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa.....	83
4.1.3	Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa.....	84
4.1.4	Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa.....	86
4.1.5	Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab.....	87
4.1.6	Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab	88
4.1.7	Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab	90
4.1.8	Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab.....	91
4.1.9	Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab	93
4.2	Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Faktor Luaran (Kategori Sekolah, Jantina Dan Pengalaman Belajar Bahasa Arab).....	95

4.2.1	Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Kategori Sekolah	95
4.2.2	Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Jantina	98
4.2.3	Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab.....	100
4.3	Pengaruh Faktor Luaran (Kategori Sekolah, Jantina Dan Pengalaman Belajar Bahasa Arab) Terhadap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab	103
4.3.1	Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Kategori Sekolah.....	104
4.3.2	Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Jantina.....	104
4.3.3	Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Pengalaman Belajar Bahasa Arab.....	105
4.4	Sikap Pelajar (Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan)	106
4.4.1	Skor Keseluruhan Sikap Pelajar	106
4.4.2	Sikap Pelajar Berdasarkan Indeks.....	107
a)	Kesedaran Pelajar.....	107
b)	Motivasi Pelajar	111
c)	Kebimbangan Pelajar	114
4.5	Pengaruh PSA Tentang Kata Pinjaman Arab Terhadap Sikap Pelajar (Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan)	116
4.5.1	Korelasi Antara Skor Ujian Diagnostik PSA Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Sikap Pelajar – Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan.....	116
4.6	Hubungan Antara PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Pencapaian Bahasa Arab PMR	118
4.6.1	Perbezaan Skor Ujian Diagnostik Antara Pencapaian Bahasa Arab Baik Dan Pencapaian Bahasa Arab Lemah	118
4.6.2	Korelasi Antara Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Pencapaian Bahasa Arab PMR.....	119

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN(120-143)

5.0	Pendahuluan	120
5.1	Ringkasan Dan Perbincangan Dapatan Kajian	120

5.1.1	Tahap Pengetahuan Sedia Ada (PSA) Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab	121
a)	Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Secara Keseluruhan	121
b)	Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa	122
c)	Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab.....	124
5.1.2	Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Faktor Luaran (Kategori Sekolah, Jantina Dan Pengalaman Belajar Bahasa Arab)	125
a)	Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Kategori Sekolah	126
b)	Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Jantina	127
c)	Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab.....	129
5.1.3	Pengaruh PSA Tentang Kata Pinjaman Arab Terhadap Sikap Pelajar (Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan).....	130
a)	Kesedaran Pelajar.....	130
b)	Motivasi Pelajar	131
c)	Kebimbangan Pelajar	133
5.1.4	Hubungan Antara PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Pencapaian Bahasa Arab PMR.....	134
5.2	Implikasi Dapatan Kajian	135
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan.....	141
5.4	Penutup	143
BIBLIOGRAFI		145
LAMPIRAN A	Surat-surat Kebenaran Menjalankan Kajian.....	151
LAMPIRAN B	Borang Soal Selidik Dan Borang Diagnostik Pengetahuan Sedia Ada Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab.....	159
LAMPIRAN C	Contoh Jawapan Pelajar.....	167
LAMPIRAN D	ANALISIS SPSS Soal Selidik Pelajar Dan Ujian Diagnostik Pengetahuan Sedia Ada Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab.....	175

JADUAL TRANSKRIPSI

Nama Huruf	Lambang Huruf	Transkripsi	Simbol IPA
hamzah	ء	ʾ	ʔ
baʾ	ب	B	B
taʾ	ت	T	T
thaʾ	ث	Th	θ
jimʾ	ج	J	dʒ
haʾ	ح	H	ħ
khaʾ	خ	Kh	x
Dal	د	D	D
Dhal	ذ	Dh	ð
raʾ	ر	R	R
Zay	ز	Z	z
Sin	س	S	s
Shin	ش	Sh	ʃ
Sad	ص	S	sˤ
Dad	ض	D	dˤ
taʾ	ط	T	tˤ
zaʾ	ظ	Z	ðˤ
ʿayn	ع	ʿ	ʕ
ghayn	غ	Gh	ɣ/ʁ
faʾ	ف	F	f
Qaf	ق	Q	q
Kaf	ك	K	k
Lam	ل	L	l
Mim	م	M	m
Nun	ن	N	n
haʾ	ه	H	h
Waw	و	W	w
yaʾ	ي	Y	j
taʾ marbutaṭ	ة	Ṭ	h

SENARAI LAMBANG DAN SINGKATAN

_____	:	Hubungan
————→	:	Arah Aliran
>	:	Lebih Daripada
<	:	Kurang Daripada
α	:	<i>Alpha</i>
BA	:	Bahasa Arab
BM	:	Bahasa Melayu
FBL	:	Fakulti Bahasa Dan Linguistik
JPN	:	Jabatan Pelajaran Negeri
j-QAF	:	Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab Dan Fardhu Ain
KAA	:	Kelas Aliran Agama
KPM	:	Kementerian Pelajaran Malaysia
PMR	:	Peperiksaan Menengah Rendah
PSA	:	Pengetahuan Sedia Ada
SABK	:	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SMKA	:	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	:	<i>Statistical Package for Social Science</i>
STS	:	Sangat Tidak Setuju
TS	:	Tidak Setuju
S	:	Setuju
SS	:	Sangat Setuju

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1:	Jenis-jenis Pembolehubah Kajian	54
Jadual 3.2:	Taburan Sampel Kajian	56
Jadual 3.3:	Demografi Responden Kajian	58
Jadual 3.4:	Sikap Pelajar	62
Jadual 3.5:	Empat Tahap Pengukuran Skala	63
Jadual 3.6:	Kriteria Ujian Diagnostik	64
Jadual 3.7:	Senarai Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu	66
Jadual 3.8:	Senarai Kata Pinjaman Serupa	68
Jadual 3.9:	Senarai Kata Pinjaman Hampir Serupa	69
Jadual 3.10:	Senarai Kata Pinjaman Mengikut Pengelasan Pinjaman Tulen, Pinjaman Kacukan Dan Pinjaman Ubahsuai.....	70
Jadual 3.11:	Nilai Kebolehppercayaan Item Soal Selidik Berdasarkan <i>Cronbach Alpha</i>	76
Jadual 3.12:	Kaedah Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	80
Jadual 3.13:	Aras Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gred Bahasa Arab PMR	81
Jadual 4.1:	Skor Keseluruhan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab	83
Jadual 4.2 :	Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa	83
Jadual 4.3:	Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa.....	84
Jadual 4.4:	Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa.....	86
Jadual 4.5:	Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab	87

Jadual 4.6:	Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab.....	88
Jadual 4.7:	Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab.....	90
Jadual 4.8:	Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab.....	91
Jadual 4.9:	Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab.....	93
Jadual 4.10:	Perbezaan Skor PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Kategori Sekolah	95
Jadual 4.11:	Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Dari Segi Kategori Sekolah.....	96
Jadual 4.12:	Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab Dari Segi Kategori Sekolah	97
Jadual 4.13:	Perbezaan Skor PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Jantina	98
Jadual 4.14:	Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Dari Segi Jantina	98
Jadual 4.15:	Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab Dari Segi Jantina	99
Jadual 4.16:	Perbezaan Skor PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab.....	100
Jadual 4.17:	Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab.....	101
Jadual 4.18:	Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab	102
Jadual 4.19:	Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Kategori Sekolah	104

Jadual 4.20:	Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Jantina	104
Jadual 4.21:	Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Pengalaman Belajar Bahasa Arab	105
Jadual 4.22:	Skor Keseluruhan Sikap Pelajar	106
Jadual 4.23:	Taburan Item Kesedaran Pelajar Terhadap Kata Pinjaman	107
Jadual 4.24:	Taburan Item Motivasi Pelajar	111
Jadual 4.25:	Taburan Item Kebimbangan Pelajar	114
Jadual 4.26:	Korelasi Antara Skor Ujian Diagnostik PSA Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Sikap Pelajar – Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan	116
Jadual 4.27:	Perbezaan Skor Ujian Diagnostik Antara Pencapaian Bahasa Arab Baik Dan Pencapaian Bahasa Arab Lemah.....	118
Jadual 4.28:	Korelasi Antara Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab dengan Pencapaian Bahasa Arab PMR	119

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	Kerangka Konseptual Kajian.....	53
Rajah 4.1:	Korelasi Antara Skor Ujian Diagnostik PSA Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Sikap Pelajar – Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan	117

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Seringkali bahasa digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi bagi menyampaikan atau menerima mesej. Ia juga merupakan alat untuk seseorang mengemukakan idea kepada orang lain sama ada melalui pertuturan, penulisan, lambang atau simbol dan lain-lain.

Menurut Ibn Jinni (1913: 46-47), bahasa adalah bunyi percakapan yang digunakan oleh sesuatu kelompok masyarakat untuk menyatakan hasrat mereka. Menurutnya lagi bahasa merupakan unsur budaya yang menjadi wahana untuk menyebarkan dan meningkatkan ilmu serta untuk menyampaikan maklumat dan pemikiran dalam kehidupan manusia. Sebagai unsur budaya, bahasa itu dinamik, dapat dibina serta dipupuk untuk terus berkembang.

Bahasa Arab dianggap sebagai bahasa ilmu yang telah berkurun lama mempengaruhi iklim dunia dalam perkembangan tamadun manusia. Ia menjadi dinamo yang telah berjaya merubah dan membentuk keperibadian struktur sesebuah negara bangsa seperti mana berubahnya zaman Jahiliyyah kepada zaman ketamadunan Islam yang agung.

Al-Quran sebagai mukjizat kepada Nabi Muhammad SAW adalah sumber ilmu terhebat, yang menuntut umat Islam di segenap pelosok dunia untuk tahu membaca, memahami, menghafal malah diwajibkan untuk melaksanakan segala syariat yang terkandung di dalamnya. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang menjadikan sesiapa pun yang bergelar Muslim tidak terlepas daripada mempelajari bahasa Arab terutama bagi menunaikan kewajipan sebagai seorang Muslim seperti kewajipan solat.

Realiti ini menjadikan bahasa Arab mampu melonjak corak dan tahap pemikiran manusia yang lebih komprehensif dan holistik serta mampu membentuk satu anjakan paradigma ke arah individu yang versatil dan bijak menggunakan akal, seperti mana firman Allah SWT:

الرَّ تِلْكَ ءَايَاتُ الْكِتَابِ الْمُبِينِ ﴿١﴾ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

(سورة يوسف : ١-٢)

[1] Alif, Laam, Raa'. Ini ialah Kitab Al-Quran yang menyatakan kebenaran. [2] Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

(Surah Yusuf: 1-2)

Dalam konteks dunia Melayu, di sana terdapat hubungan yang sangat kuat antara masyarakat Melayu dan bahasa Arab. Manakan tidak, bahasa Arab telah dibawa masuk bersama-sama masuknya Islam ke nusantara sejak berabad-abad yang lalu. Dengan ini, setiap orang Melayu (dengan andaian bahawa orang Melayu itu boleh dikatakan Islam dalam konteks budaya Malaysia) tidak dapat melarikan diri daripada mempelajari bahasa Arab sama ada sedikit atau banyak.

Bahasa Arab begitu dekat di hati masyarakat Melayu dan terdapat sebahagian perkataan-perkataan Arab sudah sebatikan dengan kehidupan mereka. Kesebatikan ini menjadikan mereka hampir tidak menyedari bahawa dekatnya bahasa Arab dengan diri mereka walaupun mereka mendengar dan bertutur sebahagian bahasa Arab itu setiap hari.

Fenomena ini berlaku akibat penyerapan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu pada tempoh yang berdurasi lama sehingga berdarah daging. Sebagaimana bahasa-bahasa

dunia yang lain, bahasa Melayu tidak terlepas daripada penyerapan bahasa serta peminjaman kata daripada bahasa asing. Norhazlina Husin (2008: 603), menyatakan bahawa kekurangan perbendaharaan kata serta keperluan untuk mencipta atau mencari perkataan untuk objek dan konsep yang baru, boleh menyebabkan berlakunya peminjaman. Malah kadangkala lebih mudah untuk meminjam perkataan yang sedia ada daripada mencipta yang baru.

Ironinya, penutur bahasa Melayu seakan tidak menyedari terdapatnya sebahagian perkataan bahasa Melayu berasal daripada bahasa Arab. Ayat berikut mungkin boleh menjadi contoh : “Wakil rakyat membahaskan masalah dan hal ehwal masyarakat di Dewan Rakyat”. Sebenarnya sembilan daripada sepuluh perkataan dalam ayat tersebut merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab sekalipun susunan leksikal dan susunan sintaksisnya mungkin berbeza di antara kedua-dua bahasa.

1.1 Pernyataan Masalah

Menurut Mat Taib Pa (2007: 1), penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu pada hari ini dilihat amat lemah. Kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan pelajar-pelajar dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkecuali. Persoalan besarnya, apakah faktor berlakunya fenomena ini dan bagaimana mengatasinya?

Penulis mengandaikan bahawa terdapat kemungkinan antara faktor berlakunya fenomena penguasaan bahasa Arab yang lemah ialah kekurangan perbendaharaan kata Arab. Satu kajian sarjana yang dijalankan oleh Saifuddin Hussin (2002: 87), bagi mengenal pasti sejauhmanakah penguasaan perbendaharaan kata Arab oleh pelajar tingkatan tiga, menunjukkan bahawa tahap penguasaan perbendaharaan kata Arab

dalam kalangan pelajar amat lemah dan memerlukan perhatian yang serius daripada semua pihak.

Perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa merupakan aspek yang penting untuk menguasai bahasa tersebut, kerana seseorang itu tidak mungkin dapat bertutur, mengungkapkan kata-kata, atau menulis jika dia tidak mempunyai satu pun perbendaharaan kata. Siti Ikbal Sheikh Salleh (2007: 61), menyatakan bahawa penguasaan terhadap bahasa bermakna kebolehan dan keupayaan seseorang itu untuk bertutur dan berkomunikasi secara spontan. Tanpa keupayaan ini, maka proses komunikasi dan interaksi antara individu dan juga masyarakat tidak akan terlaksana dengan sempurna.

Fenomena kekurangan perbendaharaan kata ini sering kali menjadi masalah dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Mereka tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik dan jitu berikutan pengetahuan mereka yang terhad terhadap perbendaharaan kata bahasa tersebut. Sehubungan itu, seringkali pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab tidak dapat bertutur, membina ayat dan menulis karangan bahasa Arab dengan baik.

Uniknya, sebahagian perbendaharaan kata Arab sudah sedia ada dalam minda pelajar iaitu 'kata pinjaman Arab'. Tanpa mereka sedari, mereka sebenarnya telah menggunakan pengetahuan sedia ada mereka tentang kata pinjaman Arab ini dalam pertuturan mereka sehari-hari. Amran Kasimin (1987: 52-111), misalnya, telah cuba mengetengahkan kata pinjaman Arab melalui kajian yang mendalam dan hasil kajian tersebut maka tersenarailah 1678 patah perkataan Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu. Namun perkara yang menjadi persoalan, sejauhmanakah kesedaran masyarakat (khususnya pelajar) terhadap kata pinjaman Arab yang digunakan sehari-hari itu?.

Justeru, kajian ini berusaha untuk membuat rumusan bahawa pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab mempunyai hubungan yang signifikan dalam membantu pelajar mencapai keputusan yang baik dalam mata pelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana melalui pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab ini, mereka dapat menambahkan jumlah perbendaharaan kata Arab dengan mudah, kerana hakikatnya kata pinjaman itu sudah pun sedia ada dalam minda mereka. Pelajar seharusnya diberi kefahaman tentang konsep ini.

Merujuk kepada pernyataan Zamri Mahamod (2003: 139), bahawa pelajar yang mempelajari bahasa kedua dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran dan faktor-faktor dalaman yang ada dalam diri mereka, pengkaji menumpukan kajian ini kepada dua faktor utama ini iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Bagi faktor luaran, pengkaji telah menetapkan beberapa aspek iaitu kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab. Sementara bagi faktor dalaman pula, aspek yang ditetapkan ialah sikap pelajar yang terdiri daripada aspek kesedaran, kebimbangan dan motivasi.

Zamri Mahamod (2007: 139), berpendapat bahawa faktor luaran seperti persekitaran, jantina, sosial, perbezaan pembelajaran, pengalaman dan sebagainya boleh mempengaruhi pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua seseorang pelajar. Oleh itu, aspek persekitaran yang dirujuk sebagai kategori sekolah dalam kajian ini, merupakan antara aspek yang penting untuk dikaji. Terdapat beberapa kategori sekolah di Malaysia yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab kepada para pelajar, namun kajian ini hanya tertumpu kepada tiga kategori sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Ketiga-tiga kategori sekolah ini mempunyai persekitaran dan situasi pembelajaran bahasa Arab yang berbeza, sebagai contoh semua pelajar SMKA diwajibkan mengambil mata pelajaran bahasa Arab, sementara pelajar KAA

pula terdiri daripada pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab sebagai pakej pilihan. Pelajar-pelajar SABK pula, selain diwajibkan mengambil mata pelajaran bahasa Arab, mereka juga diwajibkan mengambil mata pelajaran Azhari yang turut menggunakan bahasa Arab sebagai medium bahasa. Ini membuatkan pelajar-pelajar SABK lebih terdedah kepada suasana pembelajaran yang menggunakan bahasa Arab sebagai medium berbanding pelajar-pelajar SMKA dan KAA. Oleh itu, kajian ini membuat pemerhatian mengenai pengaruh sesebuah kategori sekolah terhadap pengetahuan sedia ada seseorang pelajar tentang kata pinjaman Arab.

Selain itu, aspek jantina telah menimbulkan persoalan dari segi tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab dan tahap pencapaian dalam mata pelajaran tersebut, kerana terdapat kecenderungan pelajar perempuan menunjukkan minat dan tahap prestasi yang lebih baik berbanding pelajar lelaki. Oleh itu, kajian ini menjawab persoalan adakah aspek jantina juga turut mempengaruhi perbezaan tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab.

Aspek perbezaan pengalaman belajar bahasa Arab juga menjadi persoalan kepada kajian ini, kerana kebiasaannya setiap pelajar mempunyai pengalaman yang berbeza-beza dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua, disebabkan kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa pilihan dalam konteks pendidikan di Malaysia. Perbezaan pengalaman belajar bahasa Arab ini boleh dibahagikan kepada tiga pengalaman iaitu sama ada pelajar mula belajar bahasa Arab seawal pra-sekolah/ tadika, mula belajar bahasa Arab semasa di sekolah rendah atau mula belajar bahasa Arab apabila sudah masuk ke sekolah menengah. Maka daripada kajian dapat dilihat sama ada pengalaman belajar bahasa Arab mempunyai pengaruh terhadap tahap pengetahuan sedia ada seseorang pelajar tentang kata pinjaman Arab.

Berbicara mengenai faktor dalaman pula, sikap yang positif merupakan satu faktor dalaman yang penting dalam mempengaruhi pelajar untuk menguasai bahasa Arab. Menurut Zamri Mahamod (2007: 200) sikap terhadap pembelajaran dan pencapaian sangat berkait rapat antara satu sama lain kerana sikap merupakan faktor dominan yang amat berpengaruh bagi pelajar mencapai kejayaan. Dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap banyak mempengaruhi sejauh mana pelajar dapat mempelajari dan menguasai bahasanya dengan cepat. Sharifah Akmam (2005) dalam Zamri Mahamod (2007: 200) menyatakan terdapat tiga elemen utama yang membantu pembentukan sikap. Pertama, sikap dipengaruhi oleh pengetahuan, kepercayaan dan kebudayaan seseorang yang diperolehi daripada pengalaman, pendengaran, penglihatan dan pembacaan. Kedua, sikap dipengaruhi oleh perasaan yang melibatkan tekanan emosi dalam diri seseorang. Ketiga, sikap juga dipengaruhi oleh kecenderungan seseorang untuk bertindak. Oleh itu, berdasarkan kepada ketiga-tiga elemen asas ini, penyelidik membuat huraian terhadap faktor sikap ini dari tiga aspek iaitu aspek kesedaran, aspek kebimbangan dan aspek motivasi. Bagi faktor sikap ini, pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dijangka memberi pengaruh ke atasnya. Ini kerana pengkaji mengandaikan bahawa tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab yang tinggi akan membentuk sikap yang positif, yang mana sikap yang positif ini akan mempengaruhi pula minat pelajar untuk menguasai bahasa Arab, seterusnya memperolehi pencapaian yang baik dalam mata pelajaran tersebut.

Bagi aspek kesedaran, Sharifah Alwiah Alsagoff (1987: 123-124) menyatakan bahawa menurut ahli psikologi kognitif/Gestalt, aktiviti-aktiviti otak adalah selari dengan kandungan fikiran kerana otak akan mengubah bentuk maklumat kederiaan yang mendatang secara aktif. Maklumat yang telah terubah bentuk inilah dikenali sebagai 'kesedaran'. Abu Zahari Abu Bakar (1988: 72) yang turut membincangkan tentang teori kognitif menyatakan bahawa setiap manusia mempunyai kebolehan mental untuk

mengelola, menyimpan dan mengeluarkan semula segala pengalamannya untuk membolehkan dia memerhati dan membuat perkaitan di antara pengalaman yang tersimpan dengan masalah yang sedang dihadapinya. Dalam aspek kesedaran ini, pengkaji melihat semasa proses pembelajaran bahasa Arab, pelajar akan mengeluarkan segala pengalamannya tentang kata pinjaman Arab yang sudah sedia diketahui dalam bahasa ibunda untuk mencari wujudnya kesamaan elemen dengan bahasa baru yang sedang dipelajari. Namun begitu, Abu Zahari Abu Bakar (1988: 302) menegaskan bahawa kesedaran ini tidaklah datang dengan sendirinya sahaja sebaliknya kesedaran terhadap kewujudan kesamaan elemen perlu dibimbing khususnya kanak-kanak.

Bagi aspek kebimbangan, Ee Ah Meng (2003: 180) menyatakan bahawa seseorang pelajar yang bimbang selalunya berasa tidak selesa, mudah tersinggung, berasa takut atau sedih. Pada peringkat ini, pelajar biasanya bimbang terhadap peperiksaan, perkara-perkara kejantinaan dan yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya. Dalam aspek ini, pengkaji berpendapat kemungkinan terdapat juga rasa kebimbangan pelajar terhadap keupayaan mereka untuk menguasai bahasa Arab berikutan ia adalah bahasa asing yang jarang digunakan dalam lingkungan sosial, tidak seperti bahasa Inggeris yang komunikasi sosialnya lebih meluas yang mana sudah tentu dapat membantu pelajar menguasai bahasa Inggeris dengan lebih baik. Pengkaji melihat kebimbangan ini boleh membawa pelajar kepada dua keadaan iaitu sama ada kebimbangan akan menjadi penggerak untuk berusaha supaya tidak gagal (bermotivasi) atau kebimbangan akan menjadikan pelajar patah semangat dan meninggalkan terus mata pelajaran bahasa Arab.

Oleh itu, pelajar harus dibantu untuk mengurangkan perasaan bimbang mereka terhadap bahasa Arab. Ee Ah Meng (2003: 181) mencadangkan agar guru mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar dengan cara mengukuhkan lagi kekuatan pelajar dan

pada masa yang sama menjalankan aktiviti pemulihan untuk membantu pelajar mengatasi kelemahan. Pengkaji melihat pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab adalah satu kekuatan tersembunyi yang mungkin tidak disedari oleh pelajar itu sendiri, yang seharusnya kekuatan ini dapat mengurangkan kebimbangan dan rasa tertekan terhadap bahasa Arab. Oleh itu, kekuatan tersembunyi ini perlu dikeluarkan dan diberi pengukuhan supaya pelajar dapat memanipulasi kata pinjaman Arab dengan sebaik mungkin.

Bagi aspek motivasi, menurut Ee Ah Meng (2003: 216) motivasi bermakna sesuatu usaha yang menggerakkan seseorang individu untuk melakukan sesuatu. Sementara Zamri Mahamod (2007: 201) menyatakan bahawa motivasi berkaitan dengan dorongan dalaman diri seseorang. Dorongan dalaman ini menjadi tenaga penggerak dan mengekalkan perlakuan mereka ke arah mencapai matlamat yang diinginkan. Proses motivasi bermula apabila seseorang itu mula mengenal pasti keinginan atau keperluan, lalu keinginan ini akan berubah menjadi satu kuasa penggerak untuk mencapai suatu motif atau matlamat. Seterusnya seseorang itu akan menggerakkan perlakuannya ke arah mencapai matlamat tersebut. Pencapaian matlamat dapat memenuhi keinginan yang menjadikan seseorang itu puas. Beliau menekankan bahawa tinggi atau rendahnya motivasi seseorang itu ada kaitannya dengan ciri-ciri tertentu yang terdapat dalam diri masing-masing. Dalam aspek ini, pengkaji melihat pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab adalah ciri yang sudah ada dalam diri pelajar yang boleh menjadikan mereka bermotivasi tinggi untuk mendapatkan perbendaharaan kata Arab dengan lebih mudah dan cepat. Motivasi berarah ini juga boleh menjadi daya penggerak bagi pelajar yang berasa bimbang kerana kekurangan perbendaharaan kata Arab, supaya terus berusaha.

Oleh itu, berdasarkan huraian-huraian di atas, pengkaji ingin melihat sejauh mana faktor luaran iaitu kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab memberi pengaruh terhadap tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab. Sebaliknya bagi faktor dalaman pula iaitu sikap pelajar, pengkaji ingin melihat sejauh mana ia dipengaruhi oleh tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab tersebut.

1.2 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji secara umumnya adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab dan hubungannya dengan pencapaian. Antara objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengetahui tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab termasuk tahap pengecaman melalui kata pinjaman serupa dan hampir serupa serta tahap pengecaman melalui bahasa Melayu dan bahasa Arab;
- ii. Mengenal pasti sejauhmana pengaruh kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab terhadap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab;
- iii. Mengkaji sejauhmana pengaruh pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab terhadap sikap pelajar dari aspek kesedaran, motivasi dan kebimbangan;
- iv. Menganalisis sejauhmana hubungan antara tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian bahasa Arab.

1.3 Persoalan Kajian

Bagi menepati objektif kajian yang telah dinyatakan di atas, empat persoalan kajian telah dibentuk, iaitu:

- i. Apakah tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab secara keseluruhan?
- ii. Sejauhmanakah pengaruh kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab terhadap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab?
- iii. Sejauhmanakah pengaruh pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab terhadap sikap pelajar dari aspek kesedaran, motivasi dan kebimbangan?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian bahasa Arab?

1.4 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab. Tiga kategori sekolah telah dipilih oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini iaitu sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Pengkaji telah memilih tiga kategori sekolah yang berbeza kerana ketiga-tiganya mempunyai beberapa 'ciri' yang berbeza termasuk lokasi, kategori, penawaran aliran dan suasana pembelajaran yang berbeza. Pelajar tingkatan empat dipilih sebagai sasaran kajian kerana mereka telah mengikuti pembelajaran bahasa Arab selama sekurang-kurangnya tiga tahun pada peringkat menengah rendah. Oleh itu, sepanjang tempoh tiga tahun tersebut, adakah mereka menyedari tentang kata pinjaman Arab dan adakah hasil kesedaran ini membantu mereka menguasai perbendaharaan kata Arab dengan mudah, seterusnya adakah penguasaan ini dapat membantu mereka dalam mencapai keputusan yang baik dalam mata pelajaran bahasa Arab bagi Peperiksaan Menengah Rendah (PMR)?.

Oleh itu, pertalian di antara persoalan-persoalan di atas dapat dibuat perbincangan dan tindakan bagi membantu pelajar menengah rendah memantapkan penguasaan mereka terhadap bahasa Arab; melalui perbendaharaan kata Melayu yang serupa atau hampir serupa makna dan bunyinya dengan bahasa Arab. Abdullah Hassan (1996: 66) menyatakan bahawa pelajar dapat menerima pelajaran dengan lebih berkesan dengan menggunakan iktibar iaitu dengan memberi pelajar kebolehan untuk menerima pelajaran dengan cara melihat persamaan dan pertalian dalam bentuk-bentuk yang diajar. Sementara Abu Zahari Abu Bakar (1988: 86), yang membincangkan prinsip-prinsip pembelajaran pula, menyatakan bahawa manusia mudah belajar dan mengingat perkara-perkara yang ada pertaliannya antara satu sama lain. Ini bermaksud dua perkara yang sama atau hampir sama itu lebih mudah difahami dan disimpan dalam ingatan.

Pengkaji berpendapat peringkat menengah rendah adalah tahap yang paling sesuai untuk mendapatkan sebanyak mungkin perbendaharaan Arab sebelum ke peringkat yang seterusnya.

1.5 Batasan Kajian

Secara spesifik, kajian ini hanya terbatas untuk membuat perkaitan antara tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Arab, yang mana kata pinjaman Arab ini adalah sebahagian daripada perbendaharaan kata Arab yang seharusnya dikuasai oleh seorang pelajar bahasa Arab. Namun begitu, fokus kajian ini juga secara tidak langsung turut melibatkan latar belakang pelajar secara ringkas iaitu jenis sekolah, jantina dan pengalaman mereka belajar bahasa Arab. Fokus juga turut melibatkan sikap pelajar seperti sejauhmana pengetahuan sedia ada membuatkan pelajar sedar tentang kata pinjaman Arab, sejauhmana pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dapat

memberi motivasi dalam menambah perbendaharaan kata Arab serta sejauhmana pengetahuan sedia ada dapat mengurangkan kebimbangan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.

Kajian ini juga menilai sejauhmana tahap pengecaman pelajar terhadap kata pinjaman Arab, sama ada melalui kata pinjaman serupa yang lebih baik atau melalui kata pinjaman hampir serupa yang lebih baik, selain turut menilai tahap pengecaman sama ada melalui bahasa Melayu yang lebih baik atau melalui bahasa Arab yang lebih baik.

Kajian ini juga hanya tertumpu dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat yang sedang mengikuti mata pelajaran bahasa Arab di tiga buah sekolah yang telah dipilih oleh pengkaji, yang terdiri daripada tiga kategori sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Pelajar Tingkatan Empat dipilih kerana mereka telah mengikuti mata pelajaran bahasa Arab sekurang-kurangnya tiga tahun semasa berada di peringkat menengah rendah. Keputusan mereka dalam mata pelajaran bahasa Arab PMR tahun 2011 digunakan sebagai indikator perbandingan antara tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian dalam mata pelajaran tersebut.

1.6 Kriteria Pemilihan Kata Pinjaman

Pengkaji menggunakan perkataan-perkataan Arab yang dipinjam oleh bahasa Melayu yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga, sebagai data kajian. Pemilihan perkataan-perkataan dibuat secara rawak berkumpulan sebelum dimasukkan ke dalam instrumen soalan ujian.

Sementara kesahan peminjaman perkataan-perkataan yang dipilih, dirujuk dalam buku ‘Perbendaharaan Kata Arab Dalam Bahasa Melayu’ oleh Amran Kasimin. Beliau telah membuat penyelidikan yang mendalam termasuk perbincangan terhadap kata pinjaman Arab yang terdapat dalam kamus-kamus. Walaupun begitu, terdapat juga beberapa kata pinjaman yang digunakan oleh pengkaji yang tidak terdapat dalam buku tersebut seperti perkataan ‘solat’ dan ‘tekun’. Pada pendapat pengkaji kedua-dua perkataan tersebut merupakan kata pinjaman Arab berdasarkan penggunaannya yang meluas dalam bahasa Melayu. Amran Kasimin (2007: 52), mengakui bahawa perbendaharaan kata yang telah disenaraikannya tidak merangkumi kesemua kata Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu, berikutan bahasa sesuatu bangsa itu sentiasa berkembang mengikut kemajuan daya fikir bangsa tersebut.

1.7 Definisi Terminologi

Di dalam kajian ini, terdapat beberapa perkataan atau istilah yang memerlukan penjelasan agar ia tidak menimbulkan salah faham berkenaan maksud perkataan-perkataan tersebut, iaitu:

1.7.1 Pengetahuan Sedia Ada

‘Pengetahuan sedia ada’ dalam kajian ini merujuk kepada pengetahuan lalu yang diperolehi, sama ada pengalaman secara langsung atau tidak langsung dan masih kekal dalam ingatan pelajar. Beck (1989) dalam Siti Hawa (2005: 13), menyatakan bahawa pengetahuan sedia ada mampu menyediakan rangka kepada pelajar untuk membantu proses asimilasi maklumat baru.

1.7.2 Kata Pinjaman

Menurut Kamus Dewan (1989: 538), ‘kata pinjaman’ bermaksud kata yang telah digunakan (terserap) di dalam sesuatu bahasa tetapi berasal daripada bahasa lain.

1.7.3 Hubungan

‘Hubungan’ mengikut Kamus Dewan (1989: 429-430), bermaksud perkaitan, pertalian atau rangkaian. Dalam kajian ini, hubungan membawa maksud perkaitan yang dibuat antara dua elemen iaitu pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian mata pelajaran bahasa Arab. Perkaitan ini dibuat adalah untuk melihat adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-duanya.

1.7.4 Pencapaian

‘Pencapaian’ adalah apa yang telah dicapai (dihasilkan atau diperolehi), prestasi (Kamus Dewan, 1989: 195). Menurut Tew Yok Tin (2003) dalam Nor Afzan Sharin (2011: 17), pencapaian pelajar dalam mata pelajaran dinilai berdasarkan markah atau gred yang diperolehi dalam ujian atau peperiksaan. Pelajar yang mendapat markah yang tinggi menunjukkan bahawa beliau telah memahami dan menguasai pelajaran yang telah diajar oleh guru dan sebaliknya pelajar yang memperolehi markah yang rendah dikategorikan sebagai pelajar yang masih belum menguasai pelajaran tersebut.

Dalam kajian ini, pencapaian bahasa Arab adalah berdasarkan kepada pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab bagi Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) Tahun 2011. Dalam peperiksaan ini pelajar akan mendapat gred A, B, C, D atau E berdasarkan pengetahuan, penguasaan dan sikap pelajar dalam mempelajari subjek

bahasa Arab. Gred A dikategorikan sebagai cemerlang, B adalah baik, C dan D lulus sementara E adalah gagal.

1.7.5 Sikap

Menurut Kamus Dewan (1989: 1202), ‘sikap’ membawa maksud perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat atau fikiran. Sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara khusus terhadap sesuatu objek, keadaan atau nilai yang biasanya diiringi dengan perasan dan emosi. Siti Hawa (2005: 13) yang memetik dalam Tuan Zul Azin Tuan Mat (1991), menyatakan bahawa sikap adalah satu faktor psikologi dan sosiologi yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pernyataan ini berdasarkan kepada tingkah laku nyata sama ada melalui percakapan atau pun perlakuan.

1.7.6 Kesedaran

‘Kesedaran’ mengikut Kamus Dewan (1989: 1129-1130), bermaksud ingatan. Jika dirujuk kepada kata akar perkataan ini iaitu ‘sedar’, ia membawa maksud tahu dan ingat (akan keadaan yang sebenarnya), mengerti. Dalam kajian ini, maksud kesedaran berkisar tentang kebolehan dan kemampuan pelajar mengelola dan mengingati kembali kata pinjaman Arab dan seterusnya dapat menyedari keadaan yang sebenarnya bahawa mereka mempunyai pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab.

1.7.7 Motivasi

‘Motivasi’ ialah penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau mencapai sesuatu (Saedah Siraj et al, 1996). Menurut beliau lagi motivasi juga boleh

dikatakan sebagai rancangan untuk kejayaan seseorang atau rangsangan untuk mengelakkan diri daripada kegagalan.

1.7.8 Kebimbangan

Mengikut Kamus Dewan (1989: 147), ‘kebimbangan’ bermaksud perihal bimbang (khuatir, risau). Kata akarnya iaitu ‘bimbang’ membawa maksud berasa gelisah atau tidak sedap hati kerana memikirkan sesuatu atau takut sesuatu yang tidak diingini berlaku. Dalam konteks kajian ini, kebimbangan merujuk perasaan gelisah dan kerisauan pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab yang mungkin pada pendapat mereka adalah bahasa yang sukar dipelajari. Hal ini menjadikan mereka risau jika tidak dapat menguasainya akan membawa kegagalan dalam mata pelajaran tersebut.

1.8 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan meninjau sejauhmana sumbangan pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dalam menambahkan jumlah perbendaharaan kata Arab bagi seseorang pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Seterusnya, kajian ini merupakan asas dalam melihat kemungkinan pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dapat membantu pelajar mencapai keputusan yang baik dalam mata pelajaran bahasa Arab. Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak lagi bidang lain yang perlu pelajar kuasai dalam mencapai keputusan yang baik seperti Nahu, Balangah dan lain-lain. Namun penguasaan perbendaharaan kata Arab tidak kurang pentingnya terutama dalam membina ayat dan membuat karangan Arab yang baik.

Justeru, kajian ini diharap dapat membantu diri pelajar selain dapat membantu guru mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar-pelajarnya dan dapat merancang strategi pengajaran yang lebih menarik dan berkesan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Tinjauan literatur merupakan bahagian yang amat penting dalam sesuatu penyelidikan. Menurut Chua Yan Piaw (2006: 35), tujuan utama tinjauan literatur ini ialah untuk meletakkan pengkaji dalam ‘lautan pengetahuan’ bidang yang dikaji, iaitu membantu pengkaji membuat hubungkait antara kajiannya dengan badan pengetahuan (*body of knowledge*). Membuat tinjauan literatur atau penyelidikan ilmiah sangat penting kepada pengkaji kerana selain dapat mengkhususkan isu dan mengelak mengulang pendapat kajian terdahulu, pengkaji juga dapat mencari kaedah baru atau terbaik dalam menyelesaikan sesuatu masalah (Sulaiman Masri, 2005: 3).

Bab ini membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kedudukan dan pengaruh bahasa Arab di Malaysia, konsep pengetahuan sedia ada, konsep pemerolehan-pembelajaran bahasa kedua dan konsep kata pinjaman khususnya kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu; yang berdasarkan kepada kajian kepustakaan daripada para ilmunan dan para sarjana terdahulu dan terkini. Pengkaji memilih untuk membincangkan perkara-perkara tersebut kerana ia saling berkaitan antara satu sama lain dalam penyelidikan pengkaji.

2.1 Kedudukan Dan Pengaruh Bahasa Arab di Malaysia

Berbicara tentang bahasa Arab di Malaysia, ia boleh dilihat, dinilai dan diperbincangkan dalam pelbagai aspek dan perspektif sama ada dari segi peranan bahasa Arab, pengaruh, kesan, faktor perkembangan atau sebagainya; usai kemunculannya di Tanah Melayu

sejak berkurun lama. Namun dalam bahagian ini, skop perbincangan pengkaji hanya tertumpu kepada sejarah kedudukan bahasa Arab dan pengaruhnya sejak awal kemunculan di Tanah Melayu serta kedudukan bahasa Arab dalam era pendidikan semasa.

2.1.1 Sejarah Kedudukan Bahasa Arab Dan Pengaruhnya di Tanah Melayu

Kajian ini berkaitan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu, oleh itu adalah wajar sejarah kedudukan bahasa Arab dan pengaruhnya terhadap kehidupan masyarakat di Tanah Melayu disentuh secara ringkas, khususnya pengaruh terhadap bahasa Melayu dan pendidikan pada waktu itu.

Pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu dapat dilihat dengan jelas, apabila sudah diketahui umum bahawa bahasa Melayu bukan sekadar ditulis dengan tulisan rumi yang menjadi tulisan rasmi pada hari ini, malah tulisan bahasa Melayu itu telah dimulakan terlebih dahulu dengan tulisan Jawi yang huruf-hurufnya sama dengan huruf-huruf Arab. J.j De Hollander (1984: 231), menjelaskan: “Bahkan abjad tulisan yang bertepatan dengan bahasa Arab pun diterima baik oleh orang Melayu yang sebelum itu rupanya tidak mempunyai abjad sendiri”.

Menurut Muhammad Bukhari Lubis (2006: 13-14), skrip asli Melayu berasal daripada Pallava Selatan, India. Selepas kedatangan Islam ke alam Melayu, orang-orang Melayu telah mengetepikan skrip-skrip asli mereka yang berasaskan skrip Pallava Selatan itu. Kemudian mereka mencipta skrip baru yang berasaskan skrip Arab, iaitu skrip Jawi. Kesemua huruf dalam skrip Arab dipinjam sepenuhnya untuk membentuk tulisan Jawi bagi memenuhi keperluan penulisan masyarakat Melayu ketika itu, terutamanya bagi mempelajari hukum-hakam Islam.

Sejarah pengaruh bahasa Arab bukan setakat pada pengambilan huruf-huruf Arab sepenuhnya untuk dijadikan asas penulisan bahasa Melayu, bahkan pengaruh bahasa Arab juga berlaku pada pertuturan masyarakat Melayu yang mana akhirnya telah membentuk sebahagian daripada perbendaharaan kata Melayu.

Menurut Ahmad Hasbullah (2007: 36), sejak kedatangan Islam ke negara ini pada kurun ke 15 atau 16 Masihi, sejak itulah bahasa Arab dipercayai mulai meresap masuk ke dalam bahasa Melayu. Hal ini kerana Islam membawa ajarannya yang bersumberkan Al-Quran dan Hadis yang kedua-duanya menggunakan bahasa Arab. Semenjak itu, bahasa Melayu telah dipengaruhi oleh bahasa Arab dan pengaruh itu kemudiannya diterima guna oleh masyarakat Melayu. Pengaruh tersebut diperkukuhkan lagi oleh hubungan ilmiah apabila ramai anak watan melanjutkan pelajaran khasnya dalam bidang agama dan bahasa Arab di Timur Tengah, yang kemudian turut membawa pulang pengaruh bahasa Arab dalam kehidupan masyarakat.

Amran Kasimin (1987: 13), menyatakan bahawa bilangan orang Melayu yang pergi ke Mekah ketika harga getah melambung tinggi (1903-1910) begitu besar, melebihi bangsa-bangsa lain. Setelah beberapa tahun di sana, mereka kembali ke tanah air mengembangkan akidah Islam. Sesetengah mereka menjadi penulis yang terkenal, di samping menterjemahkan buku-buku agama daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Pengaruh pendidikan mereka di Timur Tengah seringkali dapat dilihat dalam penulisan dan terjemahan mereka. Dalam proses penulisan ini juga, perbendaharaan kata Arab termasuk kata nama dan kata perbuatan; mula digunakan apabila tidak ada kata-kata Melayu yang dapat menerangkan sesuatu yang hendak disampaikan. Sebagai contoh, terdapat hukum-hukum dan tatacara Islam yang memerlukan ungkapan yang sukar dijelaskan dalam bahasa Melayu seperti rakaat, rujuk, halal dan sebagainya.

Istilah-istilah Arab yang pada mulanya tertumpu kepada kegunaan harian telah berkembang dengan meluas kepada pelbagai ilmu pengetahuan. Akhirnya istilah yang masuk ke dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu itu menjadi bahasa ilmiah, dan situasi ini tidak terjadi sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu (Amran, 1987: 14).

Akhirnya, sebahagian bahasa Arab telah sebatikan dengan kehidupan masyarakat Melayu, dan secara sedar atau tidak, dipertuturkan juga oleh semua golongan di Malaysia dan mereka telah menganggapnya sebagai korpus bahasa Melayu. Justeru itu, jelaslah kepada kita bahawa bahasa Arab telah membantu dalam memperkaya dan memperkasakan bahasa Melayu.

2.1.2 Kedudukan Bahasa Arab Dalam Era Pendidikan Semasa

Bahasa Arab merupakan nadi pengajaran Islam kerana ia adalah bahasa Al-Quran dan Hadis. Selain itu, kebanyakan kitab agama yang utama juga ditulis dengan bahasa Arab. Oleh itu, masyarakat Melayu kebiasaannya tidak dapat lari daripada mempelajari bahasa Arab sama ada banyak atau sedikit. Hal ini menuntut kepada pengajaran bahasa Arab kepada masyarakat supaya mereka dapat mendalami Islam dengan lebih baik. Justeru itu, sistem sekolah pondok mula diperkenalkan di Tanah Melayu pada awal kurun ke-19. Perkataan 'pondok' menurut Ee Ah Meng (2003: 5), berasal daripada perkataan Arab yang bermakna rumah-rumah kecil tempat tinggal pelajar. Kelantan dikatakan negeri yang pertama mengikut sistem ini kerana ia berhampiran dengan Patani. Kemudian sistem pondok ini tersebar pula ke seluruh negara termasuk Kedah, Seberang Perai, Utara Perak dan lain-lain. Sekolah-sekolah pondok telah menempuh era kegemilangannya hampir setengah abad (1906-1945) sebelum akhirnya pengaruhnya hilang sedikit demi sedikit walaupun keperluannya tetap wujud (Amran, 1987: 13).

Namun pada akhir 70-an, kedudukan bahasa Arab kembali menyinar apabila pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah melakukan beberapa langkah untuk menaiktaraf sekolah-sekolah pondok. Dengan pelaksanaan beberapa projek mega seperti SMKA, KAA, j-QAF dan SABK, antara lain ia dilihat sebagai usaha kerajaan untuk memperkasakan kedudukan bahasa Arab dalam era pendidikan semasa negara.

2.1.2.1 Program SMKA (Sekolah Menengah Kebangsaan Agama)

Sejarah penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) bermula apabila Kementerian Pelajaran Malaysia mengambilalih 11 buah Sekolah Agama Negeri dan Rakyat pada tahun 1977. Daripada 11 buah, sekolah SMKA telah berkembang kepada 55 buah sekolah.

Pada tahun 1970-an, sekolah-sekolah menengah rakyat kurang mendapat sambutan disebabkan kekurangan prasarana dan kemudahan, selain sistem pentadbirannya yang kurang teratur. Namun pada masa yang sama juga kesedaran masyarakat terhadap pendidikan semakin meningkat. Oleh itu, Kementerian Pelajaran pada masa itu telah berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia agar sistem pentadbiran dan kurikulum agama diselaraskan dengan sekolah menengah harian.

Penubuhan SMKA selaras dengan usaha memoden dan mempertingkatkan sistem pendidikan negara. Proses penambahbaikan sistem Pendidikan Islam di sekolah-sekolah agama dibuat agar sesuai dengan perkembangan semasa. Kebanyakan sekolah agama sebelum ini menitikberatkan Pengajian Islam dan bahasa Arab sahaja tanpa memberi perhatian kepada mata pelajaran lain seperti yang wujud di Sekolah Menengah Kebangsaan misalnya mata pelajaran Sains, Matematik, Geografi dan lain-lain. Oleh itu, dalam proses penaiktarafan sekolah-sekolah menengah rakyat menjadi Sekolah

Menengah Kebangsaan Agama ini, mata pelajaran agama seperti bahasa Arab dan mata pelajaran akademik lain telah diberi perhatian yang sama rata.

2.1.2.2 Program KAA (Kelas Aliran Agama)

Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah kebangsaan telah mula dijalankan secara rintis pada tahun 1987. Pada bulan Februari 1990, Pengarah Pendidikan Malaysia ketika itu telah meminta pengarah-pengarah pendidikan negeri menubuhkan aliran agama di sekolah menengah kebangsaan di negeri masing-masing. Dalam Mesyuarat Penyelarasan Hal-hal Profesional (PHP) ke 29 pada bulan Januari 1991 Kertas Pelaksanaan KAA telah diluluskan.

Pada tahun 1992, Kelas Aliran Agama (KAA) telah diadakan di 130 buah sekolah. Sehingga kini sekolah beraliran KAA telah meningkat sebanyak 543 buah sekolah.

KAA di sekolah menengah harian diwujudkan atas desakan dan permintaan ibu bapa dan masyarakat kepada pendidikan yang disediakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). SMKA yang sedia ada tidak dapat menampung permintaan ibu bapa berikutan pencapaian prestasi murid-murid dalam UPSR yang meningkat. Kementerian Pelajaran Malaysia pula tidak lagi bercadang untuk menambah bilangan SMKA. Maka keperluan kepada aliran seperti yang dilaksanakan di SMKA amat diperlukan dan diperluaskan di sekolah menengah harian biasa. Situasi ini menunjukkan berlakunya peningkatan kesedaran masyarakat yang mahukan pendidikan agama khususnya bahasa Arab diberikan kepada anak mereka, walaupun anak mereka bersekolah di sekolah menengah harian dan bukan di sekolah menengah agama.

2.1.2.3 Program j-QAF (Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab Dan Fardhu Ain)

Program j-QAF adalah satu usaha memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan fardhu ain yang dilaksanakan di sekolah rendah. Apabila program ini dilaksanakan dengan baik dan berkesan, semua murid yang beragama Islam di sekolah rendah akan mendapat menguasai bacaan dan tulisan jawi, khatam Al-Quran, menguasai asas bahasa Arab dan menghayati amalan fardhu ain.

Program j-QAF dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2005. Sekolah yang terlibat dalam projek rintis adalah sekolah rendah yang menjalankan pengajaran bahasa Arab yang melibatkan sebanyak 1221 buah sekolah.

Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid. Untuk pelaksanaan bagi tahun 2005, empat model telah dikenal pasti iaitu tiga model pengajaran dan satu model kokurikulum. Model-model berkenaan adalah Model Kelas Pemulihan Jawi, Model Enam bulan Khatam Al-Quran dan Tasmik, Model Pelaksanaan Perluasan Bahasa Arab Komunikasi dan Model Bestari Solat (kokurikulum). Pengukuhan program j-QAF dilaksanakan melalui kelab, persatuan dan aktiviti-aktiviti tertentu seperti Persatuan Bahasa Arab, Kem Bina Juara, Ihtifal Khatam Al-Quran, Kem Literasi Al-Quran dan Kelab Seni Tulisan Jawi.

Kesimpulannya, inisiatif Kementerian Pelajaran Malaysia dalam melaksanakan program j-QAF dengan membuka peluang kepada semua pelajar untuk mengikuti pembelajaran bahasa Arab seawal sekolah rendah merupakan satu usaha murni kerajaan ke arah memperkasakan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

2.1.2.4 Program SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan)

Program Pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri adalah satu langkah terkini kerajaan untuk membantu dan memperkasakan sekolah-sekolah agama di Malaysia. Program ini pernah dicadangkan pada tahun 2002 oleh Menteri Pelajaran dan dicadangkan semula oleh Jawatankuasa Khas Tan Sri Murad pada Ogos 2004.

Tujuan diperkenalkan program SABK ini adalah untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran dan kualiti pengurusan sumber manusia, selain mempertingkatkan kualiti prasarana dan kemudahan kepada sekolah dan warganya. Turut ditekankan ialah kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan pemberian bantuan modal dan bantuan insentif SAR serta pemberian guru terlatih sekiranya guru sedia ada tidak mencukupi. Sungguhpun begitu, kurikulum agama dan pelaksanaan Sijil Tinggi Agama (STAM) tetap dikekalkan.

Di sini kita boleh melihat bahawa dengan pengekalan STAM yang terkandung di dalamnya subjek-subjek agama dan bahasa Arab, bermakna subjek-subjek ini turut menerima tempias peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Maka, boleh dikatakan bahawa mata pelajaran berbentuk agama dan bahasa Arab tidak lagi dipandang sebelah mata oleh sesetengah pihak.

2.2 Konsep Pengetahuan Sedia Ada (PSA)

Pengetahuan sedia ada dalam mata pelajaran bahasa Arab tidak begitu banyak diperbincangkan. Sebaliknya perbincangan mengenainya lebih banyak dibuat dalam mata pelajaran lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Sains dan Matematik serta

Kajian Rekaan Seni Visual. Oleh yang demikian, tinjauan tentang pengetahuan sedia ada dalam kajian ini akan banyak mengemukakan dapatan-dapatan dalam mata pelajaran lain.

2.2.1 Pengetahuan Sedia Ada Dan Pembelajaran

Pengetahuan sedia ada membawa maksud perolehan ingatan kembali (Ee Ah Meng, 2003: 204). Beliau turut menekankan akan kepentingan pengetahuan sedia ada ini bagi memperoleh kemahiran atau pengetahuan baru. Sebagai contoh, bagi seorang pelajar Tahun Dua yang ingin menjalankan operasi darab, dia perlulah mengingat kembali sifir-sifir yang berkenaan. Ini bermakna, penggunaan pengetahuan sedia ada akan membantunya memahami konsep yang baru.

Menurut Shuell (1983) yang dipetik daripada Goh Eng Beng (1995), ahli psikologi kognitif percaya bahawa pembelajaran berlaku akibat daripada perkaitan antara pengetahuan sedia ada dan maklumat baru yang diperolehi. Dengan cara ini, pengetahuan yang baru diperolehi. Oleh yang demikian, pembelajaran berlaku secara kumulatif.

Farrant (1985), menyatakan bahawa kesediaan belajar kanak-kanak bukan setakat bergantung kepada kematangan jasmani dan kematangan mental tetapi juga kepada penghimpunan pengalaman, yang mana ia menjadi asas kepada pembinaan pembelajaran yang baru. Oleh itu, Farrant menekankan bahawa satu daripada tugas guru ialah memastikan kesediaan pada kanak-kanak. Kesediaan kanak-kanak selalunya dinilai apabila dia ingin memberi gerak balas terhadap tugas pembelajaran yang dihadapinya. Jelas Farrant lagi, ketiadaan kesediaan mungkin disebabkan oleh ketiadaan

kematangan ataupun kerana persediaan kanak-kanak yang tidak lengkap. Ini kerana persediaan adalah teras kepada pembelajaran yang baru.

Walker (2005: 8), yang memetik Sousa (1995) pula menyatakan bahawa proses dalam otak yang mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan perkara yang baru dipelajari, sebagai satu pemindahan (*transfer*). Menurut Sousa, kekuatan proses ini bergantung kepada dua faktor iaitu; kesan pelajaran lepas ke atas apa yang dipelajari hari ini dan tahap perkara yang baru dipelajari akan berguna pada masa hadapan, apabila maklumat yang baru diserapkan kepada proses-proses ingatan. Beliau menekankan, apabila satu perkara diperkenalkan dalam otak, ia akan mencari pengalaman yang lepas untuk mewujudkan perkaitan. Apabila perkaitan itu berlaku dengan sempurna, maka satu pencapaian yang besar berlaku. Ini dianggap sebagai satu pemindahan yang positif.

Walker (2005: 8), dalam penulisannya ini telah menegaskan kepentingan pengetahuan sedia ada dalam pembelajaran. Beliau memberikan contoh sekiranya kita berada dalam sebuah bilik seminar yang membincangkan perkara yang kita tidak ada pengetahuan langsung, maka berlaku kekeliruan untuk mencari perkaitan dengan maklumat yang baru. Inilah masalah yang berlaku bagi sesetengah pelajar. Dalam situasi dalam kelas, kita tidak boleh menganggap setiap pelajar yang datang kepada kita sudah ada struktur dalam otak mereka untuk belajar perkara-perkara yang baru. Oleh itu, tugas guru ialah memantapkan lagi apa yang pelajar sudah tahu dan faham. Dalam proses ini, sekiranya pelajar tidak mempunyai pengetahuan sedia yang boleh dikaitkan dengan isi pelajaran, maka guru harus membekalkannya kepada pelajar.

Bruer (1993) dalam Walker (2005: 8), mengemukakan satu pendapat yang relevan dengan pengetahuan sedia ada. Menurutnya, guru yang baik akan sedar untuk menarik perhatian dan menghubungkannya dengan pengetahuan sedia ada; sebab cara

bagaimana kita memahami dan mengingat sesuatu perkara baru, ia bergantung kepada apa yang sedia kita tahu. Pyle and Andre (1986) dalam Walker (2005: 8), bersetuju dengan pendapat ini. Mereka menjelaskan:

“What a student acquires from instruction is determined as much by what the student already knows as by the nature of the instruction. Using previous knowledge to elaborate upon the presented information facilitates its transfer into long term memory.”

Apabila pelajar mengaitkan maklumat baru dengan maklumat lama yang sedia ada dalam memori jangka panjang, mereka jadi lebih berminat untuk belajar dan juga mengingat maklumat baru. Pendek kata, asas kepada pengenalan pengetahuan baru ialah kita mesti mencungkil maklumat sebelumnya terlebih dahulu (Walker (2005: 8).

Merujuk kepada penulisan tempatan pula, Ee Ah Meng (2003: 237), menyatakan bahawa guru yang bijaksana biasanya akan mengaitkan tajuk baru dengan pengetahuan sedia ada pelajar dengan mengadakan sesi soal jawab dan ulang kaji tentang topik-topik yang lalu. Dengan cara ini pelajar dapat melihat perhubungan antara topik yang disampaikan pada hari yang berlainan. Kebolehan melihat kaitan ini memudahkan pembentukan penanggapan.

Pengetahuan sedia ada atau pengalaman biasanya akan mempengaruhi kesediaan belajar seseorang pelajar. Sebagai contoh, pelajar yang berasal dari kawasan luar bandar dapat menghuraikan dengan panjang lebar berkenaan kehidupan di luar bandar, sebaliknya pelajar dari bandar akan mendapati topik itu sukar kerana pengetahuan sedia ada mereka sangat terhad. Ini bermakna pengalaman yang relevan dengan topik pelajaran akan menjadikan pelajar itu lebih bersedia (Ee Ah Meng, 2003: 213).

Sementara itu, Salleh Baba (2000: 144-146), melaporkan bahawa berdasarkan kepada penyeliaan, pemantauan dan penilaian mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di

sekolah-sekolah menengah dan pusat-pusat pengajian tinggi yang ada hubungan dengan Seni Visual, didapati pelajar-pelajar tidak memahami konsep-konsep asas dalam seni seperti garisan, perspektif, prinsip rekaan dan lukisan. Menurut beliau lagi, pada awal 1999, Menteri Pelajaran dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia telah menjadikan kelemahan ini sebagai satu isu apabila didapati sekumpulan pelajar Malaysia yang mengikuti kursus pengajian kejuruteraan dan seni bina di Amerika Syarikat terpaksa mempelajari lukisan sebagai prasyarat universiti selama setahun sebelum dibenarkan untuk mengikuti bidang pengajian sebenar. Perkara ini amat mendukacitakan kerana ia melibatkan kos pengajian yang ditanggung oleh kerajaan selain penambahan tempoh masa pengajian. Hal ini menjelaskan betapa pentingnya pengetahuan sedia ada sebelum seseorang pelajar itu mempelajari sesuatu bidang ilmu.

2.2.2 Peranan Pengetahuan Sedia Ada Dengan Sikap Pelajar Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

Siti Hawa (2005: 25), menegaskan bahawa dalam kes-kes tertentu pengetahuan sedia ada memberi kesan langsung ke atas sikap. Rozita Ismail (1991), pula menyatakan bahawa pencapaian akademik seseorang pelajar bukan bergantung kepada guru atau pihak sekolah sahaja. Banyak faktor lain yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar, contohnya faktor dalaman pelajar seperti sikap dan minat terhadap sesuatu mata pelajaran, sikap terhadap guru, motivasi pembelajaran dan sebagainya.

Pyle and Andre (1986) dalam Walker (2005: 8), menyatakan apabila pelajar mengaitkan maklumat baru dengan maklumat lama yang sedia ada dalam memori jangka panjang, pelajar lebih berminat untuk belajar dan mengingati maklumat yang baru.

Siti Hawa (2005: 25), yang memetik George dan Gerald (2000) menyatakan bahawa motivasi dan pengetahuan latar belakang saling bertindan dan ada juga yang saling berkaitan. Menurut mereka, sekiranya kemahiran asas seseorang pelajar lemah, pembelajaran kandungan akan membebankan. Sementara minat pelajar pula merujuk kepada dua aspek iaitu; jenis topik dan aktiviti yang mampu memberi pengukuhan dan sejauhmana tahap keterlibatan seseorang pelajar.

Guru-guru sering menyatakan bahawa kegagalan pelajar disebabkan oleh sikap mereka yang negatif seperti malas, tidak berminat dan tidak bermotivasi. Pendek kata, sikap dibentuk daripada pengalaman dan persepsi seseorang terhadap sesuatu perkara atau fenomena (Mustaffar, 1997).

Menurut Herberholz dan Herberholz (1998) dalam Siti Hawa (2005: 26), pengalaman yang berulang-ulang akan memberikan pelajar peluang untuk mencipta imej berasaskan persepsi mereka, pengalaman hidup budaya mereka serta peristiwa-peristiwa dan objek-objek yang penting dalam dunia mereka.

2.2.3 Peranan Pengetahuan Sedia Ada Dengan Pencapaian Pelajar

Farrant (1985), menyatakan bahawa satu ciri penting dalam pembelajaran ialah latihan dan ulangan. Banyak pencapaian pembelajaran diperolehi daripada pengalaman yang berulang. Latihan menimbulkan kesempurnaan. Lebih kerap sesuatu latihan itu dibuat, lebih kukuh lagi ia menjadi sebahagian daripada kebolehan yang sudah dipelajari.

BanJoude dan Guiliano (1991) yang dipetik daripada Goh Eng Beng (1995), mengkaji tentang perkaitan antara faktor pendekatan pembelajaran, kebolehan menaakul secara formal, pengetahuan sedia ada dan jantina dengan pencapaian dalam mata pelajaran

Kimia. Respondennya terdiri daripada 199 pelajar universiti. Dengan menggunakan '*stepwise multiple regression*' mereka mendapati bahawa pengetahuan sedia ada adalah di antara faktor yang telah mendatangkan kesan setinggi 32% varians ke atas skor peperiksaan akhir mata pelajaran Kimia.

Piburn (1993) di dalam Goh Eng Beng (1995), telah membuat satu analisis dalam kajian tentang pencapaian Sains, di mana antara lain, didapati bahawa pengetahuan sedia ada merupakan penyumbang kepada pencapaian saintifik.

Young (1993) di dalam Goh Eng Beng (1995), telah membuat satu perbandingan antara pengaruh faktor sekolah dan faktor individu ke atas pembelajaran Sains. Kajian dibuat ke atas 2000 pelajar tahap Gred 10 dari seluruh negara. Analisis yang dibuat menggunakan '*hierarchial linear*' menunjukkan pencapaian dahulu (*prior achievements*) memberi pengaruh paling kuat ke atas pencapaian susulan dalam pembelajaran Sains.

Wang dan Palincsar (1990) menyatakan bahawa dalam '*theory of educational productivity*', Walberg (1984) telah memberikan sembilan faktor yang berupaya meningkatkan keberkesanan pembelajaran, tingkah laku dan kognitif. Sembilan faktor ini digolongkan kepada tiga kumpulan, iaitu salah satunya kecenderungan pelajar. Kecenderungan ini berhubungkait dengan pencapaian lepas. Didapati pencapaian lepas seseorang merupakan satu peramal penting berkenaan hasil prestasi.

2.3 Konsep Pemerolehan-pembelajaran Bahasa Kedua

2.3.1 Teori Pemerolehan-pembelajaran Bahasa Kedua Dalam Model Monitor Krashen

Menurut pandangan Krashen (1981), dalam hipotesisnya tentang pemerolehan-pembelajaran (*The Acquisition-learning Hypothesis*), pemerolehan adalah satu proses minda bawah sedar yang terhasil daripada komunikasi semulajadi dan tidak rasmi. Pemerolehan adalah proses di mana kanak-kanak membangunkan bahasa pertamanya. Pemerolehan bahasa kedua harus cuba untuk selari dengan proses ini, dengan mewujudkan satu persekitaran di mana bahasa kedua boleh dibentangkan dalam situasi komunikasi yang sebenar.

Pembelajaran bahasa kedua pula adalah satu proses sedar yang membolehkan pelajar ‘mengetahui’ tentang bahasa kedua tersebut. Pembelajaran bahasa secara sedar (berbanding dengan pemerolehan) boleh bertindak sebagai monitor yang memeriksa dan membetulkan ucapan-ucapan sistem yang diperoleh. Dalam pembelajaran bahasa kedua, analisis dan pembetulan kesilapan ditangani secara rasmi dan jelas. Pembelajaran bahasa kedua seringkali berlaku dalam keadaan yang lebih formal di mana sifat-sifat bahasa yang nyata diajar, yang secara tradisinya melibatkan pembelajaran perbendaharaan kata, tatabahasa dan sebagainya.

Menurut Krashen lagi, pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua tidak bergantung kepada ‘di mana’ ia berlaku. Pembelajaran secara formal boleh terjadi hanya di jalanan apabila seseorang itu bertanya soalan tentang tatabahasa yang betul. Sebaliknya, pemerolehan bahasa boleh terjadi di dalam kelas apabila peluang untuk berkomunikasi secara langsung, berlaku.

Di dalam Hipotesis Dapatan (*The Input Hypothesis*) pula, Krashen menjelaskan bahawa pemerolehan bahasa kedua berlaku apabila pelajar terdedah kepada sumber input yang difahami (*comprehensible input*) sama ada secara lisan atau bertulis. Input ini dapat difahami kerana bantuan yang disediakan oleh konteks. Mengikut formula $i+1$ Krashen, input ini haruslah berada pada kedudukan yang agak tinggi sedikit daripada paras kebiasaan seseorang pelajar. Krashen menekankan bahawa jika pelajar menerima input yang difahami, struktur bahasa akan diperolehi secara semulajadi. Bagi Krashen, keupayaan untuk berkomunikasi dalam bahasa kedua ‘muncul’ dan tidak semestinya dimasukkan dalam pengajaran secara langsung.

2.3.2 Aplikasi Teori

Penulis berpendapat Hipotesis Pemerolehan-pembelajaran dan Hipotesis Dapatan yang dibentangkan oleh Krashen dapat diaplikasikan dalam konteks kata pinjaman Arab. Dalam konteks ini, kedua-dua bahasa mempunyai pertalian yang rapat di mana bahasa Melayu (bahasa pertama) bertindak sebagai peminjam sementara bahasa Arab (bahasa kedua) merupakan bahasa yang dipinjam. Ketika pelajar mempelajari Arab, dia akan terjumpa kembali sebahagian perkataan Melayu yang diperolehinya secara semulajadi sejak kecil. Melalui konteks inilah pelajar terdedah kepada sumber input yang difahami (*comprehensible input*) iaitu input kata pinjaman Arab. Melalui input yang difahami ini, struktur bahasa akan diperolehi secara semulajadi dan keupayaan untuk mendapatkan perbendaharaan kata Arab bagi tujuan komunikasi atau lain-lain, akan ‘muncul’ dengan sendirinya. Ini dapat dikaitkan dengan formula $i+1$ Krashen, kerana ‘kemunculan’ input yang difahami (iaitu kata pinjaman Arab) berada pada kedudukan yang lebih tinggi sedikit daripada kemampuan pelajar lain yang tidak mempelajari bahasa Arab. Pelajar

yang tidak mempelajari bahasa Arab sudah tentu kurang menyedari tentang kata pinjaman Arab berbanding pelajar yang mempelajarinya.

Keupayaan untuk mendapatkan perbendaharaan kata Arab, akan menjadi lebih baik lagi jika semasa pembelajaran bahasa Arab, pelajar diberi proses sedar yang membolehkannya ‘mengetahui’ tentang bahasa keduanya itu. Hal ini turut diakui oleh Zamri Mahamod (2007: 197), bahawa pembelajaran bahasa kedua boleh dikaitkan dengan proses yang sengaja sifatnya, iaitu usaha atau percubaaan yang disedari, iaitu dirancang dalam kalangan yang terlibat untuk mempelajari bahasa lain selain bahasa ibunda. Pengkaji melihat pembelajaran bahasa secara sengaja atau sedar mampu bertindak sebagai monitor yang berupaya memeriksa dan mencari persamaan makna dan bunyi antara perkataan-perkataan dalam bahasa pertama dan bahasa kedua. Perkataan-perkataan yang sama makna dan bunyi inilah, pelajar akan mengklasifikasikannya sebagai ‘kata pinjaman Arab’. Kata pinjaman Arab ini boleh digolongkan pula sebagai ‘pengetahuan sedia ada’ bagi seorang pelajar, yang mana dia boleh mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan satu proses pembelajaran yang baru.

Ee Ah Meng (2003: 207), yang membincangkan proses pengajaran dan pembelajaran, mencadangkan kepada guru supaya memastikan kematangan dan pengalaman (pengetahuan sedia ada) ada pada diri pelajar sebelum memperkenalkan sesuatu konsep yang baru kepada mereka. Sehubungan dengan itu, guru boleh mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab sebelum atau semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, seperti semasa sesi pembelajaran menulis karangan Arab.

Abdullah Hassan (1986: 286-287), turut mencadangkan bahawa dalam mempelajari bahasa kedua, perlulah ada analisa perbandingan kedua-dua bahasa yang terlibat; iaitu

bahasa kandung dan bahasa kedua. Usaha seperti ini akan membawa guru selangkah lebih rapat dalam menyediakan bahan yang lebih berkesan untuk mengajar bahasa kedua. Perbandingan ini akan menghasilkan unsur-unsur yang sama dan yang berlainan di antara bahasa kandung dan bahasa kedua yang sedang diajar. Hasil ini akan memberi panduan kepada guru dalam menyediakan bahan pengajaran, iaitu unsur yang sama itu bolehlah diajar dahulu kerana ia tentu lebih mudah diterima; atau sekurang-kurangnya ia menjadi daya penarik sebelum membawa pelajar melangkah kepada pelajaran yang lebih sukar.

Zamri Mahamod (2007: 145), menyatakan Kaedah Linguistik dianggap sebagai satu kaedah pembelajaran bahasa yang moden dan saintifik terutama bagi pembelajaran bahasa kedua. Pada asasnya, Kaedah Linguistik ini melibatkan perbandingan antara dua bahasa, iaitu bahasa yang sedang dipelajari dan bahasa yang telah sedia diketahui dalam bahasa ibunda. Pemilihan perkataan semasa membentuk ayat, dibuat berdasarkan perkataan yang serupa atau hampir-hampir serupa bunyinya dengan perkataan bahasa ibunda. Contohnya:

1. Saya pergi ke masjid
أنا أذهب إلى المسجد
2. Saya pergi ke masjid untuk solat
أنا أذهب إلى المسجد للصلاة
3. Saya pergi ke masjid untuk solat bersama sahabat-sahabat saya
أنا أذهب إلى المسجد للصلاة مع أصحابي

Berdasarkan contoh-contoh di atas, pelajar boleh membuat ayat yang lebih panjang atau membentuk satu perenggan karangan Arab apabila mereka berupaya memanipulasi pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab. Hal ini akan membuatkan pelajar

lebih berkeyakinan untuk belajar membina satu perenggan karangan Arab yang mudah sebelum berupaya membuat satu karangan Arab yang sempurna.

2.4 Konsep Kata Pinjaman

Setiap bahasa tidak dapat lari daripada meminjam bahasa lain. Chia Chen Eng (1999: 63-67), yang memetik Hans Henrich Hock (1986) menyatakan bahawa sesuatu bahasa atau dialek tidak boleh wujud dalam vakum. Setiap bahasa atau dialek sentiasa berhubung dengan bahasa atau dialek lain. Hasil daripada hubungan ini ialah ‘peminjaman kata’ daripada bahasa atau dialek lain.

Definisi ‘kata pinjaman’ menurut Kamus Dewan (1989: 538), bermaksud kata yang telah digunakan (terserap) di dalam sesuatu bahasa tetapi berasal daripada bahasa lain. Harimurti (1982: 123), mendefinisikan ‘peminjaman’ sebagai pemasukan unsur fonologis, gramatikal atau leksikal dalam bahasa atau dialek dari bahasa atau dialek lain kerana kontak atau peniruan dan hasil proses itu disebut ‘peminjaman’. Sementara Haugen (1972: 81), memberi definisi ‘peminjaman’ seperti berikut:

“The attempted reproduction in one language of patterns previously found in another.”

2.4.1 Konsep Kata Pinjaman menurut Sarjana Arab

Menurut Dr.Ali Abd al-Wahid dan Muhammmad Sarhan di dalam buku Fiqh al-Lughat, mereka telah mengklasifikan perkataan-perkataan dakhil kepada dua jenis:

- i) Pekataan Pinjaman

Jika perkataan-perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Melayu dan digunakan oleh para fusaha', maka ianya dinamakan *perkataan pinjaman*.

Contohnya perkataan al-ḏibāj (الذبياج), al-akwāb (الكواب) dan al-ibrīq (البريق).

ii) Perkataan Muwallad

Jika perkataan-perkataan asing yang digunakan oleh para Muwalladūn tetapi perkataan-perkataan tersebut tidak dikenali oleh para fusaha' sebelumnya, maka ianya dinamakan *perkataan muwallad*. Contohnya perkataan al-māṣ (الماس), al-atlas (الاطلس) dan al-tilighrāf (التلغراف).

Namun begitu, menurut pendapat Muhammad al-Antakiy di dalam bukunya “al-wajiz fi Fiqh al-lughat”, beliau telah mengklasifikasikan dakhil kepada tiga jenis pula iaitu:

i) Mu'arrab

Mu'arrab ialah perkataan-perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab dan dituturkan oleh orang-orang Arab di zaman Jahiliyyah dan juga oleh mereka yang pertuturannya telah dikira sebagai hujah bagi kefasihan dan kesahihan bahasa Arab.

Perkataan-perkataan seperti ini paling kurang terdapat dalam bahasa Arab jika dibandingkan dengan jenis-jenis lain. Hal ini adalah kerana kehidupan orang-orang Arab pada zaman Jahiliyyah jauh terasing dengan bangsa-bangsa lain di sekitar mereka menyebabkan kurang berlakunya

pertembungan bahasa di antara mereka kecuali dalam keadaan yang sedikit sahaja. (Ibn Faris, 1986).

Kebanyakan perkataan-perkataan jenis ini dipinjam daripada bahasa Parsi.

Contohnya perkataan al-kūz (الكوز), al-ibriq (الإبريق) dan al-yāqūt (الياقوت)

ii) Muwallad

Perkataan-perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab serta digunakan oleh para Muwalladūn. Pertuturan mereka tidak lagi boleh dikira sebagai bukti bagi kefasihan bahasa Arab.

terdapat di dalam bahasa Arab, kerana pada zaman ini orang-orang telah bercampur dengan berbagai-bagai bangsa dengan sebab berlakunya perkembangan Islam yang pesat yang membawa kepada berlakunya pertembungan bahasa di antara pelbagai bangsa. Dengan itu, masuklah perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Arab dengan berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan hasil dari ketamadunan yang mereka capai.

Contohnya perkataan al-bābūnj (البابونج), al-sābūn (الصابون) dan al-banj (البنج).

iii) Muhdath atau Āmiyyīn

Al-muhdathūn itu diistilahkan kepada mereka yang datang selepas zaman Muwalladūn sehingga ke hari ini. (Ibn.Nadīm, 1978).

Perkataan-perkataan asing yang dipinjam dan digunakan oleh mereka dinamakan perkataan muhdath atau āmiyyīn. Kebanyakan perkataan-

perkataan muhdath ini datangnya daripada bahasa Parsi, bahasa Turki dan bahasa Kurdi terutama perkataan-perkataan yang berhubungkait dengan istilah pentadbiran. Contohnya perkataan al-astadār (الأستاذ), al-jukāndār (الجوكاندار) dan al-jamdār (الجمدار)

2.4.2 Klasifikasi Kata Pinjaman

Terdapat beberapa klasifikasi yang boleh dibuat pada kata pinjaman seperti mana yang telah diketengahkan oleh pakar-pakar bahasa. Bloomfield (1935: 509-528), contohnya, mengklasifikasikan kata pinjaman kepada tiga bahagian iaitu Pinjaman Budaya (*Cultural Borrowing*), Pinjaman Karib (*Intimate Borrowing*) dan Pinjaman Dialek (*Dialect Borrowing*).

Pinjaman Budaya ialah pinjaman yang ciri-ciri perkataan dipinjam daripada bahasa lain. Bentuk bahasa pinjaman ini adalah bersalingan dan pinjaman jenis ini lebih bersifat sebelah pihak sekiranya sesebuah negara itu memberi lebih banyak kepada negara yang satu lagi. Bloomfield menyatakan bahawa tiap-tiap masyarakat bahasa mempelajari sesuatu daripada jiran mereka. Pinjaman Karib pula menurut Bloomfield, berlaku apabila dua bahasa dituturkan oleh satu masyarakat yang sama dari segi topografi dan politik. Keadaan ini selalunya timbul disebabkan penaklukan. Pinjaman Karib lebih bersifat sebelah pihak, dengan kita membezakan bahasa atasan atau *dominan* yang dituturkan oleh kumpulan penakluk atau kumpulan istimewa, daripada bahasa bawah yang dituturkan oleh rakyat. Menurut Bloomfield, dalam kebanyakan pertembungan karib, bahasa bawahan adalah bahasa asli. Pinjaman Dialek pula menurut Bloomfield, agak berbeza dengan Pinjaman Budaya dan Pinjaman Karib. Dalam Pinjaman Dialek, ciri-ciri

pinjaman adalah dari kawasan penutur yang sama. Contohnya *bother*, *mother* dengan [a] dalam dialek yang berlainan dari kawasan yang sama, mungkin ada penutur yang menggunakan [ɛ].

Terdapat juga beberapa klasifikasi yang lain bagi kata pinjaman seperti Pinjaman Tulen, Pinjaman Kacukan, Pinjaman Terjemah dan Pinjaman Ubahsuai. Dalam kajian ini, pengkaji menyentuh beberapa bahagian pengelasan kata pinjaman ini iaitu Pinjaman Tulen, Pinjaman Kacukan dan Pinjaman Ubahsuai kerana bahagian-bahagian ini berkait rapat dengan instrumen kajian pengkaji.

2.4.2.1 Pinjaman Tulen (*Pure Loanwords*):

Pinjaman Tulen merupakan kata pinjaman yang paling biasa digunakan oleh penutur Melayu. Mengikut Profesor Dr Choi Kim Yok dalam Chia Chen Eng (1999: 47), Pinjaman Tulen ialah peminjaman yang dilakukan secara penuh (*borrowed whole*). Bagi pinjaman jenis ini, makna atau konsep serta bentuk fonik dipinjamkan secara keseluruhan. Perkataan-perkataan ini biasanya disesuaikan mengikut sistem bunyi bahasa peminjam. Sebagai contoh perkataan Melayu 'bonus' [bonəs] disebut dengan sistem bunyi yang sama dengan perkataan Inggeris iaitu '*bonus*' [bonəs]. Sementara perkataan 'badan' [badan] juga disebut dengan bunyi yang sama mengikut bahasa sumber iaitu bahasa Arab 'بدن' [badan].

2.4.2.2 Pinjaman Kacukan (*Loanblends*):

Menurut Haugen (1972: 85), Pinjaman Kacukan bermaksud sebahagian kata sahaja yang dipinjam daripada bahasa sumber. Kata peminjam digabungkan dengan kata sumber yang sedia ada. Contohnya 'kasut but' [kasut but] adalah gabungan perkataan

Melayu iaitu ‘kasut’ [kasut] dengan perkataan Inggeris ‘*boot*’ [būt] dan ‘bunga kertas’ [buŋa kərtas] adalah gabungan perkataan Melayu ‘bunga’ [buŋa] dengan perkataan Arab ‘قرطاس’ [kirtās]. Contoh lain seperti perkataan ‘ilmuwan’ [ilmuwan], telah dibuat gabungan perkataan Arab ilmu [‘ilmu] dengan kata nama terbitan ‘-wan’ [wan] yang mana gabungan tersebut merujuk kepada orang-orang yang berilmu.

2.4.2.3 Pinjaman Ubahsuai (*Loanshifts*):

Pinjaman ubahsuai ialah peminjaman kata atau frasa dari bahasa lain dengan mengubah bentuk fonem atau fonologi sehingga sesuai dan sehati dengan bahasa peminjam (Haugen, 1972: 85). Sebagai contoh, perkataan ‘botol’ [botol] adalah Pinjaman Ubahsuai daripada perkataan Inggeris iaitu ‘*bottle*’ [botəl], yang mana fonem /təl/ dalam bahasa sumber telah diubahsuai menjadi fonem /tol/ dalam bahasa peminjam. Contoh lain seperti perkataan ‘sedekah’ [sedekah]. Hampir kesemua fonem dalam perkataan asal bahasa sumber iaitu perkataan Arab ‘صدقة’ [sʰadaqah] telah berubah sedikit bunyinya menjadi ‘sedekah’ [sedekah]. Di sini, penyesuaian fonologi telah dibuat antaranya disebabkan ketiadaan bunyi ص /sʰ/ dan bunyi ق /q/ dalam sebutan Melayu sehingga menjadikan sebutan Melayu bagi perkataan ‘sedekah’ itu lebih ringan berbanding sebutan Arab.

2.4.3 Kajian Kepustakaan Tentang Kata Pinjaman

Rokiah Awang (2005), yang membentangkan ‘kata pinjaman dalam berita terjemahan’ dalam satu persidangan antarabangsa, menyatakan bahawa kata pinjaman memang telah lama wujud dalam bahasa Melayu. Faktor penjajahan, penyebaran agama dan perdagangan mempertemukan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa asing. Pada

permulaannya bahasa Sanskrit, diikuti bahasa Arab, kemudian bahasa Belanda dan kini bahasa Inggeris. Bahasa Sanskrit misalnya, banyak menyumbang dalam meningkatkan jumlah perbendaharaan kata bahasa Melayu sementara bahasa-bahasa yang lain seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris bukan sekadar memperbanyakkan kata bahasa Melayu tetapi juga mempengaruhi beberapa perubahan pada bahasa Melayu, misalnya perubahan dari sudut semantik dan fonologi. Kajian Ahmad Hasbullah (2007: 36), menunjukkan bahawa dalam *Kamus Dewan Edisi 3 (1994)* terdapat kira-kira 1,175 perkataan Arab, sama ada yang masih kekal sebutan dan maknanya, atau telah berlaku sedikit perubahan sebutan dan makna.

Dalam satu kertas kerja mengenai kata pinjaman dalam bahasa Melayu di Persidangan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu anjuran Universiti Nanyang Singapura, telah disebut bahawa dalam *Kamus Dewan (1989)* terdapat 10,062 atau 35% kata pinjaman bahasa asing. Daripada jumlah tersebut, bahasa Inggeris merupakan penyumbang kata pinjaman terbanyak iaitu 23.7%, diikuti bahasa Arab 17.8%, bahasa Jawa 14.5%, bahasa Belanda 13.8%, bahasa Minangkabau 10.0%, bahasa Jakarta 9.1%, bahasa Sanskrit 4.9%, bahasa Cina 1.9%, bahasa Sunda 0.9%, bahasa Portugis 0.8%, bahasa Parsi 0.8%, bahasa Tamil 0.6%, bahasa Hindi 0.6%, bahasa Jepun 0.2% dan bahasa-bahasa lain 0.4%. Walaupun dalam kertas kerja tersebut tidak diberi keterangan etimologi selengkapnya, namun kebanyakan kata pinjaman dihitung mengikut kata yang sudah dilabel bahasa sumber dalam kamus sebagai kata yang masih ada sifat-sifat keasingannya. Ini kerana takrif mengenai peminjaman leksikal dan etimologi memang sukar ditentukan.

Norhazlina Husin (2008: 600-603), yang menganalisis pengaruh kata pinjaman dalam terjemahan brosur bank di Malaysia menjelaskan bahawa brosur bank diterjemah melalui pinjaman tulen asimilasi lengkap. Model bahasa yang dipinjam pula sukar untuk

dikenalpasti kerana perkataan kata pinjaman tersebut telah lama diasimilasikan dalam budaya Melayu hingga tidak terasa keasingannya dengan lidah Melayu. Sebagai contoh, perkataan ‘elaun’ merupakan hasil pinjaman bahasa Inggeris ‘*allowance*’ tetapi sudah dianggap sebagai korpus bahasa Melayu dan digunakan secara meluas.

Menurut beliau lagi, kata pinjaman secara tidak langsung telah membawa susunan fonemik yang tidak biasa ke dalam bahasa peminjam hingga menyebabkan pengagihan semula fonemik. Walaupun begitu, kata yang dipinjam tidak selalunya terasimilasi dengan sistem bunyi bahasa yang meminjam. Kebiasaannya penutur bahasa peminjam cuba mengekalkan bunyi asal bahasa yang dipinjam, sebelum perlu menyesuaikan dengan sistem bunyi bahasa peminjam itu.

Chia Chen Eng (1999), dalam kajian sarjananya mengenai kata pinjaman Melayu dalam bahasa Cina telah meneroka sejarah penghijrahan orang-orang Cina ke Tanah Melayu seterusnya memaparkan faktor-faktor yang membawa kepada peminjaman bahasa Melayu ke dalam bahasa Cina. Beliau turut menyenaraikan kosa kata pinjaman Melayu yang sering digunakan oleh masyarakat Cina di Malaysia dan membuat analisis penyesuaian fonologi dan morfologi dalam kosa kata pinjaman tersebut.

Antara artikel yang mengkaji tentang kata pinjaman asing dalam bahasa Melayu ialah artikel tulisan Nor Razah Lim et al (2008) yang bertajuk ‘Pemerolehan Kata Pinjaman Dalam Penulisan Karangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh’. Kajian mereka adalah berkaitan kata pinjaman Inggeris yang digunakan oleh pelajar dalam kertas karangan bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauhmana penggunaan kata pinjaman Inggeris dalam penulisan karangan pelajar dan sejauhmana mereka menguasai kosa kata tersebut mengikut konteks yang betul. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa

pelajar-pelajar mempunyai variasi atau perbendaharaan kata yang luas untuk menyampaikan maksud dalam penulisan karangan mereka.

Namun begitu, kajian tersebut terbatas kepada hanya satu instrumen soalan ujian karangan yang mungkin tidak dapat merungkai lebih banyak kata pinjaman yang diketahui oleh pelajar. Hal ini kerana instrumen yang berbentuk karangan membuatkan pelajar tidak dapat mengeluarkan lebih banyak kata pinjaman yang berada dalam minda mereka memandangkan bilangan patah kata yang terhad dan soalan yang berfokus kepada satu tajuk sahaja. Sekalipun begitu, kajian ini menunjukkan bahawa aspek perbendaharaan kata mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam kurikulum pendidikan bahasa Melayu.

Bahasa Arab juga seperti mana bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain di dunia, tidak terkecuali daripada berdepan dengan situasi peminjaman kata daripada bahasa asing. Antara kajian yang dibuat ialah kajian sarjana yang bertajuk 'Pembentukan Kata Pinjaman Dalam Bahasa Arab' oleh Wan Ibrahim Wan Mamat (1995). Kajian ini mendedahkan faktor-faktor berlakunya peminjaman dalam bahasa Arab selain memberi fokus kepada perbezaan kata pinjaman dengan unsur-unsur morfologi bahasa Arab yang lain seperti '*dakhil*' dan '*taulid*'. Kajian ini juga menjelaskan cara-cara melakukan peminjaman dengan mengemukakan cara-cara dan syarat-syarat peminjaman dilakukan selain turut menjelaskan beberapa cara untuk mengenali kata pinjaman melalui tanda-tanda tertentu bagi menentukan sama ada sesuatu perkataan itu perkataan pinjaman atau tidak.

Penulisan-penulisan berkaitan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu tidak kurang banyaknya. Antaranya, kajian yang telah dijalankan oleh Amran Kasimin (1987), yang bertajuk 'Perbendaharaan Kata Arab Dalam Bahasa Melayu'. Kajian ini meliputi

sejarah penggunaan bahasa Arab dalam bahasa Melayu sejak abad ke 18 dan perubahan-perubahan yang berlaku terhadap kata Arab yang telah dipinjam ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini turut menerangkan masalah penyusunan daftar perbendaharaan kata Arab dan permasalahan mengelaskan kata Arab dalam kamus-kamus, yang mana sesebuah kamus menunjukkan pengelasan kata Arab yang berbeza berbanding kamus yang lain. Sehubungan dengan itu, beliau telah mengumpulkan senarai kata Arab yang telah dipetik daripada kamus-kamus Melayu, daripada kitab-kitab agama karangan pengarang lama yang pernah digunakan dengan meluasnya di seluruh Tanah Melayu pada satu ketika dahulu dan daripada majalah-majalah seperti Qalam dan Pengasuh. Namun diakui bahawa senarai kata tersebut tidak merangkumi kesemua perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu memandangkan bahasa dalam kalangan sesuatu bangsa itu sentiasa berkembang mengikut perkembangan dan daya fikir bangsa tersebut.

Amran (1987), telah sedaya upaya cuba menyenaraikan sebanyak mungkin kata pinjaman Arab dalam buku tulisan beliau, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pembaca tentang kata pinjaman Arab yang telah terserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Sungguhpun begitu jika diteliti, pengkaji berpendapat kesedaran pembaca terhadap senarai kata pinjaman tersebut akan banyak bergantung kepada tahap penggunaan kata pinjaman dalam pertuturan hariannya dan juga bergantung kepada tahap pendidikan dan kesarjanaannya. Berkemungkinan kata pinjaman yang selalu digunakan dalam pertuturan harian seperti 'dunia', 'khabar' dan 'zaman' akan lebih mudah disedari oleh pembaca daripada golongan masyarakat umum. Manakala perkataan 'terjemah', 'uruf' dan 'suluh' mungkin akan lebih disedari sebagai kata pinjaman oleh seorang sarjana undang-undang. Begitu juga bagi seseorang yang berlatarkan pendidikan Arab, sudah tentu dia lebih banyak menyedari tentang kata pinjaman Arab ini berbanding seseorang yang bukan berpendidikan Arab.

Seterusnya kajian sarjana yang dibuat oleh Saifuddin Hussin (2002), yang bertajuk ‘Penguasaan Perbendaharaan Kata Arab di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan 3’. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti sejauhmanakah tahap penguasaan perbendaharaan kata Arab oleh pelajar tingkatan tiga dan peratusan penggunaan perbendaharaan kata tersebut dalam jawapan karangan mereka. Peratusan penggunaan perbendaharaan kata dalam jawapan karangan tersebut adalah berdasarkan kepada sejumlah perkataan yang telah ditetapkan oleh panel buku teks yang perlu diajar oleh guru dengan menggunakan buku teks tersebut. Dapatan kajian menunjukkan peratusan penggunaan perbendaharaan kata oleh pelajar amat lemah iaitu hanya 3.6% berbanding perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga. Peratusan ini amat membimbangkan kerana perbendaharaan kata amat penting bagi seorang pelajar yang ingin menguasai bahasa kedua.

2.5 Kesimpulan

Ternyata bahawa konsep kata pinjaman seringkali menjadi topik perbincangan dan perbahasan serta menjadi bahan kajian sama ada oleh ahli linguistik atau para sarjana pelbagai bidang.

Penulis tertarik oleh kajian Saifuddin Hussin (2002), dengan dapatan kajian beliau yang menunjukkan bahawa tahap penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam kalangan pelajar amat lemah berbanding dengan yang sepatutnya. Persoalannya mengapakah penguasaan perbendaharaan kata Arab amat lemah sedangkan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran telah dikaji, dirancang dan dijalankan oleh guru?. Adakah terdapat cara lain yang boleh membantu pelajar mendapatkan perbendaharaan kata Arab seterusnya dapat membantunya menguasai bahasa Arab dengan lebih baik?.

Justeru itu, penulis ingin mengkaji sejauhmanakah tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab yang wujud bahasa ibunda mereka? Atau adakah mereka tidak sedar sekalipun kata pinjaman Arab tersebut sememangnya sudah sedia wujud dalam minda mereka?. Walhal kata pinjaman ini sebenarnya sering sahaja dipertuturkan oleh mereka baik di sekolah mahupun di rumah. Oleh itu, penulis beranggapan bahawa para pelajar perlu disedarkan tentang pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab ini; untuk membantu mereka mendapatkan kosa kata Arab dengan lebih cepat dan mudah iaitu melalui kosa kata Arab yang mempunyai makna dan bunyi yang serupa atau hampir serupa dengan bahasa Melayu. Umpamanya, mungkin ada pelajar yang menyedari perkataan 'العالم' dalam bahasa Arab adalah sama maknanya dengan 'alam' atau 'dunia luas' dalam bahasa Melayu, namun mungkin juga ada pelajar yang tidak menyedarinya. Apatah lagi jika perkataan Arab itu sama makna tetapi bunyinya tidak benar-benar sama dengan bahasa Melayu seperti perkataan 'بنى' [bana] atau 'bina' dalam bahasa Melayunya. Pelajar mungkin tidak menyedari persamaan makna antara kedua-dua perkataan tersebut disebabkan bunyi yang tidak benar-benar sama. Pelajar seharusnya diberi pendedahan tentang hal ini, supaya mereka dapat memanipulasi pengetahuan sedia ada mereka tentang kata pinjaman Arab dan menggunakannya sebaik mungkin. Pendedahan ini sangat penting kerana menurut Chomsky (1965) dalam Abdullah Hassan (1986: 261), kanak-kanak yang terdedah kepada sesuatu bahasa itu mempunyai keupayaan semulajadi untuk membuat sesuatu rumusan atau membentuk hukum nahu bahasa tersebut. Ini bererti, jikalau kanak-kanak itu tidak diberi sebarang pendedahan, maka penguasaan bahasa juga tidak akan berlaku.

Pendedahan tentang kata pinjaman Arab diharap dapat menyemarakkan semangat pelajar untuk menguasai bahasa Arab apabila mereka telah dapat menguasai perbendaharaan kata dengan banyak.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Dalam mendapatkan satu hasil kajian yang baik dan boleh dipercayai, metodologi merupakan aspek yang penting dan perlu diberi perhatian. Selain itu, penggunaan metodologi yang tepat akan menjamin kaedah dan prosedur yang digunakan oleh penyelidik bersesuaian dengan pembolehubah-pembolehubah dan hipotesis-hipotesis yang hendak dikaji dalam kajian.

Oleh itu, dalam menyempurnakan bab ini pengkaji akan menjelaskan tentang metodologi yang digunakan, yang meliputi beberapa komponen penting seperti reka bentuk kajian, pembolehubah kajian, lokasi kajian, sampel dan kaedah persampelan kajian, demografi responden, instrumen kajian serta kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Selain itu, bab ini juga turut membincangkan tentang kajian rintis, prosedur pengumpulan data dan cara penganalisan data yang diperolehi oleh pengkaji.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan kaedah soal selidik dan Ujian Diagnostik Pengetahuan Sedia Ada Tentang Kata Pinjaman Arab sebagai instrumen untuk mendapatkan data daripada responden. Kaedah ini dipilih bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan sedia ada pelajar Tingkatan Empat tentang kata pinjaman Arab, meninjau sikap pelajar dari aspek kesedaran, motivasi dan kebimbangan serta meninjau perkaitan antara pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian bahasa Arab PMR.

Kajian tinjauan dianggap sebagai salah satu kaedah penyelidikan yang paling popular yang digunakan oleh penyelidik dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang sains sosial (Chua Yan Piaw, 2006: 61). Mohd Majid Konting (1994: 101), pula berpendapat kajian berbentuk tinjauan bertujuan untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah itu wujud. Pandangan ini sesuai dengan pandangan Borg & Gall dalam Siti Mariam Enam (2011: 61), yang menyatakan bahawa melalui kaedah ini data dapat dikumpulkan daripada bilangan subjek yang ramai dan sesuai untuk mengkaji hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah.

Kajian ini juga berbentuk kuantitatif yang akan dianalisis dan dibuat rumusan. Menurut Babbie (2002: 395), penyelidikan kuantitatif ialah satu proses penukaran data kepada format numerikal, yang melibatkan penukaran data sains sosial ke dalam borang yang boleh dibaca dan dimanipulasi oleh komputer. Chua Yan Piaw (2006: 213), pula menjelaskan bahawa penyelidikan kuantitatif menerangkan tingkah laku yang diperhatikan dengan menggunakan angka-angka dan operasi matematik. Ia mementingkan pengukuran yang jitu dan pengujian hipotesis berdasarkan kepada suatu sampel yang dikaji, dengan menggunakan statistik dalam analisis data.

Berdasarkan pandangan-pandangan tersebut, maka kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik dan soalan ujian yang dianalisis melalui kaedah kuantitatif amat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji kerana sifatnya yang saintifik, logik dan khusus.

3.2 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan tinjauan pengkaji, kajian-kajian lalu yang berkaitan dengan pengetahuan sedia ada pelajar sama ada dari aspek teori atau kemahiran, telah banyak dibuat sama ada melalui penulisan buku-buku secara umum, penulisan buku-buku secara khusus, penulisan tesis, penulisan jurnal dan sebagainya.

Begitu juga kajian yang berkaitan dengan penguasaan bahasa pelajar sama ada dari segi pembacaan, penulisan atau pertuturan, telah banyak dijalankan sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Arab atau bahasa-bahasa lain. Namun, didapati kajian-kajian lalu yang berkaitan dengan pengetahuan sedia ada pelajar dalam aspek perbendaharaan kata, masih kurang terutama pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab. Oleh itu, kajian ini memberi pertimbangan kepada aspek-aspek yang belum disentuh dalam kajian-kajian lalu, dengan membuat penyelidikan dan perbincangan bagi membantu pelajar menengah rendah memantapkan penguasaan perbendaharaan kata Arab melalui pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab.

Sousa (1995) dalam Walker (2005: 8) yang merujuk kepada proses dalam otak, telah mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan perkara baru yang dipelajari sebagai satu pemindahan. Apabila sesuatu perkara diperkenalkan dalam otak, ia akan mencari pengalaman lepas untuk mewujudkan perkaitan. Jika perkaitan itu berlaku dengan sempurna, maka satu pencapaian besar berlaku. Ini dianggap sebagai satu pemindahan yang positif.


Siti Hawa (2005: 25), menyatakan bahawa dalam kes-kes tertentu pengetahuan sedia ada memberi kesan langsung ke atas sikap pelajar. Sementara faktor dalaman seperti sikap pelajar dan minat terhadap sesuatu mata pelajaran, sikap terhadap guru, motivasi

pembelajaran dan sebagainya dilihat mempengaruhi pula pencapaian akademik pelajar (Rozita Ismail, 1991).

Oleh itu, kerangka konseptual dalam kajian ini dibina dengan menetapkan pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab sebagai pembolehubah bersandar (*dependent variable*) dan juga pembolehubah bebas (*independent variable*). Faktor luaran yang terdiri daripada kategori sekolah, jantina dan tempoh pengalaman belajar bahasa Arab ditetapkan pembolehubah bebas (*independent variable*), sementara faktor dalaman yang terdiri daripada beberapa aspek sikap iaitu kesedaran, motivasi dan kebimbangan ditetapkan sebagai pembolehubah bersandar (*dependent variable*). Ini bermakna kedua-dua faktor luaran dan faktor dalaman dijangka mempunyai hubungan dengan pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab.

Bagi kata pinjaman Arab itu sendiri, pengkaji ingin melihat sejauh mana tahap pengecaman pelajar melalui kata pinjaman yang serupa dan kata pinjaman yang hampir serupa dengan perkataan Melayu, selain melihat sejauh mana tahap pengecaman pelajar terhadap kata pinjaman melalui bahasa Melayu dan bahasa Arab. Kajian ini juga berusaha untuk menghurai dan merumuskan hipotesis bahawa pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab boleh menjadi pemangkin dalam membantu pelajar mencapai keputusan yang baik dalam mata pelajaran bahasa Arab.

Bagi mencapai objektif kajian ini, kerangka konseptual kajian dibina dengan mengambil kira hasil kajian lalu dengan beberapa penyesuaian dibuat agar dapat menghasilkan maklumat yang lebih menyeluruh dan terperinci. Hubungkait antara setiap aspek ditunjukkan dalam Rajah 3.1 berikut:



Rajah 3.1 Kerangka Konseptual Kajian

3.3 Pembolehubah Kajian

Berdasarkan kepada kerangka konseptual kajian yang telah diterangkan sebelum ini, terdapat dua jenis pembolehubah dalam kajian ini, iaitu pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1: Jenis-jenis Pembolehubah Kajian

Pembolehubah Bebas	Pembolehubah Bersandar
1 Faktor Luaran: a. Kategori sekolah b. Jantina c. Pengalaman belajar bahasa Arab	1 Pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab
2 Pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab	2 Faktor dalaman (Sikap): a. Kesedaran b. Motivasi c. Kebimbangan

Pembolehubah bebas adalah pembolehubah yang dipertanggungjawabkan untuk membawa suatu perubahan dalam sesuatu fenomena atau situasi yang dikaji. Sementara pembolehubah bersandar ialah pembolehubah bilamana kesan olahan dicerap. Dengan kata lain, perubahan pembolehubah bersandar bergantung kepada perubahan yang akan dibawa oleh pembolehubah-pembolehubah bebas (Mohd Majid Konting, 1994: 109).

Pembolehubah bebas pertama iaitu faktor luaran yang terdiri daripada kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab dijangka memberi perubahan ke atas pembolehubah bersandar pertama iaitu pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab. Seterusnya, pembolehubah bersandar pertama iaitu pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab turut menjadi pembolehubah bebas kedua dan dijangka memberi perubahan ke atas pembolehubah bersandar kedua iaitu faktor dalaman (sikap kesedaran, motivasi dan keseimbangan).

Oleh itu, pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dalam kajian ini dijangka mempunyai hubungan dengan faktor luaran dan faktor dalaman dalam menerima dan memberi sesuatu perubahan.

3.4 Lokasi Kajian

Kajian ini tertumpu dalam kalangan pelajar tingkatan empat yang sedang belajar di tiga buah sekolah yang kategori dan lokasi ketiga-tiganya adalah berbeza. Bagi kategori pertama iaitu SMKA (Sekolah Menengah Kebangsaan Agama), pengkaji memilih SMKA Yan yang terletak di Daerah Yan, Kedah. Bagi kategori kedua iaitu KAA (Kelas Aliran Agama), sekolah yang dipilih ialah SMK Jalan Tiga yang terletak di Bandar Baru Bangi, Selangor. Sementara bagi kategori ketiga iaitu SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan), pengkaji memilih Sekolah Agama Menengah Unwanus Saadah yang terletak di Daerah Banting, Selangor.

Persamaan ketiga-tiga buah sekolah tersebut ialah penawaran mata pelajaran bahasa Arab kepada pelajar-pelajarnya sehingga peringkat SPM. Namun begitu, ketiga-tiganya mempunyai beberapa ‘ciri’ yang berbeza termasuk lokasi, kategori, penawaran aliran dan suasana pembelajaran yang berbeza. Contohnya SMKA hanya mengambil pelajar-pelajar cemerlang UPSR dan PMR, sementara KAA dan SABK pula tidak terlalu ketat dalam pemilihan kemasukan pelajar ke sekolah mereka. Contoh yang lain ialah SABK mempunyai ‘persekitaran Arab’ yang lebih sedikit kerana selain mata pelajaran bahasa Arab seperti di SMKA dan KAA, pelajar juga diwajibkan mengambil beberapa mata pelajaran Azhari seperti mata pelajaran Tauhid dan Hadis. Zamri Mahamod (2003: 139), menyatakan bahawa faktor-faktor seperti persekitaran, jantina, perbezaan pembelajaran, pengalaman dan sebagainya boleh mempengaruhi pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua seseorang pelajar.

3.5 Sampel Dan Kaedah Persampelan Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 150 orang pelajar tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab iaitu 50 orang pelajar bagi setiap kategori sekolah yang telah dipilih. Taburannya seperti Jadual 3.2 berikut:

Jadual 3.2: Taburan Sampel Kajian

	Sekolah	Kategori	Aliran	Jumlah
1	SMK Agama Yan, Kedah.	SMKA	Sains dan Akaun	50
2	SMK Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi.	KAA	Sains dan Akaun	50
3	SAM Unwanus Saadah, Banting.	SABK	Akaun dan Sastera	50

Kaedah pemilihan sampel dalam kajian ini dibuat berdasarkan kepada persampelan kuota, iaitu persampelan yang dilakukan ke atas subjek tertentu dengan tujuan tertentu. Menurut Chua Yan Piaw (2006: 202), melalui prosedur persampelan ini, penyelidik memilih subjek berdasarkan kategori-kategori yang dianggap wujud dalam populasi. Subjek tidak dipilih secara rawak sebaliknya dipilih secara kebetulan sehingga bilangan bagi satu kategori yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipenuhi, dan prosedur ini diteruskan untuk memilih subjek-subjek lain dalam kategori-kategori lain sehingga semua kategori dipenuhi. Oleh itu, pemilihan sampel dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada kuota bagi beberapa kategori yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Dalam konteks ini, tiga kategori sekolah telah ditetapkan iaitu SMKA, KAA dan SABK yang mana bagi setiap kategori hanya sebuah sekolah sahaja dipilih dan pemilihan sekolah-sekolah tersebut dibuat secara teknik kebetulan. Kuota sampel yang ditetapkan pula adalah sebanyak 50 orang pelajar bagi setiap kategori sekolah.

Selain daripada itu, kaedah persampelan yang turut digunakan oleh pengkaji ialah kaedah persampelan variasi maksimum (*maximum variation sampling*). Chua Yan Piaw (2006: 204), menyatakan bahawa kaedah ini sesuai untuk digunakan apabila individu-individu atau kumpulan-kumpulan individu itu dipilih untuk mewakili tahap terendah dan tahap tertinggi dalam sesuatu pembolehubah yang mempunyai nilai selanjar, iaitu untuk melihat perhubungan antara tahap terendah dan tahap tertinggi sekumpulan individu itu dengan sesuatu ciri. Dalam kajian ini, kaedah variasi maksimum yang digunakan adalah berdasarkan kepada keputusan mata pelajaran bahasa Arab PMR tahun 2011. Pencapaian sampel-sampel kajian ini adalah meliputi semua gred lulus dalam mata pelajaran tersebut iaitu A,B,C dan D.

Pelajar-pelajar Tingkatan Empat dipilih kerana mereka telah mengikuti mata pelajaran bahasa Arab sekurang-kurangnya tiga tahun semasa berada di peringkat menengah rendah. Dalam tempoh tiga tahun ini, pelajar seharusnya sudah menguasai banyak perbendaharaan kata Arab yang secara tidak langsung termasuk juga kata pinjaman Arab.

Selain itu, sampel-sampel ini tidak terlibat dalam sebarang peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), maka kajian ini tidak mengganggu persediaan pelajar dan pihak sekolah bagi menghadapi peperiksaan yang penting. Malah perkara yang lebih utama ialah jika terdapat sebarang masalah yang dapat dikenalpasti pada peringkat ini, masih terdapat ruang untuk guru dan responden mengatur strategi bagi menghadapi peperiksaan pada tahun berikutnya.

3.6 Demografi Responden Kajian

Berdasarkan kaedah pemilihan sampel seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, pengkaji telah memperolehi sebanyak 150 orang responden kajian. Jumlah tersebut berdasarkan kepada jumlah yang telah ditetapkan iaitu 50 orang bagi tiga buah sekolah yang dipilih. Hasil analisis daripada jawapan demografi soal selidik yang telah dikemukakan oleh responden, data keseluruhan berkaitan latar belakang kesemua responden telah diperoleh dan diperjelaskan seperti Jadual 3.3 berikut:

Jadual 3.3: Demografi Responden Kajian

Maklumat Demografi	Ciri	Bil. Responden N=150	Peratus (%)
Kategori sekolah	SMKA	50	33.3
	KAA	50	33.3
	SABK	50	33.3
Jantina	Lelaki	47	31.3
	Perempuan	103	68.7
Aliran	Sains	54	36
	Akaun	62	41.3
	Sastera	34	22.7
Pengalaman belajar bahasa Arab	Pra-sekolah/Tadika	44	29.3
	Sekolah Rendah	81	54.0
	Sekolah Menengah	25	16.7
Keputusan bahasa Arab PMR	A	65	43.3
	B	44	29.3
	C	34	22.7
	D	7	4.7

Merujuk Jadual 3.3 di atas, dapatan dari aspek kategori sekolah menunjukkan bahawa ketiga-tiga kategori sekolah SMKA, KAA dan SABK mempunyai peratusan responden yang sama banyak iaitu 33.3%. Dari aspek jantina pula menunjukkan bilangan responden perempuan lebih ramai iaitu 103 orang atau 68.7%, sementara bilangan responden lelaki hanya 47 orang atau 31.3%. Dalam pada itu, sebanyak 36% responden

belajar dalam aliran sains, 41.3% responden belajar dalam aliran akaun dan 22.7% responden belajar dalam aliran sastera.

Tinjauan dari aspek pengalaman responden dalam mempelajari bahasa Arab menunjukkan sebanyak 29.3% menyatakan mereka mula mempelajari bahasa Arab seawal prasekolah atau tadika, 54% responden pula menyatakan mereka mula mempelajari bahasa Arab semasa di sekolah rendah dan 16.7% responden menyatakan mereka hanya mula mempelajari bahasa Arab apabila sudah masuk ke sekolah menengah. Dapatan menunjukkan kebanyakan responden mula mempelajari bahasa Arab ketika di sekolah rendah dan ini bersesuaian dengan kurikulum pendidikan semasa yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab di sekolah rendah terutama sekolah rendah agama.

Dari aspek pencapaian gred Bahasa Arab PMR menunjukkan sebanyak 43.3% responden mendapat gred A dan 29.3% responden mendapat gred B. Sementara responden yang mendapat gred C adalah 22.7% dan responden yang mendapat gred D hanya 4.7%. Ini menunjukkan kebanyakan responden mendapat keputusan yang baik dalam mata pelajaran bahasa Arab PMR.

3.7 Instrumen Kajian

Sesebuah penyelidikan tidak dapat dilaksanakan tanpa adanya instrumen. Instrumen adalah suatu alat yang digunakan untuk mendapatkan maklumat, mengukur atau untuk mengkaji sesuatu perkara (Bhashah, 2007 dalam Siti Mariam Enam, 2011: 76). Bagi mendapatkan data kajian ini, penyelidik menggunakan dua jenis instrumen yang terdiri daripada satu set soal selidik dan satu set soalan Ujian Diagnostik Pengetahuan Sedia Ada Tentang Kata Pinjaman Arab. Kedua-dua jenis instrumen soal selidik dan soalan ujian ini dibina sendiri oleh pengkaji di samping merujuk kepada beberapa kajian

terdahulu sebagai panduan. Menurut Mohamad Najib (1999: 40), pengkaji boleh memilih untuk menggunakan instrumen sedia ada yang telah dibina oleh pengkaji terdahulu atau memilih untuk membina instrumen sendiri.

3.7.1 Instrumen Soal Selidik

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kajian tinjauan soal selidik terhadap pelajar. Kaedah soal selidik merupakan kaedah mendapatkan data yang popular dan selalu digunakan dalam kajian tinjauan. Kajian tinjauan sangat sesuai bagi sampel yang besar kerana kajian tinjauan dapat memberikan maklumat terus daripada sampel serta hasil yang tepat dan berkesan. Chua Yan Piau (2006: 111), menyatakan jika saiz sampel kajian besar, pengendalian tinjauan soal selidik adalah lebih sesuai berbanding kaedah lain.

Johnson & Christensen (2000) dalam Siti Mariam Enam (2011: 76), turut menyenaraikan tiga kekuatan instrumen soal selidik. Pertama, ia boleh melibatkan responden yang ramai. Kedua, ia membolehkan penyelidik membuat kajian perhubungan dan perbandingan hasil kajian kepada populasi yang lebih besar; dan ketiga, ia dapat menghasilkan fakta dan maklumat yang boleh melalui proses *cross-tabulate* dengan menggunakan analisis statistik bagi mempelbagaikan dapatan sesuatu kajian yang dijalankan.

Sementara Mohd Majid Konting (1994: 205-207), telah menjelaskan beberapa kelebihan menggunakan soal selidik pilihan jawapan. Pertama ialah ia mudah ditadbir di mana soalan-soalan yang diberikan dan cadangan-cadangan jawapan yang dikemukakan memudahkan subjek menjawab dengan tepat dan cepat. Kedua, mendapat kerjasama yang tinggi daripada subjek. Ini adalah kerana subjek mudah memahami kehendak soalan, kurang menggunakan ingatan, kurang berfikir dan boleh menjawab dengan cepat dan tepat tanpa memerlukan kemahiran menulis. Ketiga, jawapan yang dipilih

dapat mengelakkan jawapan-jawapan subjek yang melindungi kepincangan subjek, memenuhi kepentingan peribadi dan menyetujui kehendak dan penerimaan sosial. Keempat, memudahkan proses menganalisis jawapan yang berbentuk data-data yang diperoleh menggunakan soal selidik jawapan terpilih memandangkan ia lebih teratur dan jelas. Kelima, analisis daripada dapatan boleh ditafsirkan dengan berkesan kerana cadangan jawapan yang diberikan sendiri oleh penyelidik untuk setiap soalan membolehkan penyelidik mengenalpasti dan menghayati kehendak soalan dan jawapan yang sesuai bagi mencapai objektif kajian.

Bagi menjalankan kajian ini, satu set soal selidik pilihan jawapan telah dibina berdasarkan kepada langkah-langkah yang dicadangkan oleh Wan Chik (2004: 16-17), seperti menyediakan soalan dan mengedarkan kepada beberapa sampel, mengumpul dan menganalisis maklumat, menyediakan semula soal selidik berdasarkan maklumat yang diperolehi dan mengedarkan soal selidik kepada beberapa sampel, mengumpul dan menganalisis maklumat semula, membuat pembetulan sekiranya terdapat kelemahan pada soal selidik tersebut dan menyediakan soal selidik untuk pengedaran terakhir kepada sampel kajian.

Pembinaan soal selidik kajian ini juga adalah berdasarkan kepada perbincangan dan persetujuan penyelia, setelah mendapatkan maklumat daripada temubual secara tidak formal pengkaji dengan guru-guru bahasa Arab. Temubual tersebut adalah berkaitan dengan isu yang menjadi fokus kajian serta kaedah yang sering digunakan oleh guru-guru dalam menerapkan perbendaharaan kata Arab ketika proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah.

Bagi memperoleh data yang tepat, set soal selidik yang telah lengkap ini terlebih dahulu dibuat kesahan sebelum diedarkan kepada responden. Set soal selidik ini telah dipecahkan kepada dua bahagian:

i) Bahagian A: Ciri-ciri Demografi Responden

Bahagian ini mengandungi lima item berkenaan demografi responden seperti kategori sekolah, jantina, aliran tingkatan dan tempoh pengalaman belajar bahasa Arab. Di dalam demografi ini juga, responden dikehendaki mengisi keputusan mata pelajaran bahasa Arab dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) tahun 2011 yang lalu. Ini kerana keputusan bahasa Arab tersebut akan digunakan sebagai indikator pencapaian.

ii) Bahagian B: Sikap Pelajar

Bahagian ini mengandungi 48 item berkaitan pengaruh pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab terhadap sikap pelajar, yang mana sikap ini terdiri daripada 18 item kesedaran, 19 item motivasi dan 11 item kebimbangan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4 berikut:

Jadual 3.4: Sikap Pelajar

No.	Konstruk Sikap	Bil. Item
Ba	Kesedaran	18
Bb	Motivasi	19
Bc	Kebimbangan	11
Jumlah		48

Bagi mendapatkan data mengenai sikap pelajar, responden dikehendaki menjawab soalan dengan menandakan jawapan berdasarkan pandangan dan pengalaman mereka mengikut respon pilihan jawapan yang telah ditetapkan. Setiap respon pilihan jawapan diukur menggunakan Skala Likert. Pengkaji telah menetapkan empat tahap bagi

pengukuran skala dan titik tengahnya ialah 2.5. Skala Likert empat mata adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5 berikut:

Jadual 3.5: Empat Tahap Pengukuran Skala

Item Positif	Skala	Item Negatif
Sangat Tidak Setuju	1	Sangat Setuju
Tidak Setuju	2	Setuju
Setuju	3	Tidak Setuju
Sangat Setuju	4	Sangat Tidak Setuju

Menurut Mohamad Najib (1999: 88), dalam Skala Likert, responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari ekstrem kepada ekstrem yang lain, contohnya daripada ‘sangat setuju’ kepada ‘sangat tidak setuju’. Mohd Majid Konting (1994: 199-201), turut mengakui kesesuaian Skala Likert untuk mengukur sikap, namun pernyataan-pernyataan yang berlainan seperti pernyataan positif dan pernyataan negatif perlu digunakan dan dipelbagaikan untuk mengurangkan fenomena pengukuran. Oleh itu, skala dalam kajian ini dibentuk untuk memberi peluang kepada responden menunjukkan sejauhmana mereka bersetuju atau tidak bersetuju terhadap sesuatu pernyataan berkaitan pengaruh pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab terhadap aspek kesedaran, aspek motivasi dan aspek kebimbangan mereka dalam mendapatkan perbendaharaan kata Arab dan dalam mempelajari bahasa Arab.

3.7.2 Ujian Diagnostik Pengetahuan Sedia Ada Tentang Kata Pinjaman Arab

Untuk mengukur tahap pengetahuan sedia ada, borang Ujian Diagnostik Pengetahuan Sedia Ada Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab disediakan. Menurut Mohamad Najib (1999: 76), ujian diagnostik sesuai digunakan untuk menentukan prestasi berdasarkan

sesuatu kriteria yang telah ditentukan seperti untuk menguji kemahiran dan kebolehan seseorang pelajar. Borang ujian diagnostik ini diubahsuai daripada borang Ujian Penguasaan Menulis Jawi oleh Siti Mariam (2011). Borang ini disediakan setelah berbincang kriteria pengesananannya dengan penyelia, pensyarah-pensyarah dan guru-guru pakar untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaannya.

Pengkaji membuat pengubahsuaian borang ujian diagnostik dengan memilih ujian jenis objektif, memandangkan kajian ini melibatkan bilangan sampel yang besar. Oleh itu, pengkaji dapat mengawal pemarkahan ujian secara objektif dan dapat menjamin wujudnya kesaksamaan dalam pemarkahan. Menurut Abdullah Hassan (1996: 181-182), ujian objektif bermaksud bahan atau perkara yang hendak diuji itu telah ditentukan sebagai objektif ujian tersebut. Butiran ujian objektif mempunyai aneka pilihan, dan secara perbandingannya, cara ini mempunyai kemampuan yang tinggi untuk mendiskriminasikan pelajar-pelajar yang baik daripada pelajar-pelajar yang lemah. Oleh itu, butir-butir ujian objektif dalam borang soalan ujian pengkaji bolehlah digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab dan membandingkannya dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran bahasa Arab PMR. Borang ujian diagnostik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian C dan bahagian D. Kriterianya seperti Jadual 3.6 berikut:

Jadual 3.6: Kriteria Ujian Diagnostik

Jenis Soalan		Bil. Perkataan	Bil. Kata Pinjaman	Jumlah Kata Pinjaman
C Senarai perkataan	Ca Bahasa Melayu	25	15	30
	Cb Bahasa Arab	25	15	
D Petikan	Da Bahasa Melayu	39	10	20
	Db Bahasa Arab	44	10	
Jumlah Keseluruhan Kata Pinjaman				50

i) Bahagian C: Senarai Perkataan

Bahagian ini berbentuk senarai perkataan yang terbahagi kepada 25 perkataan bahasa Melayu dan 25 perkataan bahasa Arab. Sebanyak 15 perkataan pinjaman Arab dicampuradukkan dalam senarai perkataan bahasa Melayu dan begitu juga sebanyak 15 perkataan Arab yang dipinjam oleh bahasa Melayu dicampuradukkan dalam senarai perkataan bahasa Arab yang tidak dipinjam. Pengkaji menggunakan perkataan-perkataan Arab yang dipinjam oleh bahasa Melayu yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga, sebagai data kajian kata pinjaman. Pemilihan perkataan-perkataan dibuat secara rawak berkumpulan sebelum dimasukkan ke dalam soalan senarai perkataan.

ii) Bahagian D: Petikan

Bahagian ini berbentuk petikan pendek yang terbahagi kepada petikan bahasa Melayu dan petikan bahasa Arab. Sebanyak 10 perkataan pinjaman Arab dimasukkan dalam petikan bahasa Melayu dan begitu juga sebanyak 10 perkataan Arab yang dipinjam oleh bahasa Melayu dimasukkan dalam petikan bahasa Arab. Kedua-dua petikan ini diubahsuai daripada bahagian kefahaman (المطالعة) yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab Tingkatan Dua.

Bagi kedua-dua jenis ujian senarai perkataan dan petikan, pelajar hanya perlu membulatkan perkataan yang pada pengetahuan mereka merupakan kata pinjaman Arab (bagi soalan bahasa Melayu) dan juga membulatkan perkataan yang pada pengetahuan mereka merupakan perkataan Arab yang dipinjam oleh bahasa Melayu (bagi soalan bahasa Arab). Bunyi dan makna yang serupa atau hampir serupa antara kedua-dua bahasa telah dirujuk sebagai kata pinjaman Arab. Ujian ini adalah berbentuk 'dicotomous' yang menggunakan jawapan 'betul' atau 'salah'. Skor '1' diberikan bagi setiap jawapan yang betul dan '0' bagi jawapan yang salah.

3.7.3 Pengelasan Kata Pinjaman

Sebelum membuat pengelasan kata pinjaman, pengkaji terlebih dahulu membuat pemilihan perkataan-perkataan pinjaman yang akan digunakan dalam instrumen ujian secara rawak berkumpulan daripada buku teks Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga. Kemudian perkataan-perkataan pinjaman yang terpilih itu dirujuk dalam buku ‘Perbendaharaan Kata Arab Dalam Bahasa Melayu’ oleh Amran Kasimin bagi memastikan kesahannya. Jadual 3.7 menunjukkan senarai kata pinjaman Arab yang telah digunakan dalam instrumen ujian dan perkataan Arabnya yang asal:

Jadual 3.7: Senarai Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu

Bil	Perkataan Pinjaman	Perkataan Arab	Bil	Perkataan Pinjaman	Perkataan Arab
1	Alam	→ عالم	26	Mati	→ مات
2	Bina	→ بنا	27	Rahmat	→ رحمة
3	Jadual	→ جدول	28	Maklumat	→ معلومات
4	Iman	→ إيمان	29	Tekun	→ اتقان
5	Makhluk	→ مخلوق	30	Arif	→ عرف
6	Sabtu	→ سبت	31	Waktu	→ وقت
7	Musafir	→ مسافر	32	Rehat	→ راحة
8	Insan	→ إنسان	33	Hadirin	→ حاضرين
9	Mithali	→ مثالي	34	Lazat	→ لذیذ
10	Musim	→ موسم	35	Takbir	→ تكبير
11	Ibadat	→ عبادة	36	Syukur	→ شُكْر
12	Badan	→ بدن	37	Miskin	→ مسكين
13	Menara	→ منار	38	Tamat	→ تمّ
14	Mayat	→ ميّت	39	Solat	→ صلاة
15	Maruah	→ مروءة	40	Zuhur	→ ظهر
16	Jiran	→ جيران	41	Ziarah	→ زيارة
17	Ihsan	→ إحسان	42	Maaf	→ عفو
18	Khas	→ خاص	43	Tahniah	→ تهنئة
19	Sabar	→ صَبْر	44	Sahabat	→ صحابة
20	Masjid	→ مسجد	45	Sahih	→ صحيح
21	Masyhur	→ مشهور	46	Zahir	→ إظهار
22	Doa	→ دعاء	47	Nikmat	→ نعمة
23	Akhir	→ أخير	48	Ke-kuat-an	→ تقوية
24	Istiqamah	→ استقامة	49	Ukhuwwah	→ أخوة
25	Soal	→ سأل	50	Sedekah	→ صدقة

Terdapat beberapa pengelasan bagi kata pinjaman seperti mana yang telah dikelaskan oleh para linguistik termasuklah Pinjaman Karib, Pinjaman Budaya, Pinjaman Dialek, Pinjaman Tulen, Pinjaman Kacukan, Pinjaman Terjemah dan Pinjaman Ubahsuai. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya menyentuh beberapa pengelasan bagi kata pinjaman tersebut iaitu Pinjaman Tulen, Pinjaman Kacukan dan Pinjaman Ubahsuai.

Pinjaman Tulen ialah peminjaman yang dilakukan secara penuh (*borrowed whole*) di mana makna atau konsep serta bentuk fonik dipinjamkan secara keseluruhan. Pinjaman Kacukan pula ialah sebahagian kata sahaja yang dipinjam daripada bahasa sumber iaitu kata peminjam digabungkan dengan kata sumber yang sedia ada. Sementara Pinjaman Ubahsuai bermaksud peminjaman kata atau frasa dari bahasa lain dengan mengubah bentuk fonologi atau fonem sehingga sesuai dan sehati dengan bahasa penerima. Pengkaji memilih Pinjaman Tulen, Pinjaman Kacukan dan Pinjaman Ubahsuai ini adalah disebabkan kesesuaian kategori-kategori tersebut dengan salah satu objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu sejauhmana tahap pengecaman pelajar dari segi kata pinjaman serupa dan hampir serupa berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka tentang kata pinjaman Arab.

Pengkaji telah menetapkan Pinjaman Tulen untuk Kata Pinjaman Serupa. Penetapan ini dibuat berdasarkan kepada peminjaman penuh dari segi persamaan makna dan bunyi antara bahasa peminjam (Melayu) dengan bahasa sumber (Arab). Pinjaman Kacukan dan Pinjaman Ubahsuai pula ditetapkan untuk Kata Pinjaman Hampir Serupa. Penetapan ini dibuat berdasarkan kepada persamaan makna antara bahasa peminjam dan bahasa sumber tetapi fonologi dan fonem telah berubah sedikit. Senarai kata pinjaman berdasarkan Kata Pinjaman Serupa dan Kata Pinjaman Hampir Serupa adalah seperti Jadual 3.8 dan Jadual 3.9, sementara senarai kata pinjaman berdasarkan pengelasan Pinjaman Tulen, Pinjaman Kacukan dan Pinjaman Ubahsuai adalah seperti Jadual 3.10:

Jadual 3.8: Senarai Kata Pinjaman Serupa

Bil	Bahasa Melayu / Fonetik			Bahasa Arab / Fonetik		
1	Jadual	→	dʒadual	جدوال	→	dʒaduāl
2	Iman	→	iman	إيمان	→	īmān
3	Sabtu	→	sabtu	سبت	→	sabtu
4	Musafir	→	musafir	مسافر	→	musāfir
5	Insan	→	insan	إنسان	→	insān
6	Mithali	→	miəali	مثالي	→	miəālī
7	Badan	→	badan	بدن	→	badan
8	Jiran	→	dʒiran	جيران	→	dʒirān
9	Masjid	→	masdʒid	مسجد	→	masdʒid
10	Masyhur	→	maʃhur	مشهور	→	maʃhūr
11	Akhir	→	axir	أخير	→	axīr
12	Istiqamah	→	istiqamah	استقامة	→	istiḡāmah
13	Takbir	→	takbir	تكبير	→	takbīr
14	Syukur	→	ʃukur	شكور	→	ʃukūr
15	Miskin	→	miskin	مسكين	→	miskīn
16	Solat	→	sʕolat	صلاة	→	sʕolāt
17	Zuhur	→	ðʕuhur	ظهر	→	ðʕuhur
18	Ziarah	→	ziarah	زيارة	→	ziārah
19	Ukhuwwah	→	uxuwwah	أخوة	→	uxuwwah
JUMLAH : 19						

Jadual 3.9: Senarai Kata Pinjaman Hampir Serupa

Bil	Bahasa Melayu / Fonetik			Bahasa Arab / Fonetik		
1	Alam	→	alam	عالم	→	ʿālam
2	Bina	→	bina	بنا	→	banā
3	Makhluk	→	maxluk	مخلوق	→	maxlūq
4	Musim	→	musim	موسم	→	mausim
5	Ibadat	→	ibadat	عبادة	→	ʿibādah
6	Menara	→	mənara	منار	→	manār
7	Mayat	→	majat	مَيِّت	→	majjit
8	Maruah	→	maruah	مروءة	→	murūʿah
9	Ihsan	→	ihsan	إحسان	→	iḥsān
10	Khas	→	xas	خاص	→	xās ^ʿ
11	Sabar	→	sabar	صَبَر	→	s ^ʿ abar
12	Doa	→	doʿa	دعاء	→	duʿāʾ
13	Soal	→	sɔal	سَأَلَ	→	saala
14	Mati	→	mati	مَاتَ	→	māta
15	Rahmat	→	rahmat	رحمة	→	raḥmah
16	Maklumat	→	maklumat	معلومات	→	maʿlūmāt
Bil	Bahasa Melayu / Fonetik			Bahasa Arab / Fonetik		

17	Tekun	→	təkun	اتقان	→	itqān
18	Arif	→	arif	عَرَفَ	→	ʕarafa
19	Waktu	→	waktu	وقت	→	waqtu
20	Rehat	→	rehat	راحة	→	rāhah
21	Hadirin	→	hadirin	حاضرين	→	hādʕirīn
22	Lazat	→	lazat	لذِذ	→	laḏīḏ
23	Tamat	→	tamat	تَمَّ	→	tamma
24	Maaf	→	maaf	عفو	→	ʕafwu
25	Tahniah	→	tahniah	تهنئة	→	tahniʔah
26	Sahabat	→	sahabat	صحابَة	→	sʕahābah
27	Sahih	→	sahih	صحيح	→	sʕahīh
28	Zahir	→	zahir	إظهار	→	iḏʕhār
29	Nikmat	→	nikmat	نعمة	→	niʕmah
30	Ke-kuat-an	→	kuat	تقوية	→	taqwijjah
31	Sedekah	→	sedekah	صدقة	→	sʕadaqah
JUMLAH : 31						

Jadual 3.10: Senarai Kata Pinjaman Mengikut Pengelasan Pinjaman Tulen, Pinjaman Kacukan Dan Pinjaman Ubahsuai

Bil	Perkataan Pinjaman	Serupa	Hampir Serupa	
		Tulen	Kacukan	Ubahsuai
1	Alam			/
2	Bina			/
3	Jadual	/		
4	Iman	/		
5	Makhluk			/
6	Sabtu	/		
7	Musafir	/		
8	Insan	/		
9	Mithali	/		
10	Musim			/
11	Ibadat			/
12	Badan	/		
13	Menara			/
14	Mayat			/
15	Maruah			/
16	Jiran	/		
17	Ihsan			/
18	Khas			/
19	Sabar			/
Bil	Perkataan Pinjaman	Serupa	Hampir Serupa	
		Tulen	Kacukan	Ubahsuai

20	Masjid	/		
21	Masyhur	/		
22	Doa			/
23	Akhir	/		
24	Istiqamah	/		
25	Soal			/
26	Mati			/
27	Rahmat			/
28	Maklumat			/
29	Tekun			/
30	Arif			/
31	Waktu			/
32	Rehat			/
33	Hadirin			/
34	Lazat			/
35	Takbir	/		
36	Syukur	/		
37	Miskin	/		
38	Tamat			/
39	Solat	/		
40	Zuhur	/		
41	Ziarah	/		
42	Maaf			/
43	Tahniah			/
44	Sahabat			/
45	Sahih			/
46	Zahir			/
47	Nikmat			/
48	Ke-kuat-an		/	
49	Ukhuwwah	/		
50	Sedekah			/
JUMLAH		19	31	

3.8 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen merupakan prosedur yang penting dalam pembentukan sesuatu instrumen kajian. Kedua-dua perkara ini menjadi penyumbang

utama dalam memberikan dapatan kajian yang tepat, sahih dan lebih bermakna terhadap sesuatu penyelidikan. Oleh yang demikian, sebelum melaksanakan penyelidikan yang sebenar, penyelidik terlebih dahulu membuat kesahan dan kebolehpercayaan terhadap instrument kajian.

3.8.1 Kesahan Instrumen Kajian

Kesahan sesuatu kajian merujuk kepada keupayaan sesuatu pengukuran yang dilakukan untuk mengukur nilai sebenar konsep dalam hipotesis. Kesahan dikatakan tinggi jika instrumen yang dibina benar-benar mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis (Chua Yan Piaw, 2006: 212). Dengan kata lain, kesahan sesuatu alat ukuran itu adalah merujuk kepada sejauhmana alat itu mengukur data yang sepatutnya diukur (Mohd Majid Konting, 1994: 156). Alias Baba (1997: 154), pula menyatakan bahawa kesahan sesuatu instrumen mestilah berlandaskan kepada sejauhmana instrumen itu benar-benar mengukur sesuatu gagasan atau pembolehubah yang hendak diukur. Oleh itu, instrumen yang mempunyai kesahan yang tinggi menunjukkan keadaan atau fenomena yang sebenarnya pada perkara yang hendak diuji dan dapat mengukur apa yang penyelidik harapkan.

Oleh kerana kajian ini berbentuk kuantitatif, kesahan instrumen haruslah mengikut asas kesahan dalam penyelidikan kuantitatif. Kesahan dalam penyelidikan kuantitatif bererti definisi konsep-konsep di dalam peringkat konseptual mestilah selari dengan definisi konsep-konsep tersebut dalam peringkat operasional (Chua Yan Piaw, 2006: 213).

Dalam kajian ini, kesahan instrumen dilakukan untuk menentukan sejauhmana instrumen soal selidik dan instrumen ujian yang telah dibina dapat mengukur sikap pelajar dan mengukur tahap pengetahuan sedia ada mereka tentang kata pinjaman Arab.

Dalam hal ini ‘kesahan kandungan’ dilakukan. Menurut Wiersman (2000) dalam Siti Mariam Enam (2011: 86), kesahan kandungan adalah proses untuk memastikan sejauhmana item-item yang digunakan dalam instrumen memadai untuk mewakili aspek kandungan yang hendak diukur. Menurut Mohd Majid Konting (1994: 158) pula, kesahan kandungan dilakukan adalah untuk memastikan semua isi dan kandungan bidang yang dikaji diukur bagi menggambarkan bidang berkenaan.

Dalam membuat kesahan kandungan bagi instrumen kajian ini, penyelidik dengan bimbingan penyelia telah melihat kembali dan membaca dengan teliti perkataan-perkataan, susunan ayat atau bahasa yang digunakan di dalam instrumen, adakah ia sesuai ataupun tidak dengan komponen-komponen yang hendak diukur. Contohnya, bagi menguji pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab, pengkaji telah membina item dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab. Selain untuk melihat pemberatan pengecaman pelajar sama ada pengecaman melalui bahasa Melayu atau bahasa Arab lebih tinggi, item dalam bahasa Arab juga sesuai dengan situasi sampel yang mempelajari bahasa Arab. Pengkaji akan menghadapi masalah jika menguji pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan penggunaan bahasa Arab terhadap sampel yang tidak mempelajari bahasa Arab.

Bagi meningkatkan kesahan kandungan alat pengukuran, penyelidik turut menggunakan kaedah *external criticism* iaitu dengan cara mendapatkan pandangan daripada beberapa orang panel dan pakar. Kaedah ini dipersetujui oleh Mohd Majid Konting (1994: 160), yang mencadangkan supaya seseorang penyelidik itu mendapatkan penilai luar yang berpengalaman untuk memastikan domain-domain yang digunakan dalam alat pengukuran mewakili bidang yang dikaji. Panel ini hendaklah terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang yang ingin dikaji oleh penyelidik. Panel penilai ini juga hendaklah dilantik daripada kalangan orang yang tidak terlibat dalam kajian (Creswell, 2008).

Penyelidik telah mendapatkan empat orang panel penilai instrumen termasuk penyelia. Tiga orang panel yang lain terdiri daripada dua orang pakar dalam bidang bahasa Arab iaitu seorang pensyarah dan seorang guru bahasa Arab yang telah mengajar lebih 17 tahun. Sementara seorang lagi panel merupakan pensyarah dalam bidang penyelidikan. Instrumen kajian telah dihantar kepada panel-panel untuk dibuat ulasan, kritikan dan saranan terhadap domain-domain yang terkandung dalam instrumen. Setelah mendapat kembali instrumen yang telah disemak, penyelidik meneliti semula instrumen dan membuat pemurnian serta penambahbaikan berdasarkan kritikan dan cadangan daripada panel-panel tersebut.

Bagi memantapkan lagi kesahan dalaman instrumen kajian, kajian rintis telah dilaksanakan. Pengkaji telah menggunakan langkah-langkah yang dicadangkan oleh Chua Yan Piaw (2006: 258), bagi meningkatkan kesahan dalaman melalui kajian rintis ini, antaranya menyoal subjek kajian rintis untuk mendapatkan maklum balas tentang kekeliruan yang timbul dalam item-item yang mereka jawab, mengubahsuai dan menyingkirkan item-item yang mengelirukan serta memastikan respon yang diberikan oleh subjek boleh dianalisis. Ini dilakukan sebagai semakan terakhir dalam proses kesahan sebelum instrumen diedarkan kepada sampel kajian sebenar.

Oleh itu, berdasarkan penjelasan di atas pengkaji membuat kesimpulan bahawa instrumen kajian yang dibina mempunyai kesahan kandungan yang tinggi.

3.8.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan juga merupakan satu perkara yang asas dalam penyelidikan kuantitatif. Kebolehpercayaan dalam sesuatu alat pengukuran merujuk kepada ketekalan sesuatu alat ukur dalam mengukur pembolehubah atau gagasan sesuatu penyelidikan

(Mohd Majid Konting, 1994: 165). Menurut Chua Yan Piaw (2006: 216), kebolehpercayaan bersandarkan kepada keupayaan sesuatu kajian untuk memperolehi nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Jika pengukuran pada kali kedua (atau ketiga) dilaksanakan, nilai yang diperolehi juga serupa, maka kajian itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Selain itu, Alias Baba (1997: 146), berpendapat bahawa kebolehpercayaan bergantung kepada ralat pengukuran. Kebolehpercayaan yang tinggi bermakna komponen skor sebenar adalah lebih tinggi daripada komponen skor ralat. Ralat pengukuran alat itu adalah kecil. Menurut Mohd Majid Konting (1994: 167-168), kebolehpercayaan sesuatu alat ujian itu boleh dipertingkatkan dengan beberapa cara, iaitu:

- i. Pernyataan item yang tepat dan jelas.
- ii. Item-item yang digunakan hendaklah homogenus.
- iii. Arahan ujian mestilah jelas, ringkas dan padat.
- iv. Mengelakkan gangguan semasa subjek menjawab ujian.
- v. Pengumpulan data dilakukan dalam keadaan serupa dan terkawal.

Bagi menguji kebolehpercayaan instrumen kajian ini, pengkaji telah menggunakan statistik *Cronbach Alpha* untuk menentukan kebolehpercayaan item soal selidik berkaitan tiga konstruk yang diukur iaitu kesedaran, motivasi dan kebimbangan.

3.8.2.1 Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha*

Ujian kebolehpercayaan yang popular ini turut dikenali sebagai *Coefficient Alpha* atau *Alpha* (Spatz & Kardas, 2008 dalam Siti Mariam Enam, 2011: 90). *Cronbach Alpha* merupakan pekali alpha (α) yang selalu digunapakai dalam menganggar kebolehpercayaan ketekalan dalaman. *Cronbach Alpha* digunakan untuk menghitung

ketekalan dalaman bagi item yang diskor secara politomi, iaitu menguji item yang diberi julat nombor seperti 1 sehingga 4. Memandangkan item-item bagi instrumen soal selidik dalam kajian ini adalah item yang diuji secara politomi, maka pekali *Cronbach Alpha* merupakan teknik yang sesuai bagi mengakses kebolehpercayaan dalaman bagi item ini. Sekaran (2003: 307), menyatakan bahawa *Cronbach Alpha* merupakan pekali atau nilai kebolehpercayaan yang menunjukkan bagaimana item-item kajian berhubung di antara satu sama lain. Oleh itu, *Cronbach Alpha* ini digunakan untuk menganggar kebolehpercayaan dengan mengenalpasti wujudnya hubungan di antara item-item yang digunakan, di samping untuk memastikan kesamaan item dari aspek kandungan sesuatu ujian.

Mohd Majid Konting (1994: 182-183), menyatakan pekali kebolehpercayaan yang bernilai sekurang-kurangnya 0.60 adalah menjadi asas minimum bagi menentukan nilai kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam sesuatu kajian. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS Version 20). Nilai kebolehpercayaan item soal selidik berdasarkan *Cronbach Alpha* yang telah dijalankan adalah seperti Jadual 3.11 di bawah:

Jadual 3.11: Nilai Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Berdasarkan *Cronbach Alpha*

Konstruk	Bilangan Pembolehubah / Item	Nilai Kebolehpercayaan
Kesedaran	18 item	.846
Motivasi	19 item	.807
Kebimbangan	11 item	.695

Jadual di atas menunjukkan keputusan *Cronbach Alpha* ke atas instrumen soal selidik kajian. Nilai kebolehpercayaan bagi setiap konstruk dalam instrumen soal selidik adalah

pada tahap melebihi 0.6. Nilai tersebut menunjukkan kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik yang dibina adalah pada tahap yang tinggi.

3.9 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bagi mendapatkan kesahan dan meningkatkan kebolehpercayaan terhadap maklumat kajian yang diperolehi. Menurut Chua Yan Piaw (2006: 257), kajian rintis atau '*pilot study*' dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan untuk melihat kebolehlaksanaan atau kemunasabahan sesuatu kajian yang bakal dilakukan. Oleh itu, kajian rintis merupakan bahagian yang penting bagi sebuah kajian yang baik.

Antara fungsi-fungsi kajian rintis seperti yang dinyatakan oleh Chua Yan Piaw (2006: 257) lagi, adalah untuk menguji dan membina keberkesanan instrumen kajian, menilai keberkesanan teknik analisis kajian yang bakal digunakan dalam kajian sebenar, memastikan kesesuaian rekabentuk kajian dan memastikan kesesuaian soalan dari aspek istilah dan kejelasan bahasa, struktur ayat dan kefahaman responden terhadap item-item yang ditanya dalam soal selidik. Ini adalah untuk mengelakkan kekeliruan atau salah tafsir responden terhadap sesuatu instrumen yang diedarkan, di samping untuk memastikan tiada aspek-aspek penting yang tertinggal dalam kajian sebenar. Mohd Yusuf Arsyad (1998), pula menjelaskan bahawa kajian rintis juga dijalankan bertujuan untuk menganggar tempoh yang diperlukan dalam menjawab soalan yang dikemukakan, selain untuk mengesan masalah yang mungkin timbul semasa proses pengumpulan data ketika kajian sebenar dijalankan kelak.

Kajian rintis untuk instrumen penyelidikan ini telah dijalankan terhadap 32 orang pelajar daripada dua buah kelas Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di daerah

Banting. Kajian rintis ini telah melibatkan penggunaan instrumen soal selidik dan instrumen Ujian Diagnostik Pengetahuan Sedia Ada Tentang Kata Pinjaman Arab. Di samping itu, sesi temubual turut diadakan terhadap beberapa orang pelajar bagi mendapatkan komen dan pandangan yang lebih baik berkaitan instrumen kajian.

Hasil daripada kajian rintis ini, pengkaji mendapati sampel-sampel yang terlibat tidak menghadapi sebarang masalah untuk memahami item-item yang terkandung dalam set soal selidik dan set ujian diagnostik. Berdasarkan maklum balas tersebut, pengkaji telah mentadbir kedua-dua instrumen ini dengan sedikit penambahbaikan sebelum diedarkan kepada sampel kajian sebenar.

3.10 Prosedur Pengumpulan Data Kajian

Dalam kajian ini terdapat dua jenis data iaitu data premier dan data sekunder. Data premier diperoleh daripada subjek kajian melalui borang soal selidik dan borang Ujian Diagnostik Pengetahuan Sedia Ada yang telah diedarkan. Sementara data sekunder diperoleh daripada perpustakaan dan pusat sumber.

Sebelum memulakan kajian, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan perakuan daripada Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya. Seterusnya sebelum proses pengumpulan data dijalankan, penyelidik telah memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kedah dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Selangor.

Kemudian pengkaji memohon kebenaran daripada pengetua sekolah-sekolah yang terlibat serta mendapatkan kerjasama daripada guru-guru mata pelajaran bahasa Arab Tingkatan Empat, untuk membolehkan kajian ini dilaksanakan dengan sempurna di

sekolah-sekolah sasaran. Kebenaran secara rasmi daripada pihak-pihak berkenaan diperlukan sebagai memenuhi prosedur sebelum sesuatu kajian dijalankan.

Berdasarkan kepada kebenaran pihak-pihak berkenaan serta persetujuan pihak sekolah, penyelidik telah menetapkan sesi pertemuan dengan pelajar-pelajar yang terlibat. Atas kehendak pihak sekolah, penyelidikan telah dijalankan secara terkawal agar tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran lain yang sedang berlangsung. Oleh itu, berdasarkan arahan tersebut, setiap sesi pertemuan dengan pelajar di setiap sekolah sasaran telah dijalankan di dewan sekolah dengan bantuan guru-guru mata pelajaran. Tujuan pertemuan diadakan di dalam dewan juga disebabkan bilangan kelas yang terlibat adalah dua kelas bagi setiap sekolah. Oleh itu, pertemuan di dalam dewan memudahkan pemantauan dan kawalan disiplin ketika ujian dijalankan. Penyelidik juga sentiasa berada di dalam dewan ketika sesi menjawab dijalankan bagi memastikan tiada masalah yang berlaku.

Pada sesi pertemuan dengan pelajar, penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik dan borang ujian kepada pelajar-pelajar Tingkatan Empat dengan bantuan guru-guru bahasa Arab. Pelajar-pelajar diambil daripada dua buah kelas bagi tiga buah sekolah yang telah dikenalpasti. Mereka dikehendaki melengkapkan dan mengembalikan kedua-dua borang tersebut kepada penyelidik setelah tamat tempoh sesi menjawab. Sesi menjawab soal selidik dan ujian diagnostik ini dijalankan secara formal dengan bantuan dan pengawasan guru-guru mata pelajaran yang terlibat.

Proses mengumpul data ini dijalankan selama empat minggu mengikut jadual waktu bagi mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah terlibat. Ini dilakukan bagi mengelakkan gangguan terhadap waktu pembelajaran mata pelajaran lain. Ia dijalankan secara terancang supaya pengurusannya lebih tersusun dan teratur memandangkan jarak

yang jauh antara setiap sekolah. Setelah selesai data dikumpulkan, penyelidik mentadbir borang soal selidik dan borang ujian ini secara bersendirian.

3.11 Analisis Data Kajian

Data yang diperolehi melalui instrumen soal selidik dan ujian diagnostik telah dianalisis menggunakan program perisian *SPSS Version 20*. Menurut Mohd Najib (1999: 59), penganalisan data berstatistik menggunakan perisian komputer (seperti SPSS) dapat menghasilkan pengiraan yang tepat untuk menerangkan maklumat kajian yang telah dilaksanakan. Babbie (2002: 396), pula menyatakan antara kelebihan menggunakan perisian SPSS ialah penyelidik dapat menggabungkan setiap kategori data dengan mudah tanpa kehilangan butiran asal, di mana pengkaji boleh memilih variabel untuk direkod, memberi nama kepada variabel baru dan menentukan kod variabel lama yang akan dimasukkan ke dalam setiap kod variabel baru. Kaedah analisis data bagi kajian ini dijelaskan dalam Jadual 3.12 :

Jadual 3.12: Kaedah Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian

	Persoalan Kajian	Kaedah Analisis
1	Apakah tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab secara keseluruhan?	<i>Min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan</i>
2	Sejauhmanakah pengaruh kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab terhadap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab?	<i>Min, sisihan piawai, peratusan, ANOVA dan Ujian-t</i>
3	Sejauhmanakah pengaruh pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab terhadap sikap pelajar dari aspek kesedaran, motivasi dan kebimbangan?	<i>Min, sisihan piawai, peratusan, kekerapan dan Pearson R</i>
4	Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian bahasa Arab?	<i>Min, Ujian-t dan Spearman-rho</i>

Berdasarkan jadual di atas, data berkaitan tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab secara keseluruhan (termasuk tahap pengecaman melalui kata pinjaman serupa dan hampir serupa serta tahap pengecaman melalui bahasa Melayu dan bahasa Arab), data berkaitan pengaruh kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab terhadap pengetahuan sedia ada pelajar, serta data mengenai pengaruh pengetahuan sedia ada terhadap sikap pelajar dari aspek kesedaran, motivasi dan kebimbangan, dianalisis menggunakan min, sisihan piawai, peratusan, kekerapan, ANOVA dan Ujian-t.

Bagi melihat hubungan antara pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan pembolehubah dari aspek sikap pelajar iaitu kesedaran, motivasi dan kebimbangan, analisis kolerasi dengan menggunakan ujian kolerasi Pearson R telah dilakukan. Ujian-t dan ujian kolerasi Spearman-rho pula digunakan untuk melihat hubungan antara pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian bahasa Arab PMR. Bagi tujuan tersebut, penyelidik telah menetapkan paras signifikan pada aras keertian $p < 0.05$.

Pengkaji juga menetapkan pemeringkatan aras pencapaian pelajar berdasarkan gred bahasa Arab PMR adalah seperti Jadual 3.13 berikut:

Jadual 3.13: Aras Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gred Bahasa Arab PMR

Gred Bahasa Arab PMR	Aras Pencapaian
A dan B	Baik
C dan D	Lemah

Berdasarkan kepada jadual di atas, aras pencapaian pelajar berdasarkan gred bahasa Arab PMR dibahagikan kepada dua aras iaitu “Baik” dan “Lemah”. Pelajar dikira

berada pada aras “Baik” jika memperoleh gred A dan B dan sebaliknya dikira berada pada aras “Lemah” jika memperoleh gred C dan D.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini membentangkan dapatan kajian yang telah dianalisis. Data yang diperolehi melalui set soal selidik dan set ujian diagnostik daripada responden dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 20.

Analisis data dibuat dan disusun mengikut objektif dan persoalan kajian seperti yang telah diterangkan dalam Bab 1. Penganalisan data bagi kajian ini dihuraikan secara statistik deskriptif mengikut kekerapan skor, min, median, sisihan lazim dan peratusan responden. Analisis perbezaan dan kolerasi juga dibuat bagi menentukan pencapaian objektif-objektif kajian yang ditetapkan dengan menggunakan statistik Analisa Varian Satu Hala (ANOVA), t-test, Pearson R dan Spearman-rho.

4.1 Tahap Pengetahuan Sedia Ada (PSA) Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab

Bagi menjelaskan tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab, analisis dapatan akan menghuraikan skor keseluruhan tahap pengetahuan sedia ada pelajar di samping menghuraikan skor keseluruhan tahap pengecaman kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa dan hampir serupa serta skor keseluruhan tahap pengecaman kata pinjaman Arab melalui bahasa Melayu dan bahasa Arab. Tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab secara keseluruhan adalah berdasarkan skor ujian diagnostik yang mengandungi 50 item kata pinjaman Arab yang perlu dikenalpasti kesemuanya oleh pelajar semasa menjawab soalan.

4.1.1 Skor Keseluruhan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab

Tahap pengetahuan sedia ada pelajar Tingkatan Empat tentang kata pinjaman Arab secara keseluruhan berdasarkan instrumen ujian diagnostik adalah seperti berikut:

Jadual 4.1: Skor Keseluruhan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab

N	Skor/ 100		Min	Sisihan Piawai
	Terendah	Tertinggi		
150	77	97	87.52	3.739

Jadual 4.1 di atas menunjukkan skor terendah yang dicapai oleh responden dalam instrumen ujian diagnostik ialah 77% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 97% . Skor purata min ialah 87.52 dengan purata sisihan piawai 3.739. Ini bermakna skor keseluruhan tahap pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab oleh kesemua 150 orang responden berada pada tahap yang tinggi.

4.1.2 Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa

Tahap pengecaman pelajar terhadap kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa dan hampir serupa yang dibina dalam instrumen ujian dapat dijelaskan seperti berikut:

Jadual 4.2 : Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa

Jenis Kata Pinjaman	N	Skor/ 100		Min	Sisihan Piawai
		Terendah	Tertinggi		
Serupa	150	63	100	90.17	7.584
Hampir Serupa	150	48	90	67.74	8.806

Jadual 4.2 di atas menunjukkan skor terendah yang dicapai oleh responden dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa ialah 63% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 100%. Sementara skor terendah yang dicapai oleh responden dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman hampir serupa pula ialah 48% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 90%. Skor purata min bagi tahap pengecaman melalui kata pinjaman serupa ialah 90.17 dengan sisihan piawai 7.584 dan skor purata min bagi tahap pengecaman melalui kata pinjaman hampir serupa ialah 67.74 dengan sisihan piawai 8.806. Dengan perbezaan min sebanyak 22.43, bermakna tahap pengecaman responden terhadap kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa lebih tinggi berbanding kata pinjaman hampir serupa.

4.1.3 Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa

Kekerapan kata pinjaman Arab berdasarkan pengecaman melalui kata pinjaman serupa dan hampir serupa yang dibina dalam instrumen ujian dapat dijelaskan seperti berikut:

Jadual 4.3: Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa

Jenis Kata Pinjaman	Bilangan Perkataan	Kekerapan/ Peratus			
		Terendah	%	Tertinggi	%
Serupa	19	Badan	39.60%	Takbir, Syukur, Solat	100%
Hampir Serupa	31	Menara	8.05%	Ihsan	100%

N = 150

Jadual 4.3 di atas menunjukkan bahawa bagi pengecaman melalui kata pinjaman serupa, perkataan ‘badan’ mempunyai peratus responden yang paling sedikit iaitu 39.60% dan perkataan ‘takbir’, ‘syukur’ dan ‘solat’ mempunyai peratus responden yang paling banyak iaitu 100%. Sementara bagi kata pinjaman hampir serupa, perkataan ‘menara’ mempunyai peratus responden yang paling sedikit iaitu 8.05% dan perkataan ‘ihsan’ mempunyai peratus responden yang paling banyak iaitu 100%. Jadual juga menunjukkan skor terendah bagi kata pinjaman serupa (badan) dan hampir serupa (menara) mempunyai perbezaan min yang tinggi iaitu 31.55%. Ini bermakna hampir kebanyakan responden tidak dapat mengenali perkataan ‘menara’ sebagai kata pinjaman Arab.

4.1.4 Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa

Jadual 4.4: Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa

Serupa	Min	Kekerapan	Hampir Serupa	Min	Kekerapan
Takbir	100.00	150	Ihsan	100.00	150
Syukur	100.00	150	Ibadat	99.33	149
Solat	100.00	150	Sabar	99.33	149
Zuhur	99.33	149	Doa	99.33	149
Ziarah	99.33	149	Rahmat	99.33	149
Iman	98.67	148	Sahabat	98.67	148
Musafir	98.67	148	Nikmat	98.00	147
Masjid	99.33	148	Maklumat	97.33	146
Insan	98.00	147	Alam	96.62	143
Akhir	96.67	145	Tahniah	95.33	143
Miskin	96.00	144	Sedekah	90.67	136
Mithali	94.67	142	Lazat	90.00	135
Jiran	92.67	139	Makhluk	86.58	129
Istiqamah	91.33	137	Hadirin	85.33	128
Masyhur	89.33	134	Khas	80.67	121
Sabtu	79.33	119	Waktu	80.67	121
Ukhuwwah	79.33	119	Rehat	80.67	121
Jadual	59.46	88	Mayat	78.00	117
Badan	39.60	59	Sahih	74.67	112
			Tamat	72.67	109
			Maruah	70.00	105
			Mati	54.67	82
			Arif	30.67	46
			Zahir	29.33	44
			Tekun	27.33	41
			Ke-kuat-an	18.67	28
			Musim	17.45	26
			Soal	14.77	22
			Bina	14.19	21
			Maaf	10.67	16
			Menara	8.05	12

Jadual 4.4 di atas menunjukkan bahawa bagi pengecaman melalui kata pinjaman serupa, perkataan ‘takbir’, ‘syukur’ dan ‘solat’ memperolehi min terbanyak iaitu 100% dengan kekerapan 150 orang responden. Namun bagi perkataan ‘jadual’ dan ‘badan’ kekerapan responden tidak mencapai 100 orang, di mana kekerapan bagi perkataan ‘jadual’ hanya 88 orang (59.46%) dan perkataan ‘badan’ hanya 59 orang (39.60%). Sementara bagi kata pinjaman hampir serupa, perkataan ‘ihsan’ memperolehi min terbanyak iaitu 100% dengan kekerapan 150 orang responden. Namun terdapat 10 kata pinjaman hampir serupa yang kekerapan responden di bawah 100 orang iaitu ‘mati’, ‘arif’, ‘zahir’, ‘tekun’, ‘-kuat-’, ‘musim’, ‘soal’, ‘bina’, ‘maaf’ dan ‘menara’, yang mana kekerapan bagi perkataan ‘mati’ ialah 82 orang (54.67%) dan perkataan ‘maaf’ hanya 16 orang (10.67%) serta perkataan ‘menara’ hanya 12 orang (8.05%). Ini bermakna, responden dapat mengecam kata pinjaman serupa dengan lebih baik berbanding kata pinjaman hampir serupa.

4.1.5 Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Tahap pengecaman pelajar terhadap kata pinjaman Arab melalui bahasa Melayu dan bahasa Arab yang dibina di dalam instrumen ujian dapat dijelaskan seperti berikut:

Jadual 4.5: Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Bahasa	N	Skor/100		Min	Sisihan Piawai
		Terendah	Tertinggi		
Bahasa Melayu	150	73	98	89.56	5.140
Bahasa Arab	150	71	97	85.62	4.236

Jadual 4.5 di atas menunjukkan bahawa skor terendah yang dicapai oleh responden dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui bahasa Melayu ialah 73% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 98%. Sementara skor terendah yang dicapai oleh responden dalam mengecam kata pinjaman melalui bahasa Arab pula ialah 71% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 97%. Skor purata min bagi tahap pengecaman melalui bahasa Melayu ialah 89.56 dengan sisihan piawai 5.140 dan skor purata min bagi tahap pengecaman melalui bahasa Arab ialah 85.62 dengan sisihan piawai 4.236. Jadual juga menunjukkan tahap pengecaman responden terhadap kata pinjaman Arab melalui bahasa Melayu hanya tinggi sedikit sahaja berbanding tahap pengecaman melalui bahasa Arab dengan perbezaan min sebanyak 3.94. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi tahap pengecaman kata pinjaman Arab sama ada melalui bahasa Melayu atau bahasa Arab.

4.1.6 Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Kekerapan kata pinjaman Arab berdasarkan pengecaman melalui bahasa Melayu dan bahasa Arab yang dibina di dalam instrumen ujian dapat dijelaskan seperti berikut:

Jadual 4.6: Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Bahasa	Bilangan Perkataan	Kekerapan/ Peratus			
		Terendah	%	Tertinggi	%
Bahasa Melayu	25	Menara	8.05%	Takbir, Syukur, Solat	100%
Bahasa Arab	25	Maaf	10.67%	Ihsan	100%

N = 150

Jadual 4.6 di atas menunjukkan bahawa bagi pengecaman melalui bahasa Melayu, perkataan ‘menara’ mempunyai peratus responden yang paling sedikit iaitu 8.05% dan perkataan ‘takbir’, ‘syukur’ dan ‘solat’ mempunyai peratus responden yang paling banyak iaitu 100%. Sementara bagi pengecaman melalui bahasa Arab, perkataan ‘maaf’ mempunyai peratus responden yang paling sedikit iaitu 10.67% dan perkataan ‘ihsan’ mempunyai peratus responden yang paling banyak iaitu 100%.

4.1.7 Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Jadual 4.7: Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Pengecaman Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Kata Pinjaman Berdasarkan BM	Min	Kekerapan	Kata Pinjaman Berdasarkan BA	Min	Kekerapan
Takbir	100.00	150	Ihsan	100.00	150
Syukur	100.00	150	Sabar	99.33	149
Solat	100.00	150	Doa	99.33	149
Ibadat	99.33	149	Rahmat	99.33	149
Zuhur	99.33	149	Ziarah	99.33	149
Iman	98.67	148	Sahabat	98.67	148
Musafir	98.67	148	Masjid	99.33	148
Insan	98.00	147	Nikmat	98.00	147
Miskin	96.00	144	Maklumat	97.33	146
Alam	96.62	143	Akhir	96.67	145
Mithali	94.67	142	Tahniah	95.33	143
Lazat	90.00	135	Jiran	92.67	139
Makhluk	86.58	129	Istiqamah	91.33	137
Hadirin	85.33	128	Sedekah	90.67	136
Waktu	80.67	121	Masyhur	89.33	134
Rehat	80.67	121	Khas	80.67	121
Sabtu	79.33	119	Ukhuwwah	79.33	119
Mayat	78.00	117	Sahih	74.67	112
Tamat	72.67	109	Mati	54.67	82
Maruah	70.00	105	Arif	30.67	46
Jadual	59.46	88	Zahir	29.33	44
Badan	39.60	59	Tekun	27.33	41
Musim	17.45	26	Ke-kuat-an	18.67	28
Bina	14.19	21	Soal	14.77	22
Menara	8.05	12	Maaf	10.67	16

Jadual 4.7 di atas menunjukkan bahawa bagi pengecaman melalui bahasa Melayu, perkataan ‘takbir’, ‘syukur’ dan ‘solat’ memperoleh min terbanyak iaitu 100% dengan kekerapan 150 orang responden. Namun bagi perkataan ‘jadual’, ‘badan’, ‘musim’, ‘bina’ dan ‘menara’ kekerapan responden tidak mencapai 100 orang, di mana kekerapan bagi perkataan ‘jadual’ ialah 88 orang (59.46%) dan perkataan ‘menara’ hanya 12 orang (8.05%). Sementara bagi pengecaman melalui bahasa Arab pula, perkataan ‘ihsan’

memperolehi min terbanyak iaitu 100% dengan kekerapan 150 orang responden. Namun bagi perkataan ‘mati’, ‘arif’, ‘zahir’, ‘tekun’, ‘kekuatan’, ‘soal’ dan ‘maaf’ kekerapan responden tidak mencapai 100 orang, yang mana kekerapan bagi perkataan ‘mati’ ialah 82 orang (54.67%) dan perkataan ‘maaf’ hanya 16 orang (10.67%). Ini bermakna, tidak terdapat perbezaan yang ketara dalam kalangan responden dalam mengecam kata pinjaman Arab sama ada melalui bahasa Melayu atau bahasa Arab.

4.1.8 Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Jadual 4.8: Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Jenis Kata Pinjaman	Bahasa	Bil. Perkataan	Kekerapan/ Peratus			
			Terendah	%	Tertinggi	%
Serupa	Bahasa Melayu	12	Badan	39.60%	Takbir, Syukur, Solat	100%
	Bahasa Arab	7	Ukhuwwah	79.33%	Ziarah	99.33%
Hampir Serupa	Bahasa Melayu	13	Menara	8.05%	Ibadat	99.33%
	Bahasa Arab	18	Maaf	10.67%	Ihsan	100%

N = 150

Jadual 4.8 di atas menunjukkan bahawa bagi pengecaman berdasarkan kata pinjaman serupa melalui bahasa Melayu, perkataan ‘badan’ mempunyai peratus responden yang paling sedikit iaitu 39.60% dan perkataan ‘takbir’, ‘syukur’ dan ‘solat’ mempunyai peratus responden yang paling banyak iaitu 100%. Sementara bagi kata pinjaman serupa melalui bahasa Arab, perkataan ‘ukhuwwah’ mempunyai peratus responden yang paling

sedikit iaitu 79.33% dan perkataan ‘ziarah’ mempunyai peratus responden yang paling banyak iaitu 99.33%. Sementara bagi pengecaman berdasarkan kata pinjaman hampir serupa melalui bahasa Melayu, perkataan ‘menara’ mempunyai peratus responden yang paling sedikit iaitu 8.05% dan perkataan ‘ibadat’ mempunyai peratus responden yang paling banyak iaitu 99.33%. Sementara bagi kata pinjaman hampir serupa melalui bahasa Arab, perkataan ‘maaf’ mempunyai peratus responden yang paling sedikit iaitu 10.67% dan perkataan ‘ihsan’ mempunyai peratus responden yang paling banyak iaitu 100%. Jadual juga menunjukkan hampir kebanyakan responden tidak dapat mengecam perkataan ‘menara’ dan ‘maaf’ yang mewakili kata pinjaman hampir serupa.

4.1.9 Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Jadual 4.9: Taburan Kekerapan Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Jenis Kata Pinjaman	Bahasa Melayu			Bahasa Arab		
	Perkataan	Min	Kekerapan	Perkataan	Min	Kekerapan
Serupa	Takbir	100.00	150	Ziarah	99.33	149
	Syukur	100.00	150	Masjid	98.67	148
	Solat	100.00	150	Akhir	96.67	145
	Zuhur	99.33	149	Jiran	92.67	139
	Iman	98.67	148	Istiqamah	91.33	137
	Musafir	98.67	148	Masyhur	89.33	134
	Insan	98.00	147	Ukhuwwah	79.33	119
	Miskin	96.00	144			
	Mithali	94.67	142			
	Sabtu	79.33	119			
	Jadual	59.46	88			
	Badan	39.60	59			
Hampir Serupa	Ibadat	99.33	149	Ihsan	100.00	150
	Alam	96.62	143	Sabar	99.33	149
	Lazat	90.00	135	Doa	99.33	149
	Makhluk	86.58	129	Rahmat	99.33	149
	Hadirin	85.33	128	Sahabat	98.67	148
	Waktu	80.67	121	Nikmat	98.00	147
	Rehat	80.67	121	Maklumat	97.33	146
	Mayat	78.00	117	Tahniah	95.33	143
	Tamat	72.67	109	Sedekah	90.67	136
	Maruah	70.00	105	Khas	80.67	121
	Musim	17.45	26	Sahih	74.67	112
	Bina	14.19	21	Mati	54.67	82
	Menara	8.05	12	Arif	30.67	46
				Zahir	29.33	44
				Tekun	27.33	41
				Ke-kuat-an	18.67	28
				Soal	14.77	22
				Maaf	10.67	16

Jadual 4.9 di atas menunjukkan bahawa bagi pengecaman kata pinjaman serupa melalui bahasa Melayu, perkataan ‘takbir’, ‘syukur’ dan ‘solat’ memperoleh min terbanyak iaitu 100% dengan kekerapan 150 orang responden. Namun bagi perkataan ‘jadual’, dan ‘badan’, kekerapan responden tidak mencapai 100 orang, di mana kekerapan bagi perkataan ‘jadual’ ialah 88 orang (59.46%) dan perkataan ‘badan’ ialah 59 orang (39.60%). Sementara bagi pengecaman kata pinjaman serupa melalui bahasa Arab pula, perkataan ‘ziarah’ memperoleh min terbanyak iaitu 99.33% dengan kekerapan 149 orang responden. Perkara yang menarik ialah kebanyakan responden dapat mengecam kata pinjaman serupa melalui bahasa Arab dengan lebih baik berbanding kategori lain dengan dapatan menunjukkan min terendah masih berada pada paras yang tinggi iaitu 79.33% (119 orang).

Bagi pengecaman kata pinjaman hampir serupa melalui bahasa Melayu, perkataan ‘ibadat’ memperoleh min terbanyak iaitu 99.33% dengan kekerapan 149 orang responden. Namun bagi perkataan ‘musim’, ‘bina’ dan ‘menara’, kekerapan responden tidak mencapai 50 orang, di mana kekerapan bagi perkataan ‘musim’ ialah 26 orang (17.45%), perkataan ‘bina’ 21 orang (14.19%) dan perkataan ‘menara’ hanya 12 orang (8.05%). Sementara bagi pengecaman kata pinjaman hampir serupa melalui bahasa Arab pula, perkataan ‘ihsan’ memperoleh min terbanyak iaitu 100% dengan kekerapan 150 orang responden. Namun bagi perkataan ‘arif’, ‘zahir’, ‘tekun’, ‘kekuatan’, ‘soal’ dan ‘maaf’, kekerapan responden tidak mencapai 50 orang, di mana kekerapan bagi perkataan ‘arif’ ialah 46 orang (30.67%), dan perkataan ‘maaf’ hanya 16 orang (10.67%).

4.2 Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Faktor Luaran (Kategori Sekolah, Jantina Dan Pengalaman Belajar Bahasa Arab)

Bagi menjelaskan perbezaan pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab, analisis dapatan dalam bahagian ini menghuraikan secara terperinci tahap pengetahuan sedia ada pelajar berdasarkan faktor luaran yang meliputi kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab. Tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab secara keseluruhan adalah berdasarkan skor ujian diagnostik yang mengandungi 50 item kata pinjaman Arab yang perlu dikenalpasti kesemuanya oleh pelajar semasa menjawab soalan.

4.2.1 Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Kategori Sekolah

a) Perbezaan Skor PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Kategori Sekolah

Jadual 4.10: Perbezaan Skor PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Kategori Sekolah

Kategori Sekolah	N	Skor/100		Min	Sisihan Piawai
		Terendah	Tertinggi		
SMKA (SMKA Yan)	50	79	93	86.33	3.548
KAA (SMK Jalan Tiga)	50	81	94	89.70	2.525
SABK (SAM U. Saadah)	50	77	97	86.53	4.030
JUMLAH	150	77	97	87.52	3.739

Jadual 4.10 di atas menunjukkan skor terendah yang dicapai dalam instrumen ujian dari segi kategori sekolah ialah 77% iaitu SAM Unwanus Saadah dan sekolah yang sama

juga mencapai skor tertinggi iaitu 97%. Skor min terendah pengetahuan sedia ada pula adalah 86.33 iaitu SMKA Yan dengan sisihan piawai 3.548, sementara skor min tertinggi dicapai oleh SMK Jalan Tiga iaitu 89.70 dengan sisihan piawai 2.525. Ini bermakna responden di SMK Jalan Tiga mempunyai tahap pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab yang lebih tinggi berbanding SAM Unwanus Saadah dan SMKA Yan.

b) Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Dari Segi Kategori Sekolah

Jadual 4.11: Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Dari Segi Kategori Sekolah

Kategori Sekolah	N	Kata Pinjaman Serupa		Kata Pinjaman Hampir Serupa	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
SMKA (SMKA Yan)	50	86.29	7.280	63.83	8.895
KAA (SMK Jalan Tiga)	50	94.32	5.808	72.80	6.673
SABK (SAM U. Saadah)	50	89.89	7.431	66.58	8.314
JUMLAH	150	90.17	7.584	67.74	8.806

Jadual 4.11 di atas menunjukkan min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa ialah 86.29 iaitu oleh SMKA Yan dengan sisihan piawai 7.280 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 94.32 iaitu oleh SMK Jalan Tiga dengan sisihan piawai 5.808. Sementara min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman hampir serupa pula ialah 63.83 iaitu oleh SMKA Yan dengan sisihan piawai 8.895 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 72.80 iaitu oleh SMK Jalan Tiga dengan sisihan piawai 6.673. Jadual juga menunjukkan bahawa responden di SMK Jalan Tiga paling tinggi dapat mengecam kata

pinjaman Arab dari segi serupa dan hampir serupa sementara responden di SMKA Yan paling rendah dapat mengecam kata pinjaman Arab dari kedua-dua segi.

c) Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab Dari Segi Kategori Sekolah

Jadual 4.12: Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab Dari Segi Kategori Sekolah

Kategori Sekolah	N	Bahasa Melayu		Bahasa Arab	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
SMKA (SMKA Yan)	50	86.97	4.635	85.74	4.670
KAA (SMK Jalan Tiga)	50	92.38	3.823	87.22	3.024
SABK (SAM U. Saadah)	50	89.34	5.410	83.91	4.246
JUMLAH	150	89.56	5.140	85.62	4.236

Jadual 4.12 di atas menunjukkan min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui bahasa Melayu ialah 86.97 iaitu oleh SMKA Yan dengan sisihan piawai 4.635 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 92.38 iaitu oleh SMK Jalan Tiga dengan sisihan piawai 3.823. Sementara min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui bahasa Arab pula ialah 83.91 iaitu oleh SAM Unwanus Saadah dengan sisihan piawai 4.246 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 87.22 iaitu oleh SMK Jalan Tiga dengan sisihan piawai 3.024. Jadual juga menunjukkan bahawa responden di SMK Jalan Tiga paling tinggi dapat mengecam kata pinjaman Arab melalui kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab.

4.2.2 Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Jantina

a) Perbezaan Skor PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Jantina

Jadual 4.13: Perbezaan Skor PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Jantina

Jantina	N	Skor/100		Min	Sisihan Piawai
		Terendah	Tertinggi		
Lelaki	47	77	92	86.75	3.675
Perempuan	103	77	97	87.87	3.733
JUMLAH	150	77	97	87.52	3.739

Jadual 4.13 di atas menunjukkan responden lelaki dan responden perempuan memperoleh skor terendah yang sama dalam ujian diagnostik iaitu 77%. Namun bagi skor tertinggi, diperolehi oleh responden perempuan iaitu 97%. Skor min terendah pula diperolehi oleh responden lelaki iaitu 86.75 dengan sisihan piawai 3.675, sementara skor min tertinggi dicapai oleh responden perempuan iaitu 87.87 dengan sisihan piawai 3.733. Dengan perbezaan min sebanyak 1.12 bermakna responden perempuan mempunyai tahap pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab yang tinggi sedikit berbanding responden lelaki.

b) Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Dari Segi Jantina

Jadual 4.14: Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Dari Segi Jantina

Jantina	N	Kata Pinjaman	Kata Pinjaman
---------	---	---------------	---------------

		Serupa		Hampir Serupa	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	47	87.89	8.563	66.50	7.597
Perempuan	103	91.21	6.891	68.30	9.286
JUMLAH	150	90.17	7.584	67.74	8.806

Jadual 4.14 di atas menunjukkan min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa ialah 87.89 iaitu oleh responden lelaki dengan sisihan piawai 8.563 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 91.21 iaitu oleh responden perempuan dengan sisihan piawai 6.891. Sementara min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman hampir serupa pula ialah 66.50 iaitu oleh responden lelaki dengan sisihan piawai 7.597 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 68.30 iaitu oleh responden perempuan dengan sisihan piawai 9.286. Jadual juga menunjukkan bahawa responden perempuan paling tinggi dapat mengecam kata pinjaman Arab dari segi serupa dan hampir serupa berbanding responden lelaki.

c) Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab Dari Segi Jantina

Jadual 4.15: Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab Dari Segi Jantina

		Bahasa Melayu		Bahasa Arab	
Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	47	89.03	5.042	84.64	4.479
Perempuan	103	89.81	5.191	86.07	4.065

JUMLAH	150	89.56	5.140	85.62	4.236
--------	-----	-------	-------	-------	-------

Jadual 4.15 di atas menunjukkan min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui bahasa Melayu ialah 89.03 iaitu oleh responden lelaki dengan sisihan piawai 5.042 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 89.81 iaitu oleh responden perempuan dengan sisihan piawai 5.191. Sementara min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui bahasa Arab pula ialah 84.64 iaitu oleh responden lelaki dengan sisihan piawai 4.479 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 86.07 iaitu oleh responden perempuan dengan sisihan piawai 4.065. Jadual juga menunjukkan bahawa responden perempuan lebih tinggi dapat mengecam kata pinjaman Arab melalui bahasa Melayu dan bahasa Arab berbanding responden lelaki, namun perbezaan pengecaman antara kedua-dua jantina tidaklah begitu banyak.

4.2.3 Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab

a) Perbezaan Skor PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab

Jadual 4.16: Perbezaan Skor PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab

Pengalaman Belajar Bahasa Arab	N	Skor/100		Min	Sisihan Piawai
		Terendah	Tertinggi		
Pra-sekolah/ Tadika	44	80	97	88.33	3.584
Sekolah Rendah	81	77	94	87.09	3.926
Sekolah Menengah	25	81	93	87.49	3.248
JUMLAH	150	77	97	87.52	3.739

Jadual 4.16 di atas menunjukkan skor terendah yang dicapai dalam instrumen ujian dari segi pengalaman belajar bahasa Arab ialah 77% iaitu oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab di sekolah rendah dan skor tertinggi yang dicapai ialah 97% iaitu oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab seawal pra-sekolah/tadika. Skor min terendah pula adalah 87.09 iaitu oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar di sekolah rendah dengan sisihan piawai 3.926, sementara skor min tertinggi dicapai oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar di pra-sekolah/tadika iaitu 88.33 dengan sisihan piawai 3.584. Ini bermakna responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab seawal pra-sekolah/tadika mencapai tahap pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab yang lebih tinggi berbanding responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab bermula di sekolah rendah atau bermula di sekolah menengah.

b) Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab

Jadual 4.17: Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab

Pengalaman Belajar Bahasa Arab	N	Kata Pinjaman Serupa		Kata Pinjaman Hampir Serupa	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
Pra-sekolah/ Tadika	44	91.75	7.391	71.24	7.785
Sekolah Rendah	81	90.25	7.260	66.22	8.838
Sekolah Menengah	25	87.11	8.321	66.48	8.982
JUMLAH	150	90.17	7.584	67.74	8.806

Jadual 4.17 di atas menunjukkan min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa ialah 87.11 iaitu oleh responden yang

mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab di sekolah menengah dengan sisihan piawai 8.321 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 91.75 iaitu oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab seawal pra-sekolah/tadika dengan sisihan piawai 7.391. Sementara min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman hampir serupa pula ialah 66.22 iaitu oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab di sekolah rendah dengan sisihan piawai 8.838 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 71.24 iaitu oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab seawal pra-sekolah/tadika dengan sisihan piawai 7.785. Jadual juga menunjukkan bahawa responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab seawal pra-sekolah/tadika paling tinggi dapat mengecam kata pinjaman Arab dari segi serupa dan hampir serupa berbanding responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab bermula di sekolah rendah atau bermula di sekolah menengah.

c) Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab

Jadual 4.18: Perbezaan Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab

Pengalaman Belajar Bahasa Arab	N	Bahasa Melayu		Bahasa Arab	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
Pra-sekolah/ Tadika	44	91.05	4.105	85.80	4.726
Sekolah Rendah	81	89.18	5.611	85.15	4.070
Sekolah Menengah	25	88.19	4.732	86.84	3.717
JUMLAH	150	89.56	5.140	85.62	4.236

Jadual 4.18 di atas menunjukkan min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui bahasa Melayu ialah 88.19 iaitu oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab di sekolah menengah dengan sisihan piawai 4.732 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 91.05 iaitu oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab seawal pra-sekolah/tadika dengan sisihan piawai 4.105. Sementara min terendah yang dicapai dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui bahasa Arab pula ialah 85.15 iaitu oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab di sekolah rendah dengan sisihan piawai 4.070 dan min tertinggi yang dicapai pula ialah 86.84 iaitu oleh responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab di sekolah menengah dengan sisihan piawai 3.717. Jadual juga menunjukkan bahawa walaupun responden mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab yang berbeza-beza, namun tidak terdapat perbezaan yang ketara dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab.

4.3 Pengaruh Faktor Luaran (Kategori Sekolah, Jantina Dan Pengalaman Belajar Bahasa Arab) Terhadap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab

Bagi melihat pengaruh faktor luaran yang terdiri daripada kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab terhadap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab, analisa perbandingan telah dilakukan. Bagi tujuan ini, ujian ANOVA dan ujian-t telah digunakan.

4.3.1 Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Kategori Sekolah

Jadual 4.19: Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Kategori Sekolah

Kategori Sekolah	N	Skor	ANOVA	Tahap Signifikan (p)
SMKA (SMKA Yan)	50	86.33	15.233	p<0.05
KAA (SMK Jalan Tiga)	50	89.70		
SABK (SAM U. Saadah)	50	86.53		

Jadual 4.19 menunjukkan hasil ujian ANOVA bagi perbandingan skor ujian diagnostik dengan kategori sekolah. Dapatan ujian *post-hoc* menunjukkan bahawa perbezaan signifikan hanya berlaku antara SMK Jalan Tiga dengan kedua-dua sekolah yang lain, sementara skor SMKA Yan dan SAM Unwanus Saadah tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kategori sekolah KAA mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab.

4.3.2 Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Jantina

Jadual 4.20: Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Jantina

Jantina	N	Skor	Ujian-t	Tahap Signifikan (p)
Lelaki	47	86.75	-1.703	0.091
Perempuan	103	87.87		

Jadual 4.20 menunjukkan hasil ujian-t bagi perbandingan skor ujian diagnostik dengan jantina. Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan, dengan nilai p yang diperoleh ialah 0.091. Nilai p yang lebih besar daripada 0.05 jelas menunjukkan bahawa pelajar sama ada lelaki atau perempuan mempunyai tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab yang hampir seimbang. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa jantina pelajar tidak mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab.

4.3.3 Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Pengalaman Belajar Bahasa Arab

Jadual 4.21: Perbandingan Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Pengalaman Belajar Bahasa Arab

Pengalaman Belajar Bahasa Arab	N	Skor	ANOVA	Tahap Signifikan (p)
Pra-sekolah/ Tadika	44	88.33	1.583	0.209
Sekolah Rendah	81	87.09		
Sekolah Menengah	25	87.49		

Jadual 4.21 menunjukkan hasil analisis ANOVA bagi perbandingan skor ujian diagnostik dengan pengalaman belajar bahasa Arab. Analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga jenis pengalaman belajar bahasa Arab, dengan nilai p yang diperoleh ialah 0.209. Nilai p yang lebih besar daripada 0.05 jelas menunjukkan bahawa pelajar sama ada mempunyai pengalaman belajar di pra-sekolah/tadika, di sekolah rendah atau di sekolah menengah mempunyai tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab yang hampir sama. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa pengalaman belajar bahasa Arab tidak mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab.

4.4 Sikap Pelajar (Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan)

Sikap pelajar dalam kajian ini dapat dilihat melalui beberapa konstruk yang meliputi konstruk kesedaran, konstruk motivasi dan konstruk kebimbangan. Analisis dapatan terlebih dahulu dijelaskan secara keseluruhan, diikuti dengan analisis secara terperinci berdasarkan indeks setiap konstruk bagi menjelaskan pengaruh pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab terhadap sikap pelajar.

4.4.1 Skor Keseluruhan Sikap Pelajar

Jadual 4.22: Skor Keseluruhan Sikap Pelajar

Konstruk Sikap	Nilai		Min	Sisihan Piawai
	Terendah	Tertinggi		
Kesedaran	1	4	3.146	0.3556
Motivasi	1	4	2.997	0.3957
Kebimbangan	1	4	2.181	0.4388

Jadual 4.22 di atas menunjukkan skor keseluruhan sikap pelajar. Dapatan kajian menunjukkan konstruk kesedaran memperoleh min yang tertinggi iaitu 3.146 dengan sisihan piawai 0.3556, diikuti dengan konstruk motivasi iaitu 2.997 dengan sisihan piawai 0.3957, sementara konstruk kebimbangan memperoleh min terendah iaitu 2.181 dengan sisihan piawai 0.4388. Ini bermakna pelajar-pelajar mempunyai nilai kesedaran dan nilai motivasi yang tinggi, dan sebaliknya pula mempunyai nilai kebimbangan yang agak rendah. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa hubungkait antara ketiga-tiga konstruk sikap adalah positif dan pengaruh pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab terhadap ketiga-tiga konstruk sikap juga positif.

4.4.2 Sikap Pelajar Berdasarkan Indeks

Dapatan kajian mengenai sikap pelajar berdasarkan indeks dapat diuraikan seperti berikut:

a) Kesedaran Pelajar

Tahap kesedaran pelajar dalam kajian ini diukur menggunakan 18 item soalan yang berkaitan dengan kesedaran tentang kata pinjaman Arab. Dapatan tentang tahap kesedaran pelajar ini dapat dijelaskan seperti jadual berikut:

Jadual 4.23: Taburan Item Kesedaran Pelajar Terhadap Kata Pinjaman

No.	Item Kesedaran	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
Ba1	Sedar ada kata pinjaman dalam BM	0 (0.00)	7 (4.67)	65 (43.33)	78 (52.00)	3.47	0.587
Ba2	Sedar kata pinjaman tambah perbendaharaan kata Arab	1 (0.67)	3 (2.00)	93 (62.00)	53 (35.33)	3.32	0.547
Ba3	Sedar wujud kata pinjaman melalui penjelasan guru	1 (0.67)	7 (4.67)	88 (58.67)	54 (36.00)	3.30	0.588
Ba4	Kenal kata pinjaman selepas pendedahan	0 (0.00)	10 (6.67)	82 (54.67)	58 (38.67)	3.32	0.594
Ba5	Kenal kata pinjaman secara sendiri	1 (0.67)	41 (27.33)	79 (52.67)	29 (19.33)	2.91	0.698
Ba6	Kenalpasti kata pinjaman dalam teks BM	3 (2.00)	31 (20.67)	95 (63.33)	21 (14.00)	2.89	0.647
Ba7	Kenalpasti kata pinjaman dalam teks BA	3 (2.00)	25 (16.67)	93 (62.00)	29 (19.33)	2.99	0.665
Ba8	Perkataan BA dan BM yang sama makna mudahkan fahami teks Arab	2 (1.33)	9 (6.00)	74 (49.33)	65 (43.33)	3.35	0.655
Ba9	Sebelum belajar BA, tidak sedar ada perkataan Melayu berasal daripada BA	9 (6.00)	45 (30.00)	69 (46.00)	27 (18.00)	2.76	0.817

Ba10	Banyak perkataan BA dan BM yang sama makna dalam buku teks Arab	4 (2.67)	23 (15.33)	94 (62.67)	29 (19.33)	2.99	0.675
Ba11	Banyak perkataan BM dan BA yang sama makna dalam majalah BM	4 (2.67)	36 (24.00)	82 (54.67)	28 (18.67)	2.89	0.725
Ba12	Banyak perkataan BM dan BA yang sama makna dalam percakapan harian	4 (2.67)	32 (21.33)	74 (49.33)	40 (26.67)	3.00	0.769
Ba13	Perkataan BA dan BM yang sama makna jadikan BA senang diingati	3 (2.00)	5 (3.33)	59 (39.33)	83 (55.33)	3.48	0.663
Ba14	Perkataan BA dan BM yang sama makna jadikan BA menarik	3 (2.00)	14 (9.33)	81 (54.00)	52 (34.67)	3.21	0.691
No.	Item Kesedaran	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
Ba15	Kata pinjaman bantu buat karangan	3 (2.00)	14 (9.33)	68 (45.33)	65 (43.33)	3.30	0.721
Ba16	Kata pinjaman bantu terjemahan	2 (1.33)	11 (7.33)	83 (55.33)	54 (36.00)	3.26	0.650
Ba17	Faham walaupun guru tidak terjemah	14 (9.33)	59 (39.33)	57 (38.00)	20 (13.33)	2.55	0.840
Ba18	Sedar kata pinjaman Arab berkaitan Islam	1 (0.67)	2 (1.33)	47 (31.33)	100 (66.67)	3.64	0.547
Purata Min						3.14	0.355

Jadual 4.23 di atas menunjukkan item Ba18 (Saya sedar banyak pinjaman Arab berkaitan Islam) memperoleh min tertinggi iaitu 3.64, dengan 100 orang (66.67%) menyatakan sangat setuju dan 47 orang (31.33%) setuju bahawa mereka menyedari banyak kata pinjaman Arab berkaitan agama Islam, berbanding hanya dua orang (1.33%) menyatakan mereka tidak setuju dan seorang (0.67%) sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Bagi item Ba13 (Perkataan Arab yang sama makna dan bunyi dengan bahasa Melayu menjadikan perkataan Arab itu senang diingati), jadual menunjukkan bahawa 83 orang

(55.33%) menyatakan sangat setuju dan 59 orang (39.33%) setuju dengan pernyataan tersebut, sebaliknya pelajar yang tidak setuju hanya lima orang (3.33%) dan sangat tidak setuju tiga orang (2%). Min yang diperolehi juga tinggi iaitu 3.48.

Bagi item Ba1 (Saya sedar terdapat pinjaman Arab dalam bahasa Melayu) min yang diperolehi turut tinggi iaitu 3.47, dengan 78 orang (52%) menyatakan mereka sangat setuju dan 65 orang (43.33%) setuju bahawa mereka menyedari kewujudan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Sementara tujuh orang (4.67%) menyatakan mereka tidak setuju dan tiada seorang pun pelajar menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Kata pinjaman Arab dilihat dapat membantu pelajar dalam beberapa aspek seperti memudahkan mereka memahami teks Arab dengan lebih baik, membantu mereka membuat karangan Arab dan membantu mereka dalam menterjemah teks Arab, di mana aspek-aspek ini mencatat min yang tinggi iaitu 3.35, 3.30 dan 3.26. Ini dapat dilihat menerusi item Ba8 (Perkataan Arab yang sama makna dan bunyi dengan perkataan Melayu memudahkan saya memahami teks Arab) dengan 65 orang (43.33%) menyatakan sangat setuju dan 74 orang (49.33%) bersetuju, item Ba15 (Saya sedar kata pinjaman Arab dapat membantu saya membuat karangan Arab) dengan 65 orang (43.33%) menyatakan sangat setuju dan 68 orang (45.33%) bersetuju serta item Ba16 (Saya sedar kata kata pinjaman Arab dapat membantu saya menterjemah teks Arab dengan lebih mudah) dengan 54 orang (36%) menyatakan sangat setuju dan 83 orang (55.33%) bersetuju.

Jadual juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar berpendapat bahawa mereka menyedari dan dapat mengenalpasti kata pinjaman Arab selepas guru memberi pendedahan dan penjelasan mengenainya semasa mengajar di dalam kelas. Ini dapat

dilihat menerusi item Ba4 (Saya boleh mengenalpasti kata pinjaman Arab selepas guru memberi pendedahan mengenainya semasa mengajar) yang mencatat min sebanyak 3.32 dengan 58 orang (38.67%) sangat setuju dan 82 orang (54.67%) setuju, serta boleh dilihat juga menerusi item Ba3 (Saya sedar kewujudan kata pinjaman Arab melalui penjelasan guru dalam kelas) yang mencatat min yang hampir sama iaitu 3.30 dengan 54 orang (36%) sangat setuju dan 88 orang (58.67%) setuju. Min bagi kedua-dua item ini agak berbeza dengan min bagi item Ba5 (Saya juga boleh mengenalpasti kata pinjaman Arab secara sendiri) yang mana min yang dicatat adalah lebih rendah iaitu 2.91, dengan pelajar yang sangat setuju hanya 29 orang (19.33%) dan setuju 79 orang (52.67%). Sebaliknya pelajar yang tidak setuju bagi item Ba5 (...boleh mengenalpasti kata pinjaman Arab secara sendiri) lebih tinggi iaitu 41 orang (27.33%) berbanding pelajar yang tidak setuju bagi item Ba4 (Saya boleh mengenalpasti kata pinjaman Arab selepas guru memberi pendedahan mengenainya semasa mengajar) iaitu 10 orang (6.67%) dan Ba3 (Saya sedar kewujudan kata pinjaman Arab melalui penjelasan guru dalam kelas) iaitu 7 orang (4.67%). Ini bermakna lebih ramai pelajar bersetuju bahawa mereka dapat mengenalpasti kata pinjaman Arab selepas diberi pendedahan dan penjelasan oleh guru, berbanding kebolehan mengenalpasti kata pinjaman Arab secara sendiri.

Antara item lain dalam jadual di atas yang mencatat min melebihi 3.00 ialah item Ba2 (Saya sedar kata pinjaman Arab dapat menambah perbendaharaan kata Arab) dengan min 3.32 yang mana 53 orang (35.33%) sangat setuju dan 93 orang (62%) setuju, item Ba14 (Perkataan Arab yang sama makna dan bunyi dengan bahasa Melayu menjadikan bahasa Arab menarik) dengan min 3.21 yang mana 52 orang (34.67%) sangat setuju dan 81 orang (54%) setuju dan item Ba12 (Terdapat banyak perkataan Melayu yang sama makna dan bunyi dengan bahasa Arab dalam percakapan harian saya) dengan min 3.00 yang mana 40 orang (26.67%) sangat setuju dan 74 orang (49.33%) setuju.

b) Motivasi Pelajar

Tahap motivasi pelajar diukur menggunakan 19 item soalan yang berkaitan dengan motivasi dalam menguasai perbendaharaan kata Arab dan dalam mempelajari bahasa Arab. Dapatan tentang tahap motivasi pelajar ini dijelaskan seperti jadual berikut:

Jadual 4.24: Taburan Item Motivasi Pelajar

No.	Item Motivasi	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
Bb1	Bersungguh-sungguh walaupun susah dapatkan perkataan Arab	3 (2.00%)	29 (19.33%)	79 (52.67%)	39 (26.00%)	3.03	0.732
Bb2	Lebih tekun sekiranya tidak capai hasil yang diingini	2 (1.33%)	6 (4.00%)	84 (56.00%)	58 (38.67%)	3.32	0.617
Bb3	Bersedia dapatkan banyak perkataan Arab	2 (1.33%)	19 (12.67%)	94 (62.67%)	35 (23.33%)	3.08	0.640
Bb4	Kekurangan perkataan Arab, itu salah sendiri	3 (2.00%)	14 (9.33%)	77 (51.33%)	56 (37.33%)	3.24	0.702
Bb5	Masa lapang ingati perkataan Arab	14 (9.33%)	73 (48.67%)	57 (38.00%)	6 (4.00%)	2.37	0.709
Bb6	Berbincang dengan rakan tentang perkataan Arab	11 (7.33%)	51 (34.00%)	70 (46.67%)	18 (12.00%)	2.63	0.789
Bb7	Bertanyakan guru perkataan Arab	4 (2.67%)	29 (19.33%)	84 (56.00%)	33 (22.00%)	2.97	0.723
Bb8	Bertanyakan guru walaupun di luar kelas	6 (4.00%)	60 (40.00%)	64 (42.67%)	20 (13.33%)	2.65	0.760
Bb9	Mengingati perkataan Arab pelbagai cara	4 (2.67%)	25 (16.67%)	82 (54.67%)	39 (26.00%)	3.04	0.732
Bb10	Teruja tambah perbendaharaan Arab selepas tahu kata pinjaman Arab	3 (2.00%)	32 (21.33%)	81 (54.00%)	34 (22.67%)	2.97	0.723
Bb11	Guna buku teks Arab dapatkan perkataan Arab	4 (2.67%)	31 (20.67%)	84 (56.00%)	31 (20.67%)	2.95	0.722
Bb12	Rujuk kamus cari	7	10	55	78	3.36	0.805

	makna Arab	(4.67%)	(6.67%)	(36.67%)	(52.00%)		
Bb13	Kuasai BA lebih baik jika mempunyai banyak perkataan Arab	1 (0.67%)	7 (4.67%)	77 (51.33%)	65 (43.33%)	3.37	0.608
Bb14	Capai keputusan BA baik walaupun kurang perkataan Arab	18 (12.00%)	68 (45.33%)	51 (34.00%)	13 (8.67%)	2.39	0.810
No.	Item Motivasi	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
Bb15	Boleh buat karangan Arab baik walaupun kurang perkataan Arab	19 (12.67%)	67 (44.67%)	54 (36.00%)	10 (6.67%)	2.37	0.789
Bb16	Hafal perkataan Arab buang masa	68 (45.33%)	63 (42.00%)	15 (10.00%)	4 (2.67%)	1.70	0.758
Bb17	Kurang perkataan Arab, putus asa	51 (34.00%)	63 (42.00%)	25 (16.67%)	11 (7.33%)	1.97	0.897
Bb18	Belajar BA penting bagi mendalami Islam	1 (0.67%)	4 (2.67%)	40 (26.67%)	105 (70.00%)	3.66	0.566
Bb19	Sedia belajar BA ke peringkat tinggi	5 (3.33%)	25 (16.67%)	54 (36.00%)	66 (44.00%)	3.21	0.838
Purata Min						2.99	0.395

Jadual 4.24 di atas menunjukkan item Bb18 (Mempelajari bahasa Arab penting bagi mendalami Islam) memperoleh min tertinggi iaitu 3.66, dengan 105 orang (70%) menyatakan mereka sangat setuju dan 40 orang (26.67%) setuju bahawa mempelajari bahasa Arab penting bagi mendalami agama Islam.

Bagi item Bb13 (Saya menguasai bahasa Arab lebih baik jika mempunyai banyak perkataan Arab), jadual menunjukkan bahawa 65 orang (43.33%) menyatakan sangat setuju dan 77 orang (51.33%) setuju dengan pernyataan tersebut, sebaliknya pelajar yang tidak setuju tujuh orang (4.67%) dan sangat tidak setuju hanya seorang (0.67%). Min yang diperolehi juga tinggi iaitu 3.37.

Bagi item Bb12 (Saya merujuk kamus untuk mencari makna perkataan Arab yang saya tidak tahu), jadual menunjukkan bahawa 78 orang (52%) menyatakan sangat setuju dan 55 orang (36.67%) setuju dengan pernyataan tersebut, sebaliknya pelajar yang tidak setuju sepuluh orang (6.67%) dan sangat tidak setuju tujuh orang (4.67%). Min yang diperolehi juga tinggi iaitu 3.36.

Jadual turut memperlihatkan bahawa pelajar berusaha lebih tekun jika tidak mencapai hasil yang dingini. Ini dapat dilihat melalui item Bb2 (Saya berusaha lebih tekun sekiranya tidak mencapai hasil yang diingini) dengan 58 orang (38.67%) menyatakan sangat setuju dan 84 orang (56%) bersetuju. Min yang dicatatkan adalah tinggi iaitu 3.32. Min tersebut bersesuaian dengan min bagi item Bb19 (Saya bersedia mempelajari bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi) iaitu 3.21 dengan 66 orang (44%) menyatakan sangat setuju dan 54 orang (36%) bersetuju bahawa mereka bersedia mempelajari bahasa Arab ke peringkat yang tinggi. Ini bermakna terdapat hubungan antara ketekunan pelajar dengan kesediaan untuk ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi seorang pelajar yang bermotivasi, mereka berani mengakui kesilapan sendiri. Ini dapat dilihat menerusi item Bb4 (Apabila saya kekurangan perkataan Arab, saya fikir itu salah sendiri) dengan 56 orang (37.33%) menyatakan sangat setuju dan 77 orang (51.33%) bersetuju. Min yang dicatatkan adalah tinggi iaitu 3.24.

Jadual juga memaparkan antara item lain yang mencatat min melebihi 3.00 ialah item Bb3 (Saya bersedia mendapatkan perkataan Arab sebanyak mungkin) dengan min 3.08 yang mana 35 orang (23.33%) sangat setuju dan 94 orang (62.67%) setuju, item Bb9 (Saya berusaha mengingati perkataan Arab dengan pelbagai cara) dengan min 3.04 yang mana 39 orang (26%) sangat setuju dan 82 orang (54.67%) setuju serta item Bb1 (Saya belajar bersungguh-sungguh tidak kira betapa susahnya mendapatkan perkataan Arab)

dengan min 3.03 yang mana 39 orang (26%) sangat setuju dan 79 orang (52.67%) setuju.

c) **Kebimbangan Pelajar**

Tahap keseimbangan pelajar dalam kajian ini diukur menggunakan 11 item soalan yang berkaitan dengan keseimbangan dalam menguasai perbendaharaan kata Arab. Dapatan tentang tahap keseimbangan pelajar ini dapat dijelaskan seperti jadual berikut:

Jadual 4.25: Taburan Item Kebimbangan Pelajar

No.	Item Kebimbangan	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
Bc1	Yakin diberi teknik perolehi perkataan Arab	2 (1.33%)	5 (3.33%)	79 (52.67%)	64 (42.67%)	3.37	0.618
Bc2	Yakin tambah perkataan Arab selepas didedahkan kata pinjaman	2 (1.33%)	10 (6.67%)	96 (64.00%)	42 (28.00%)	3.19	0.606
Bc3	Yakin banyak perkataan Arab, boleh buat karangan	1 (0.67%)	3 (2.00%)	64 (42.67%)	82 (54.67%)	3.51	0.576
Bc4	Yakin mengingat kata BA dan BM yang sama makna adalah kreatif	2 (1.33%)	12 (8.00%)	85 (56.67%)	51 (34.00%)	3.23	0.649
Bc5	Bimbang kerana sukar ingati perkataan Arab	8 (5.33%)	32 (21.33%)	60 (40.00%)	50 (33.33%)	3.01	0.875
Bc6	Rasa guru anggap lemah dalam BA	33 (22.00%)	55 (36.67%)	46 (30.67%)	16 (10.67%)	2.30	0.932
Bc7	Tidak faham baca teks Arab	39 (26.00%)	69 (46.00%)	28 (18.67%)	14 (9.33%)	2.11	0.901
Bc8	Kurang perkataan Arab, tertekan pelajari BA	12 (8.00%)	47 (31.33%)	60 (40.00%)	31 (20.67%)	2.73	0.880
Bc9	Bimbang tidak dapat membuat karangan Arab	4 (2.67%)	17 (11.33%)	93 (62.00%)	36 (24.00%)	3.07	0.677
Bc10	Rasa salah pilih ambil BA	72 (48.00%)	45 (30.00%)	26 (17.33%)	7 (4.67%)	1.79	0.894
Bc11	Tertekan tidak	21	80	37	12	2.27	0.800

faham guru guna BA semasa mengajar	(14.00%)	(53.33%)	(24.67%)	(8.00%)
Purata Min				2.81 0.438

Jadual 4.25 di atas menunjukkan item Bc3 (Saya yakin sekiranya mempunyai banyak perkataan Arab, saya boleh membuat karangan Arab dengan baik) memperoleh min tertinggi iaitu 3.51, dengan 82 orang (54.67%) menyatakan sangat setuju dan 64 orang (42.67%) setuju bahawa mempunyai banyak perbendaharaan Arab mereka tidak bimbang untuk membuat karangan Arab dengan baik, berbanding hanya dua orang (2%) menyatakan mereka tidak setuju dan seorang (0.67%) sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Item Bc9 (Saya bimbang tidak dapat membuat karangan Arab dengan baik kerana kekurangan perkataan Arab) mencatat min 3.07. Min bagi item Bc9 relevan dengan min bagi item Bc3 kerana min Bc9 (M=3.07) yang lebih rendah berbanding min Bc3 (M=3.51) menunjukkan tahap kebimbangan responden dalam membuat karangan Arab lebih rendah dan tahap keyakinan adalah tinggi.

Bagi item Bc1 (Saya yakin akan diberi teknik memperoleh perkataan Arab), jadual menunjukkan bahawa 64 orang (42.67%) menyatakan sangat setuju dan 79 orang (52.67%) setuju dengan pernyataan tersebut, sebaliknya pelajar yang tidak setuju lima orang (3.33%) dan sangat tidak setuju dua orang (1.33%). Min yang diperolehi juga tinggi iaitu 3.37.

Antara item lain yang mencatat min yang agak tinggi bagi tahap keyakinan ialah item Bc4 (Saya yakin mengingat perkataan Arab yang sama makna dan bunyi dengan bahasa Melayu adalah kreatif) dengan catatan min 3.23 yang mana 51 orang (34%) sangat setuju, 85 orang (56.67%) setuju, 12 orang (8%) tidak setuju dan dua orang

(1.33%) sangat tidak setuju, serta item Bc2 (Saya lebih yakin untuk menambah perkataan Arab selepas diberi pendedahan tentang kata pinjaman Arab) dengan min 3.19 yang mana 42 orang (28%) sangat setuju dan 96 orang (64%) setuju, 10 orang (6.67%) tidak setuju dan dua orang (1.33%) sangat tidak setuju.

Jadual juga memaparkan item yang mencatat tahap kebimbangan terendah ialah item Bc10 (Saya rasa telah salah pilih mengambil bahasa Arab) dengan catatan min 1.79 yang mana tujuh orang (28%) sahaja yang sangat setuju dan 26 orang (17.33%) setuju, sebaliknya 45 orang (30%) tidak setuju dan 72 orang (48%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tidak bimbang dalam memilih mata pelajaran bahasa Arab.

4.5 Pengaruh PSA Tentang Kata Pinjaman Arab Terhadap Sikap Pelajar (Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan)

Bagi melihat pengaruh pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab terhadap sikap pelajar, ujian kolerasi dibuat antara skor keseluruhan ujian diagnostik dengan min bagi setiap konstruk sikap. Bagi tujuan ini, ujian kolerasi Pearson R digunakan.


4.5.1 Korelasi Antara Skor Ujian Diagnostik PSA Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Sikap Pelajar – Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan

Jadual 4.26: Korelasi Antara Skor Ujian Diagnostik PSA Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Sikap Pelajar – Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan

Konstruk Sikap	Min	Korelasi Pearson R (Tahap signifikan - p)
Kesedaran	3.146	0.239 (0.003)
Motivasi	2.997	0.015 (0.855)

Kebimbangan	2.181	-0.301 (0.000)
-------------	-------	----------------

Rajah 4.1: Korelasi Antara Skor Ujian Diagnostik PSA Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Sikap Pelajar – Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan



Jadual 4.26 dan Rajah 4.1 di atas menunjukkan hasil ujian kolerasi Pearson R ke atas pembolehubah-pembolehubah sikap pelajar (kesedaran, motivasi dan kebimbangan). Hasil ujian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian diagnostik dengan dua konstruk sikap iaitu kesedaran dan kebimbangan, dengan nilai korelasi masing-masing 0.239 dan -0.301 dan tahap signifikan masing-masing 0.003 ($p < 0.05$) dan 0.000 ($p < 0.05$). Sementara bagi konstruk motivasi, hasil ujian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konstruk tersebut dengan skor ujian diagnostik, dengan nilai kolerasi 0.015 dan tahap signifikan 0.855. Hasil ujian juga menunjukkan bahawa lebih tinggi skor ujian diagnostik, lebih tinggi nilai kesedaran pelajar. Sebaliknya bagi konstruk kebimbangan, lebih tinggi skor ujian diagnostik lebih rendah nilai kebimbangan. Sementara bagi konstruk motivasi, walaupun nilainya agak tinggi namun ia tidak mempunyai kolerasi dengan skor ujian diagnostik.

4.6 Hubungan Antara PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Pencapaian Bahasa Arab PMR

Bagi melihat hubungan antara pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Arab PMR, analisis perbezaan dan kolerasi telah dilaksanakan dengan menggunakan ujian-t dan Spearman-rho.

4.6.1 Perbezaan Skor Ujian Diagnostik Antara Pencapaian Bahasa Arab Baik Dan Pencapaian Bahasa Arab Lemah

Jadual 4.27: Perbezaan Skor Ujian Diagnostik Antara Pencapaian Bahasa Arab Baik Dan Pencapaian Bahasa Arab Lemah

Pencapaian Bahasa Arab PMR (Gred)	N	Skor	Ujian-t	Tahap Signifikan (p)
Baik (A dan B)	109	88.34	5.137	p<0.05
Lemah (C dan D)	41	85.35		

Jadual 4.27 di atas menunjukkan bahawa pelajar yang memperolehi pencapaian baik (gred A dan B) memperolehi min yang lebih tinggi dalam ujian diagnostik yang dijalankan terhadap mereka iaitu 88.34%, berbanding pelajar yang memperolehi pencapaian lemah (gred C dan D) iaitu 85.35% (perbezaan min sebanyak 3%). Hasil ujian-t pula mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian baik (A dan B) dengan pencapaian lemah (C dan D) dengan nilai $p < 0.05$. Ini bermakna pelajar yang memperolehi pencapaian yang baik dalam bahasa Arab PMR memperolehi skor yang tinggi dalam ujian diagnostik, sementara pelajar yang memperolehi pencapaian yang lemah dalam bahasa Arab PMR memperolehi skor yang lebih rendah.

4.6.2 Korelasi Antara Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Pencapaian Bahasa Arab PMR

Jadual 4.28: Korelasi Antara Skor Ujian Diagnostik PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab dengan Pencapaian Bahasa Arab PMR

Pencapaian Bahasa Arab PMR (Gred)	Skor	Spearman-rho (Tahap signifikan - p)
Baik (A dan B)	88.34	-0.394 (0.000)
Lemah (C dan D)	85.35	

Jadual 4.28 di atas menunjukkan hasil ujian kolerasi Spearman-rho antara skor ujian diagnostik dengan pencapaian bahasa Arab PMR. Hasil ujian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian diagnostik dengan pencapaian bahasa Arab PMR, dengan nilai korelasi -0.394 dan tahap signifikan $p < 0.05$. Nilai p yang lebih kecil daripada 0.05 jelas menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab mempunyai pengaruh yang positif ke atas pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Arab.

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Pembentangan bab ini adalah berdasarkan kepada dapatan hasil kajian yang telah dikemukakan dalam bab 4 yang lalu. Huraian dalam bab ini adalah terdiri daripada tiga bahagian iaitu, bahagian pertama ialah ringkasan dan perbincangan dapatan kajian, bahagian kedua ialah implikasi dapatan kajian ini terhadap tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab serta pihak-pihak yang berkaitan serta akhir sekali ialah cadangan bagi kajian lanjutan yang boleh dilakukan untuk penyelidikan akan datang.

5.1 Ringkasan Dan Perbincangan Dapatan Kajian

Ringkasan dan perbincangan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada dapatan kajian mengenai tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab, tahap pengecaman pelajar terhadap kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa dan hampir serupa serta tahap pengecaman pelajar terhadap kata pinjaman Arab melalui bahasa Melayu dan bahasa Arab. Selain daripada itu, perbincangan turut mengemukakan faktor luaran yang mempengaruhi tahap pengetahuan sedia ada pelajar yang terdiri daripada kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab. Seterusnya, perbincangan turut meliputi pengaruh pengetahuan sedia ada terhadap sikap pelajar yang terdiri daripada aspek kesedaran, motivasi dan kebimbangan. Perbincangan ini juga turut melihat hubungan pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Arab.

5.1.1 Tahap Pengetahuan Sedia Ada (PSA) Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab

Tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat dapat dilihat melalui dua cara iaitu secara keseluruhan berdasarkan tahap pencapaian skor ujian diagnostik dan juga secara terperinci berdasarkan tahap pengecaman melalui kata pinjaman serupa dan hampir serupa serta tahap pengecaman melalui bahasa Melayu dan bahasa Arab.

a) Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Secara Keseluruhan

Dapatan tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab berdasarkan skor keseluruhan menunjukkan skor terendah yang dicapai oleh responden dalam instrumen ujian diagnostik ialah 77% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 97%. Skor min keseluruhan ialah 87.52. Ini bermakna skor keseluruhan tahap pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab oleh kesemua 150 orang responden berada pada tahap yang tinggi.

Tahap pengetahuan sedia ada yang tinggi ini tidak mustahil berlaku kerana responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar yang memang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua, yang memungkinkan setiap responden dapat membuat pengecaman terhadap kata pinjaman Arab dengan lebih baik. Tahap yang sama mungkin sukar dicapai jika responden terdiri daripada pelajar-pelajar yang tidak mempelajari bahasa Arab, yang sudah tentu pengetahuan asas mereka kurang dalam membuat pertalian antara kata pinjaman Arab dengan bahasa ibunda. Perkara ini bertepatan dengan pernyataan Abu Zahari Abu Bakar (1988: 86), bahawa manusia mudah belajar dan mengingat perkara-perkara yang ada pertaliannya antara satu sama lain. Sementara W.M. Rivers (1964) dalam Abdullah Hassan (1996: 66), yang telah membentuk

beberapa prinsip pengajaran bahasa asing menyatakan bahawa pelajar dapat menerima pelajaran dengan lebih berkesan apabila menggunakan iktibar iaitu dengan memberi pelajar kebolehan untuk menerima pelajaran dengan cara melihat persamaan dan pertalian dalam bentuk-bentuk yang diajar.

b) Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Kata Pinjaman Serupa Dan Hampir Serupa

Bagi tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab berdasarkan kata pinjaman serupa dan hampir serupa, dapatan menunjukkan skor terendah yang dicapai oleh responden dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa ialah 63% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 100%. Sementara skor terendah yang dicapai oleh responden dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman hampir serupa pula ialah 48% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 90%. Skor purata min bagi tahap pengecaman melalui kata pinjaman serupa ialah 90.17 dan skor purata min bagi tahap pengecaman melalui kata pinjaman hampir serupa ialah 67.74. Dengan perbezaan min sebanyak 22.43, bermakna tahap pengecaman responden terhadap kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa lebih tinggi berbanding kata pinjaman hampir serupa.

Perbezaan yang agak tinggi antara tahap pengecaman melalui kata pinjaman serupa dan kata pinjaman hampir serupa berlaku kerana pada asasnya sesuatu benda atau perkara akan lebih mudah diingati, dikenali atau dikenalpasti dengan bandingannya yang serupa berbanding dengan bandingannya yang hampir serupa. Hal ini terbukti apabila dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam mengecam kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa, responden yang mencapai skor terendah ialah 63% namun bagi kata pinjaman hampir serupa, responden yang mencapai skor terendah hanyalah 48%.

Sementara skor tertinggi yang dicapai dalam mengenali kata pinjaman Arab melalui kata pinjaman serupa ialah 100% tetapi bagi kata pinjaman hampir serupa adalah lebih rendah iaitu 90%.

Namun begitu, bagi kata pinjaman hampir serupa, masih terdapat satu perkataan yang dapat dikenal oleh kesemua 150 orang responden sebagai kata pinjaman Arab iaitu perkataan 'ihlan' dengan min 100%. Sementara bagi kata pinjaman serupa, terdapat tiga perkataan yang dapat dikenal oleh kesemua 150 orang responden dengan min 100% iaitu perkataan 'takbir', 'syukur' dan 'solat'. Ini terjadi mungkin kerana walaupun perkataan 'takbir', 'syukur' dan 'solat' merupakan kata pinjaman serupa dan perkataan 'ihlan' merupakan kata pinjaman hampir serupa, namun kesemua perkataan-perkataan tersebut berkaitan dengan perkara keagamaan yang mana agama Islam sangat berkait rapat dengan bahasa Arab. Hal ini mungkin membuatkan responden dapat mengenali perkataan-perkataan yang ada hubungkait dengan perkara keagamaan itu, dengan lebih baik. Dapatan ini bertepatan dengan pernyataan Ahmad Hasbullah (2007: 36), bahawa sejak kedatangan Islam ke negara ini pada kurun ke 15 atau 16 Masihi, bahasa Arab dipercayai mulai meresap masuk ke dalam bahasa Melayu. Hal ini kerana Islam membawa ajarannya yang bersumberkan Al-Quran dan Hadis yang kedua-duanya menggunakan bahasa Arab.

Seterusnya, kata pinjaman serupa yang memperolehi min terendah ialah perkataan 'badan' iaitu 39.60% atau dengan kata lain 59 orang responden dapat mengenali sebagai kata pinjaman Arab. Namun bagi kata pinjaman hampir serupa, perkataan 'menara' memperolehi min terendah iaitu 8.05%. Ini bermakna hanya 12 orang responden dapat mengenali perkataan 'menara' sebagai kata pinjaman Arab. Dengan perbezaan min yang tinggi iaitu 31.55% antara perkataan 'badan' dan perkataan 'menara', dapatlah digambarkan bahawa responden dapat mengenali kata pinjaman

serupa dengan lebih baik berbanding kata pinjaman hampir serupa. Selain perkataan 'menara', terdapat juga kata pinjaman hampir serupa yang memperoleh min yang rendah dengan capaian kurang daripada 20% iaitu perkataan 'ke-kuat-an' (18.67%), 'musim'(17.45%), 'soal'(14.77%), 'bina'(14.19%) dan 'maaf'(10.67%). Ini mungkin kerana bunyi dan ejaan perkataan-perkataan ini agak berbeza dengan perkataan Arabnya yang asal, yang membuatkan responden kurang dapat mengecamnya.

c) Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Arab Melalui Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Bagi tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab berdasarkan bahasa Melayu dan bahasa Arab, dapatan menunjukkan skor terendah yang dicapai oleh responden dalam mengecam kata pinjaman melalui bahasa Melayu ialah 73% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 98%. Sementara skor terendah yang dicapai oleh responden dalam mengecam kata pinjaman melalui bahasa Arab pula 71% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 97%. Skor purata min bagi tahap pengecaman melalui bahasa Melayu ialah 89.56 dan skor purata min bagi tahap pengecaman melalui bahasa Arab ialah 85.62. Dengan perbezaan min sebanyak 3.94, bermakna tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi tahap pengecaman kata pinjaman Arab sama ada melalui bahasa Melayu atau bahasa Arab. Dapatan ini dapat diperkukuhkan lagi dengan hasil analisis sikap pelajar berdasarkan indeks kesedaran pelajar terhadap kata pinjaman Arab. Jadual 4.24 item Ba6 (Saya boleh mengenalpasti kata pinjaman Arab dalam teks bahasa Melayu) memperoleh min sebanyak 2.89, sementara item Ba7 (Saya boleh mengenalpasti kata pinjaman Arab dalam teks bahasa Arab) memperoleh min sebanyak 2.99. Perbezaan min yang rendah (0.1) menunjukkan bahawa tahap pengecaman pelajar

terhadap kata pinjaman Arab yang terdapat dalam teks bahasa Melayu atau teks bahasa Arab adalah hampir sama.

Oleh itu, dapatan di atas menggambarkan bahawa sama ada kata pinjaman itu ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Arab, responden dapat mengecamnya dengan baik dan hampir seimbang. Ini bermakna responden dapat membuat pertalian atau perkaitan yang baik antara bahasa Arab yang sedang dipelajari dengan bahasa ibunda. Dapatan ini mengukuhkan lagi huraian sebelum ini yang mengaitkan kepentingan pertalian antara bahasa asing dan bahasa ibunda dalam menguatkan ingatan dan memudahkan pembelajaran. Kemampuan pelajar dalam membuat pertalian antara dua atau tiga bahasa sekalipun, sebenarnya menunjukkan kekreatifan mereka dalam menggunakan bahasa-bahasa yang mereka tahu atau belajar. Menurut Nik Hassan Basri (2003: 112-114), kebolehan semulajadi yang ada pada seorang kanak-kanak menjadikan mereka kreatif dalam penggunaan bahasa. Mohd Yusof Othman (2000: 54), yang membincangkan asas pemikiran kreatif, menyatakan bahawa pemikiran kreatif akan berlaku sekiranya sesuatu maklumat dapat dibuat hubungan dan berinteraksi dengan akalinya. Lantas diri seseorang itu menjadi sedar dan kemudiannya mengadakan aktiviti susulan yang mungkin berbentuk kreativiti.

5.1.2 Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Berdasarkan Faktor Luaran (Kategori Sekolah, Jantina Dan Pengalaman Belajar Bahasa Arab)

Tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dalam kalangan pelajar Tingkatan empat berdasarkan faktor luaran dapat dilihat berdasarkan kepada beberapa aspek iaitu kategori sekolah, jantina dan pengalaman belajar bahasa Arab.

a) Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Kategori Sekolah

Bagi analisis perbezaan tahap pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab dari segi kategori sekolah, dapatan kajian menunjukkan SMKA Yan memperoleh skor 86.33%, SMK Jalan Tiga memperoleh skor 89.70% dan SAM Unwanus Saadah memperoleh skor 86.53%. Ini bermakna responden di SMK Jalan Tiga mempunyai tahap pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab yang lebih tinggi berbanding SMKA Yan dan SAM Unwanus Saadah. Keadaan ini mungkin disebabkan kedudukan SMK Jalan Tiga yang terletak di dalam kawasan bandar. Kawasan bandar kebiasaannya mempunyai lebih banyak kemudahan infrastruktur seperti pusat-pusat tuisyen dan kedai-kedai buku yang menawarkan lebih banyak buku rujukan dan latihan bahasa Arab. Selain itu, penduduk di kawasan Bandar Baru Bangi kebanyakannya terdiri daripada kaum Melayu kelas pertengahan yang terdedah kepada asas pendidikan yang lebih baik dan dilingkungi pusat-pusat pengajian tinggi yang lebih banyak. Kajian yang dijalankan oleh Alias Baba et al (1995: 61-62), tentang perbezaan konsep sendiri akademik antara pelajar sekolah bandar dengan sekolah luar bandar dalam pencapaian akademik, mendapati terdapat hubungan yang signifikan, di mana konsep sendiri akademik pelajar sekolah bandar lebih baik. Oleh itu, faktor sekolah bandar mungkin mempunyai pengaruh yang lebih kuat terhadap tahap pengetahuan sedia ada pelajar di SMK Jalan Tiga berbanding kedua-dua sekolah yang lain.

Bagi mengukuhkan pernyataan di atas, satu ujian ANOVA telah dijalankan untuk membandingkan skor ujian diagnostik pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan kategori sekolah. Dapatan ujian *post-hoc* menunjukkan bahawa perbezaan signifikan memang berlaku antara SMK Jalan Tiga dengan kedua-dua sekolah yang lain dengan nilai $p < 0.05$, sementara skor pelajar SMKA Yan dan SAM Unwanus Saadah

tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Namun begitu, walaupun skor ujian diagnostik pelajar di SMK Jalan Tiga mengatasi pelajar di SMKA Yan dan di SAM Unwanus Saadah, tetapi pelajar di kedua-dua sekolah tersebut masih memperolehi skor ujian yang tinggi. Ini kerana masing-masing turut mempunyai kelebihan di mana SMKA Yan hanya menerima pelajar terpilih dan SAM Unwanus Saadah menawarkan 'persekitaran Arab' yang lebih baik. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa walaupun kategori sekolah KAA (SMK Jalan Tiga) mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab, namun dapatan ini secara asasnya menunjukkan bahawa kategori sekolah bukanlah menjadi faktor utama terhadap perbezaan tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab.

b) Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Jantina

Bagi analisis perbezaan tahap pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab dari segi jantina, dapatan kajian menunjukkan pelajar lelaki memperolehi skor 86.75% dan pelajar perempuan memperolehi skor 87.87%. Dengan perbezaan peratus sebanyak 1.12% menunjukkan pelajar perempuan mempunyai tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab yang tinggi sedikit sahaja berbanding pelajar lelaki. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang ketara antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari segi tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab.

Bagi mengukuhkan pernyataan di atas, ujian-t telah dijalankan untuk membandingkan skor ujian diagnostik dengan jantina. Hasil ujian-t menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan jantina, dengan nilai p yang diperolehi ialah 0.091. Nilai p yang lebih besar daripada 0.05 jelas menunjukkan bahawa pelajar sama ada lelaki atau perempuan

mempunyai tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab yang hampir seimbang. Perbezaan yang tidak signifikan ini mungkin disebabkan kedua-dua jantina lelaki dan perempuan telah melalui pengalaman dan proses pembelajaran bahasa Arab yang hampir sama walau di mana pun mereka belajar. Ini bersesuaian dengan pandangan Atan Long (1991), yang menjelaskan bahawa kedua-dua golongan lelaki dan perempuan mempunyai keperluan asas yang sama. Dapatan kajian ini sama dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Hawa (2005), yang mendapati tidak terdapat perbezaan antara jantina lelaki dan perempuan dari segi tahap pengetahuan sedia ada mereka berkenaan Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV). Ini bermakna faktor jantina bukanlah penentu utama perbezaan tahap pengetahuan sedia ada seseorang pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Rasidi (2004), bagi melihat hubungan antara jantina dengan faktor persekitaran dan emosi dalam gaya pembelajaran pelajar, menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan. Ini dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian ini bahawa walaupun sampel kajian berada dalam kategori sekolah dan persekitaran yang berbeza, namun aspek tersebut tidak mempengaruhi tahap pengetahuan sedia ada mereka dari segi jantina. Oleh itu, guru mata pelajaran bahasa Arab hendaklah memberi perhatian terhadap faktor rangsangan semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, bukannya faktor sekolah atau jantina pelajar. Memiliki sikap memilih sekolah atau jantina pelajar dalam meningkatkan prestasi bahasa Arab haruslah dielakkan oleh guru kerana ternyata ia tidak mempunyai pengaruh yang kuat dalam prestasi bahasa Arab pelajar.

c) Perbezaan Tahap PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dari Segi Pengalaman Belajar Bahasa Arab

Bagi analisis perbezaan tahap pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab dari segi pengalaman belajar bahasa Arab, dapatan kajian menunjukkan responden yang mempunyai pengalaman belajar di pra-sekolah/ tadika memperoleh skor 88.33% dan responden yang mempunyai pengalaman belajar di sekolah rendah memperoleh skor 87.09%. Sementara responden yang mempunyai pengalaman belajar di sekolah menengah pula memperoleh skor 87.49%. Ini bermakna responden yang mempunyai pengalaman belajar di pra-sekolah/ tadika memperoleh tahap pengetahuan sedia tentang kata pinjaman Arab yang tinggi sedikit berbanding responden yang mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Walau bagaimana pun, satu ujian ANOVA telah dijalankan untuk membandingkan skor ujian diagnostik dengan pengalaman belajar bahasa Arab. Analisis perbandingan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dengan pengalaman belajar bahasa Arab, dengan nilai p yang diperoleh ialah 0.209. Nilai p yang lebih besar daripada 0.05 menunjukkan bahawa pelajar sama ada mempunyai pengalaman belajar di pra-sekolah/ tadika, di sekolah rendah atau di sekolah menengah mempunyai tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab yang tidak begitu berbeza.

5.1.3 Pengaruh PSA Tentang Kata Pinjaman Arab Terhadap Sikap Pelajar (Kesedaran, Motivasi Dan Kebimbangan)

Pengaruh pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab terhadap sikap pelajar dapat dilihat berdasarkan kepada tiga konstruk sikap iaitu kesedaran, kebimbangan dan motivasi.

a) Kesedaran Pelajar

Kesedaran pelajar dalam kajian ini adalah seperti yang telah dijelaskan dalam definisi operasional sebelum ini. Dapatan kajian menunjukkan min kesedaran pelajar terhadap kata pinjaman Arab berada pada skala yang tinggi iaitu 3.146 (berdasarkan kepada min titik tengah 2.5 bagi Skala Likert empat mata).

Sementara konstruk kesedaran pelajar berdasarkan indeks menunjukkan kebanyakan pelajar sedar akan kewujudan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu ($M = 3.47$), selain menyedari bahawa banyak kata pinjaman Arab berkaitan dengan agama Islam ($M = 3.64$) dan menyedari bahawa perkataan Arab yang sama bunyi dan makna dengan perkataan Melayu memudahkan mereka mengingat perkataan Arab ($M = 3.48$). Mereka juga menyedari bahawa kata pinjaman Arab dapat membantu mereka memahami bahasa Arab dengan lebih mudah ($M = 3.35$), membuat karangan Arab ($M = 3.30$) serta menterjemah teks Arab ($M = 3.26$).

Dapatan juga menunjukkan bahawa lebih ramai pelajar boleh mengenalpasti kata pinjaman Arab selepas diberi pendedahan oleh guru semasa mengajar ($M = 3.32$), berbanding yang boleh mengenalpasti secara sendiri ($M = 2.91$).

Bagi melihat hubungan antara skor ujian diagnostik dengan konstruk kesedaran pelajar, ujian korelasi Pearson R dilaksanakan. Hasil ujian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian diagnostik dengan konstruk kesedaran, dengan nilai korelasi 0.239 dan tahap signifikan 0.003 ($p < 0.05$). Ini bermakna lebih tinggi tahap pengetahuan sedia ada pelajar, lebih tinggi nilai kesedaran mereka. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab mempunyai pengaruh terhadap kesedaran pelajar.

b) Motivasi Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan min motivasi pelajar berada pada skala yang sederhana tinggi iaitu 2.997 (berdasarkan kepada min titik tengah 2.5 bagi Skala Likert empat mata). Tahap motivasi yang agak tinggi dalam kalangan pelajar dalam kajian ini merupakan satu perkembangan yang baik dalam bidang pendidikan, kerana dapatan ini dapat menggambarkan bahawa pelajar jurusan agama mempunyai nilai motivasi yang tinggi walaupun terpaksa berdepan dengan penambahan subjek bahasa Arab.

Konstruk motivasi pelajar berdasarkan indeks menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempelajari bahasa Arab disebabkan kepentingannya bagi mendalami agama Islam ($M = 3.66$). Mereka juga berupaya menguasai bahasa Arab dengan lebih baik jika mempunyai banyak perkataan Arab ($M = 3.37$), di samping berusaha merujuk kamus untuk mencari makna perkataan Arab ($M = 3.36$).

Dapatan juga memperlihatkan bahawa pelajar berusaha dengan lebih tekun lagi sekiranya tidak mencapai hasil yang diinginkan ($M = 3.32$) serta mereka bersedia mempelajari bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi ($M = 3.21$).

Bagi melihat hubungan antara aspek motivasi pelajar dengan skor ujian diagnostik, ujian korelasi Pearson R sekali lagi dilaksanakan. Hasil ujian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian diagnostik dengan aspek motivasi, dengan nilai korelasi 0.015 dan tahap signifikan 0.855 ($p > 0.05$). Ini bermakna walaupun nilai motivasi pelajar berada pada tahap yang tinggi namun ia tidak mempunyai hubungan dengan tahap pengetahuan sedia ada pelajar. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab antara pelajar yang bermotivasi tinggi atau bermotivasi rendah adalah hampir sama. Ini kerana terdapat pelajar yang bermotivasi tinggi namun skor ujian diagnostiknya lebih rendah berbanding pelajar yang bermotivasi rendah namun skor ujian diagnostiknya tinggi. Ini mungkin disebabkan terdapat beberapa faktor yang lain yang membuatkan pelajar yang bermotivasi rendah memperolehi skor yang lebih tinggi dalam ujian diagnostik, seperti daya ingatan yang lebih kuat atau gaya pembelajaran yang lebih efisien. Namun begitu secara keseluruhannya, aspek motivasi dalam kajian ini tetap mempunyai hubungan dengan aspek kebimbangan, kerana nilai motivasi ($M = 2.997$) yang lebih tinggi berbanding nilai kebimbangan ($M = 2.181$) menunjukkan satu hubungan yang positif. Ini bermakna pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dapat meningkatkan motivasi pelajar dan dalam masa yang sama ia dapat mengurangkan kebimbangan mereka untuk menguasai bahasa Arab. Menurut Sharifah Akmam (2005) dalam Zamri Mahamod (2007: 200) antara elemen utama yang membantu pembentukan sikap seseorang ialah sikap dipengaruhi oleh perasaan yang melibatkan tekanan emosi dalam diri (kebimbangan) dan juga dipengaruhi oleh kecenderungan seseorang untuk bertindak (motivasi).

c) Kebimbangan Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan min kebimbangan pelajar berada pada skala sederhana rendah iaitu 2.181 (berdasarkan kepada min titik tengah 2.5 bagi Skala Likert empat mata).

Konstruk kebimbangan pelajar berdasarkan indeks pula menunjukkan bahawa pelajar berpendapat mereka tidak bimbang untuk membuat karangan Arab sekiranya mempunyai banyak perkataan Arab ($M = 3.51$). Ini bersesuaian dengan pandangan mereka bahawa mereka lebih yakin untuk mendapatkan banyak perkataan Arab selepas diberi pendedahan tentang kata pinjaman Arab ($M = 3.19$).

Dapatan juga memperlihatkan bahawa pelajar yakin diberi bimbingan dalam teknik memperolehi perkataan Arab ($M = 3.37$) serta mereka yakin bahawa mengingat perkataan Arab yang sama makna dan bunyi dengan bahasa Melayu adalah kreatif ($M = 3.23$).

Pelajar juga berpendapat bahawa mereka tidak salah memilih bahasa Arab sebagai mata pelajaran yang patut diambil ($M = 1.79$). Ini menunjukkan tahap kebimbangan pelajar dalam mengambil dan mempelajari bahasa Arab adalah rendah. Oleh itu, dapatan ini sekaligus mungkin dapat menolak sesetengah persepsi bahawa ramai pelajar telah salah mengambil bahasa Arab disebabkan kebimbangan mereka dalam kemampuan untuk menguasai bahasa Arab.

Bagi melihat hubungan antara skor ujian diagnostik dengan konstruk kebimbangan pelajar, ujian korelasi Pearson R dilaksanakan. Hasil ujian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian diagnostik dengan konstruk kebimbangan, dengan nilai korelasi -0.301 dan tahap signifikan 0.000 ($p < 0.05$). Ini bermakna lebih tinggi

tahap pengetahuan sedia ada pelajar, lebih rendah nilai kebimbangan mereka. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab mempunyai pengaruh yang positif terhadap tahap kebimbangan mereka.

5.1.4 Hubungan Antara PSA Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab Dengan Pencapaian Bahasa Arab PMR

Berdasarkan analisis hubungan terperinci antara pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab dengan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Arab PMR dalam kajian ini, menunjukkan bahawa pelajar yang mendapat pencapaian baik (A dan B) dalam bahasa Arab PMR telah memperolehi 88.34% dalam ujian diagnostik, sementara pelajar yang mendapat pencapaian lemah (C dan D) memperolehi 85.35% dalam ujian diagnostik tersebut. Ini bermakna pelajar yang memperolehi pencapaian yang baik dalam bahasa Arab PMR memperolehi skor yang tinggi dalam ujian diagnostik, sebaliknya pelajar yang memperolehi pencapaian yang lemah dalam bahasa Arab PMR memperolehi skor yang lebih rendah.

Bagi mengukuhkan pernyataan di atas, ujian-t telah dijalankan untuk membandingkan skor ujian diagnostik antara pelajar yang mendapat pencapaian baik dengan pelajar yang mendapat pencapaian lemah dalam mata pelajaran Bahasa Arab PMR. Hasil ujian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian baik (A dan B) dengan pencapaian lemah (C dan D) dengan nilai $p < 0.05$. Dapatan ini menyokong kajian Siti Hawa (2005) yang menunjukkan bahawa responden daripada kumpulan yang mempunyai pengetahuan sedia ada yang baik memperolehi pencapaian yang lebih baik dalam mata pelajaran Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV) berbanding responden daripada kumpulan yang mempunyai pengetahuan sedia ada yang lemah.

Bagi memperlihatkan kolerasi antara skor ujian diagnostik dengan pencapaian bahasa Arab PMR pula, ujian kolerasi Spearman-rho dijalankan. Hasil ujian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian diagnostik dengan pencapaian bahasa Arab PMR, dengan nilai korelasi -0.394 dan tahap signifikan $p < 0.05$. Nilai p yang lebih kecil daripada 0.05 jelas menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab mempunyai pengaruh yang positif ke atas pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Arab.

5.2 Implikasi Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini telah memperlihatkan tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat di tiga kategori sekolah iaitu SMKA, KAA dan SABK serta sejauh mana faktor luaran mempengaruhi tahap pengetahuan sedia ada tersebut. Kajian juga telah memperlihatkan sejauh mana tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab mempengaruhi pula faktor dalaman iaitu sikap pelajar dalam menguasai bahasa Arab.

Keseluruhan dapatan yang dibincangkan telah mendedahkan kekuatan pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab di mana peratus untuk keseluruhan pelajar telah melebihi 80%. Ini menunjukkan kepentingan sumbangan pengetahuan sedia ada dalam proses pembelajaran bahasa kedua seseorang pelajar. Siti Hawa (2005 : 69) yang memetik Ikhsan Othman (2003) menyatakan bahawa dalam mengorganisasikan pengalaman pembelajaran, terdapat tiga kriteria yang harus diikuti, Pertama ialah kesinambungan, di mana sesuatu unsur dalam pelajaran akan diulang berulang kali dari masa ke semasa. Oleh itu para guru dan perancang kurikulum haruslah menyediakan peneguhan kepada pengalaman pembelajaran yang dilakukan. Kedua, unsur-unsur dalam sesuatu bidang seharusnya mempunyai urutan. Dalam konteks ini, sesuatu unsur

diajar pada peringkat awal dan akan diulangi lagi pada peringkat seterusnya. Implikasi daripada urutan ini ialah penyusunan unsur-unsur seharusnya tidak melanggar tata urutan, di samping penambahan yang tidak keterlaluan. Ketiga pula ialah intergrasi, di mana penyelarasan haruslah dibuat agar setiap kali unsur yang sama timbul walaupun dalam konteks yang berlainan, percanggahan dapat dielakkan.

Ketiga-tiga kriteria ini seharusnya menjadi panduan guru dalam merancang proses pengajaran dan pembelajaran supaya objektif yang diharapkan dapat diperolehi sekaligus dapat mempengaruhi aspek pemahaman dan pencapaian pelajar-pelajar.

Selain itu, hasil daripada kajian ini juga memperlihatkan bahawa pelajar yang mempunyai pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab yang baik turut mempunyai pencapaian yang baik dalam mata pelajaran bahasa Arab PMR. Hal ini memperlihatkan betapa perlunya pelajar dibekalkan dengan pengetahuan sedia ada yang mantap, di mana pelajar-pelajar ini dapat menghubungkan pengetahuan sedia ada mereka dengan pengetahuan baru bagi memperolehi pemahaman dan kemahiran yang efektif. Pemahaman dan kemahiran yang efektif ini sekaligus dapat mempengaruhi pencapaian pelajar. Ini bersesuaian dengan pandangan Ee Ah Meng (2003: 207) yang mencadangkan supaya sebelum guru memperkenalkan sesuatu konsep baru, guru haruslah memastikan bahawa kematangan dan pengalaman (pengetahuan sedia ada) ada pada pelajar-pelajarnya.

Pengetahuan sedia ada dianggap antara aspek yang penting dalam mempengaruhi pencapaian pelajar. Siti Hawa (2005: 23) yang memetik Farrant (1985) menyatakan bahawa satu ciri penting dalam pembelajaran ialah latihan dan ulangan. Banyak pencapaian pembelajaran diperolehi daripada pengalaman yang berulang. Latihan menimbulkan kesempurnaan. Lebih kerap sesuatu latihan itu dibuat, lebih kukuh lagi ia

menjadi sebahagian daripada kebolehan yang sudah dipelajari. Sementara Walberg (1984) mendapati pencapaian lepas seseorang merupakan satu peramal penting berkenaan sesuatu hasil prestasi. Ini menunjukkan pencapaian yang baik berhubungkait dengan pengetahuan sedia ada yang baik serta pengalaman lampau yang berulang.

Dapatan kajian ini juga turut memperlihatkan bahawa tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab mempunyai hubungan yang positif dengan sikap pelajar, terutama dari aspek kesedaran. Hal ini bertepatan dengan perbincangan Abu Zahari (1998 : 309) yang menekankan pentingnya kesedaran tentang wujudnya kesamaan elemen dalam dua pembelajaran yang berlainan. Dengan kata lain, si pelajar itu sendiri perlulah sedar dan nampak akan kesamaan ini untuk membolehkan pemindahan pembelajaran berlaku. Namun begitu, kesedaran kadang-kadang tidak datang dengan sendirinya, bahkan kadang-kadang kesedaran terhadap pertalian perlu dibimbing terutamanya kanak-kanak. Oleh itu, guru bertanggungjawab untuk menyedarkan pelajar tentang adanya kesamaan elemen di antara apa yang telah dipelajari dengan apa yang sedang dipelajari, di samping menyedarkan mereka tentang adanya pertalian antara berbagai-bagai mata pelajaran yang diajar di sekolah. Untuk menyedarkan kesamaan elemen ini, terdapat beberapa langkah yang dicadangkan oleh Abu Zahari (1998 : 310-314), antaranya :

- i) Guru membuat ulangkaji pelajaran yang lepas yang ada kaitan dengan tajuk baru yang sedang diajar atau mengadakan perbincangan mengenai pengalaman hidup seharian pelajar yang ada kaitannya dengan tajuk yang hendak diajar.
- ii) Mengingatkan pelajar terhadap kesamaan sama ada secara langsung atau tidak langsung, contohnya guru menggunakan pembayangan melalui soal jawab seperti soalan kaedah Socrates. Soalan-soalan seperti ini akan menampakkan perkaitan antara satu fakta dengan fakta yang lain.

- iii) Membuat perbandingan kerana dengan cara membandingkan satu perkara dengan yang lain, pelajar bukan sahaja dapat melihat perbezaan malah akan menyedari kewujudan persamaan antara kedua-duanya.

Di samping itu, pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab juga dilihat mempunyai hubungan yang positif dengan aspek kebimbangan pelajar. Aspek kebimbangan ini memerlukan perancangan dan tindakan yang relevan terutamanya daripada pihak sekolah dan guru agar dapat menyusun perancangan dan strategi, selain mengambil tindakan bagi mengelakkan kebimbangan ini menjurus kepada kebimbangan yang negatif.

Memandangkan faktor kebimbangan telah dijelaskan dalam kajian ini, maka guru sebagai penentu utama keberkesanan pembelajaran hendaklah merancang strategi dan aktiviti serta menggunakan kaedah dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian. Guru juga perlu melaksanakan pengajaran bahasa Arab dengan memberi penekanan kepada teknik-teknik pengajaran yang berkesan serta mempelbagaikan teknik pengajaran. Memfokuskan teknik hanya kepada teknik-teknik tertentu sahaja akan mengganggu keberkesanan pengajaran kerana setiap teknik yang digunakan mempunyai kekuatan dan kelemahan. Penggunaan teknik yang pelbagai akan membuka peluang yang lebih baik untuk pelajar menguasai bahasa Arab kerana setiap pelajar mempunyai keserasian kepada teknik tertentu dan kemampuan tertentu dalam kepelbagaian teknik tersebut.

Selain itu, Wan Azura et al. (2007) menyatakan guru dalam pengajarannya bukan sahaja berperanan untuk melatih pelajarinya menggunakan bahasa tetapi dalam masa yang sama juga berperanan membina keyakinan diri pelajarinya. Pembinaan keyakinan diri dalam mempelajari bahasa kedua merupakan aspek yang penting dalam mempertingkatkan rangsangan pelajar untuk menggunakan bahasa tersebut dalam konteks kehidupan

mereka. Richard Amato (2003) dalam Zawawi Ismail et al. (2011 : 79) berpandangan bahawa kekurangan dalam keyakinan diri akan menyukarkan seseorang dalam menguasai sesuatu bahasa yang sedang dipelajarinya.

Seterusnya, tahap motivasi pelajar juga telah dikenalpasti dalam kajian ini. Walaupun aspek motivasi dalam kajian ini dilihat tidak mempunyai hubungan dengan pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab, namun dapatan telah menggambarkan bahawa pelajar mempunyai tahap motivasi yang tinggi. Oleh itu, wajar juga aspek motivasi diperbincangkan agar dapat membantu guru bahasa Arab mengekalkan tahap motivasi pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab. Menurut Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987: 212-214) terdapat dua jenis motivasi iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik ialah yang berkaitan secara sejadi dengan pembelajaran dan yang sedia ada di dalam proses pembelajaran, ataupun di dalam pengetahuan atau tingkah laku yang diperolehi. Teknik-teknik motivasi intrinsik boleh dianggap sebagai daya penarik untuk keperluan tertentu atau kuasa penggerak dalam diri seseorang, contohnya motivasi intrinsik dapat menggalakkan kebebasan belajar kerana keadaan itu mendorong minat dan keseronokan belajar. Oleh itu, motivasi intrinsik akan membawa kesan pembelajaran yang lebih kekal kerana kebebasan dalam pembelajaran sudah terpupuk. Sehubungan dengan itu, guru haruslah menegaskan motif-motif intrinsik, seperti membangkitkan perasaan ingin tahu pelajar, penglibatan dan penemuan sesuatu pengetahuan contohnya pengetahuan kata pinjaman seperti mana dalam kajian ini.

Di samping itu, Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987: 215-217) mencadangkan supaya guru mempelbagaikan teknik motivasi sama ada intrinsik dan ekstrinsik, dengan mengikut masa dan keadaan yang sesuai seperti membangkitkan perhatian murid dengan mengemukakan sesuatu yang baru, mencampurkan murid dengan kumpulan murid yang

bermotivasi tinggi, menggunakan kerjasama kumpulan dan persaingan pasukan dan selalu menggunakan pujian dan galakan.

Kajian ini juga mendapati kebanyakan pelajar mempelajari bahasa Arab disebabkan kepentingannya bagi mendalami agama Islam. Mereka juga menyedari bahawa banyak kata pinjaman Arab berkaitan dengan agama Islam seperti wajib, solat dan halal. Ini bertepatan dengan kajian Amran Kasimin (1987: 13) bahawa pengaruh pendidikan agama pelajar dari Timur Tengah seringkali dapat dilihat dalam penulisan dan terjemahan mereka. Dalam proses penulisan inilah perbendaharaan kata Arab mula digunakan apabila tidak ada kata-kata Melayu yang dapat menerangkan sesuatu yang hendak disampaikan. Ini menggambarkan bahawa faktor agama menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Oleh itu, kurikulum sekolah hendaklah dikaji dari masa ke semasa agar ia bukan sahaja bersesuaian dengan perkembangan semasa, tetapi bersesuaian juga dengan kehendak masyarakat kini yang semakin menyedari akan kepentingan agama dalam bidang pendidikan.

Memandangkan penyelidik kajian lalu telah membuktikan kelebihan dan keberkesanan pengajaran bahasa melalui Kaedah Linguistik, maka kaedah ini boleh diaplikasikan dalam meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata Arab pelajar. Selain itu, bagi menerapkan penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam semua aras kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis, pengkaji menyarankan agar guru menerapkan pengajaran bahasa Arab dengan menggunakan model pembelajaran secara masteri, yang menekankan penguasaan bagi setiap aras kemahiran. Melalui kaedah ini, pelajar akan dapat menguasai setiap aras kemahiran dari peringkat rendah ke peringkat tertinggi secara sistematik seterusnya perbendaharaan kata Arab akan dapat dikuasai dengan lebih baik.

Sehubungan dengan itu, pihak pentadbir sekolah perlu sentiasa peka terhadap keperluan guru-guru yang terlibat dalam pengajaran bahasa Arab. Program peningkatan ilmu dan latihan pengajaran yang sempurna serta program perkembangan staf perlu diberi penekanan supaya dapat membantu guru yang terlibat membina keyakinan dan kemahiran dalam menjalankan tugas mereka. Ini kerana selain penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran juga amat penting bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan dan menarik. Selain itu, pihak pentadbir juga perlu memberi sokongan kepada guru-guru bahasa Arab yang masih terpaksa mengajar mata pelajaran tersebut di luar jadual, dengan memperuntukkan waktu dalam jadual, tempat serta kewangan kepada panitia sebagai pelaksana kurikulum bagi menjalankan program-program yang dapat memulih dan meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Arab.

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan melihat tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang kata pinjaman Arab dan perkaitannya dengan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Arab. Kajian berkaitan tahap pengetahuan sedia ada ini dilaksanakan dengan menggunakan instrumen ujian diagnostik yang menggunakan tulisan Rumi dan tulisan Arab. Cadangan bagi penyelidikan akan datang, agar mempelbagaikan instrumen ujian dengan menambahkan tulisan Jawi. Dapatan kajian akan dapat memperlihatkan sejauhmana tulisan Jawi dapat mempengaruhi tahap pengecaman pelajar terhadap kata pinjaman Arab, disebabkan persamaan tulisan Jawi yang sangat hampir dengan tulisan Arab.

Kajian pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab ini hanya melihat kepada dua faktor utama yang ada hubungan dengannya iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Penyelidikan juga boleh dilanjutkan dengan melihat faktor-faktor lain yang berupaya

mempengaruhi tahap penguasaan pelajar terhadap kata pinjaman Arab seperti faktor amalan guru dalam pengajaran perbendaharaan kata Arab, faktor penggunaan bahan bantu mengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab serta faktor pendedahan khusus tentang kata pinjaman Arab oleh guru terhadap pelajar.

Penyelidik akan datang juga disarankan agar menjalankan kajian dengan memperluaskan sampel ke semua daerah dan negeri yang terdapat dalam negara. Dalam pada itu, penyelidik juga dicadangkan agar menjalankan kajian di sekolah rendah agama dan sekolah kebangsaan yang mempunyai program j-QAF. Pendedahan kata pinjaman Arab sebaiknya bermula seawal usia kanak-kanak sekolah rendah kerana pendedahan awal dapat memantapkan lagi penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab. Saranan bagi kajian tahap pengetahuan sedia ada tentang kata pinjaman Arab juga boleh melibatkan kajian perbandingan antara pelajar yang mengikuti program j-QAF dan tidak mengikuti program j-QAF.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah diproses secara kuantitatif. Melalui proses kuantitatif juga, kajian berbentuk tindakan juga boleh dilakukan iaitu dengan membahagikan pelajar kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan diberi pendedahan kata pinjaman Arab secara khusus oleh penyelidik. Dapatan kajian tindakan tersebut boleh dibuat perbandingan tentang kepentingan pendedahan kata pinjaman Arab semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Selain itu, memandangkan hasil kajian ini boleh dikembangkan dan diperjelaskan dengan lebih terperinci, maka penyelidikan selanjutnya boleh dilakukan melalui proses kualitatif dengan menjalankan pemerhatian, temubual dan analisis dokumen terhadap responden yang dipilih, bagi mendapatkan maklumat dan dapatan yang lebih mendalam

berkaitan peranan dan kepentingan kata pinjaman Arab dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Pemerhatian dan temubual juga memungkinkan kajian menjadi lebih menarik dan berupaya mendapat maklumat di luar jangkaan, yang gagal dikesan dengan baik melalui soal selidik semata-mata.

Dalam pada itu, penyelidik juga boleh melibatkan sampel daripada kalangan pelajar yang tidak mengambil bahasa Arab atau sampel daripada masyarakat awam bagi mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber. Dapatan kajian dapat menjelaskan tahap pengetahuan sedia ada masyarakat tentang kata pinjaman Arab sekalipun mereka tidak mempelajari bahasa Arab secara langsung.

Seterusnya, kajian tentang kata pinjaman Arab ini boleh melibatkan kajian berbentuk deskriptif seperti kajian tentang jenis-jenis kata pinjaman Arab dan kajian tentang proses pembentukan dan asimilasi kata pinjaman Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu. Kajian deskriptif biasanya melibatkan kajian bahasa yang dibuat secara lebih terperinci yang mana dapatan kajian dapat memberi maklumat yang lebih mendalam tentang kata pinjaman Arab seterusnya dapat memantapkan lagi pengetahuan masyarakat tentang kata pinjaman Arab.

5.4 Penutup

Guru adalah tonggak kejayaan seseorang pelajar. Peranan mereka amat penting dalam memastikan pencapaian yang baik bagi pelajarnya. Guru yang cemerlang adalah guru yang bukan sahaja memberi pengajaran yang berkesan tetapi juga menjadi guru yang kreatif. Oleh kerana kajian ini telah membuktikan terdapatnya hubungan antara kata pinjaman Arab dengan pencapaian, guru haruslah memberi kesedaran kepada pelajar tentang situasi ini dan memberi pendedahan yang lebih banyak tentang kata pinjaman

Arab kepada mereka bagi membantu mereka mendapatkan kosa kata Arab melalui alternatif kata pinjaman Arab. Mendapatkan kosa Arab melalui kata pinjaman Arab boleh dikira sebagai sesuatu yang kreatif.

Akhir kata, harapan kepada semua pihak yang terlibat termasuk pelajar, ibu bapa, guru, pentadbir sekolah, pejabat pelajaran daerah, jabatan pelajaran negeri dan bahagian pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia agar dapat sama-sama berusaha mencapai misi dan visi pendidikan negara demi memajukan agama, bangsa dan negara tercinta serta mencapai kejayaan cemerlang di dunia dan akhirat.

BIBLIOGRAFI

..... *Al-Quran Al-Karim*.

..... (1989) *Kamus Dewan, Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan (1986). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Abdullah Hassan (1996). *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Zahari Abu Bakar (1988). *Memahami Psikologi Pembelajaran*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Ahmad Hasbullah (2007). *Penggunaan Kamus dalam Proses Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Menengah Tinggi Agama*, dlm. *Penyelidikan Bahasa Kesusasteraan dan Komunikasi Jilid 1*, (Rosli Talif, penyusun) m.s. 33-44, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Alias Baba (1997), *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Alias Baba, Halimah Harun dan Mohd Sahandri Gani Hj Hamzah (1995). *Implikasi Konsep Kendiri Akademik Terhadap Pencapaian Akademik dan Penguasaan Kemahiran Kerja Amali Kemahiran Hidup Bersepadu Mengikut Jantina dan Lokasi*, dlm. *Jurnal Pendidikan*, 20 m.s. 53-65, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Amran Kasimin (1987). *Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ali Abd al-Wahid Wafi. (1957). *Fiqh al-Lughat*. Dar al-Nahdat, Mesir, Cetakan Ketujuh.

Atan Long (1991). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*, Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd.

- Babbie, E (2002). *The Basic of Social Research*. USA: Thomson Learning, Inc.
- Bloomfield, L (1935). *Language*. Unwin Hyman Ltd.
- Chia Chen Eng (1999). *Kata Pinjaman Bahasa Melayu dalam bahasa Cina di Malaysia*. Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1*, Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Creswell, J.W (2008). *Educational Research: Planning Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 3^d ed. New Jersey: Pearson Education International.
- Ee Ah Meng (2003). *Ilmu Pendidikan Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Farrant, J. (1985). *Prinsip dan Amali Pendidikan* (Sharifah Rahmah Ali, Terjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh Eng Beng (1995). *Satu Kajian Kes dalam Pendidikan Muzik: Perkaitan di Antara Pengetahuan Sedia Ada Guru Pelatih dengan Pencapaian dan Prestasi Latihan Mengajar*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Haugen, E (1972). *The Ecology of Language*, California: Stanford University Press.
- Harimurti Kridalaksana (1982). *Kamus Linguistik*, Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Ibn. Faris al_husain Muhammad bin Zakaria al-Lughawiy (1986). *Mujmal al-Lughat*. Mu'assasat al-Risalat, Beirut. Cetakan Kedua.
- Ibn Jinni, Abu al-Fath Uthman (1913). *Al-Khasais*, Bab Pertama (Muhammad Aliy al-Najjar, penyusun), Beirut: Darul Huda Littiba'ah Wannasyar.
- Ibn. Nadim, Muhammad bin Ishaq al-Nadim (1978). *Al-Fihrasat*. Dar al-Ma'rifat, Beirut.
- J.j De Hollender (1984). *Pedoman Bahasa dan Sastra Melayu*, Jakarta: PN Balai Pustaka.

- Mat Taib Pa (2007). *Dasar-dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia* dlm. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*, (Mohd Rosdi Ismail, penyusun) m.s. 1-14, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Nurul Azmi Mat Nor (2011). *Penerimaan Penerapan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Melalui Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB): Tinjauan di Sebuah Sekolah Daerah Kinta Utara*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof Othman (2000). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kajang : Aras Mega (M) Sdn Bhd.
- Mohd Yusuf Arsyad (1998). *Kaedah Penyelidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Bukhari Lubis (2006). *Tulisan Jawi Sehimpuan Kajian*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Muhammad Sarhan (1956). *Fiqh al-Lughat*. Maktabi al-Riyadh.
- Mustaffar Abd. Majid (1997). *Hubungan Antara Persepsi Pelajar Tingkatan Satu Terhadap Beberapa Aspek Pengajaran dan Pembelajaran Sains dengan Pencapaian Pelajar: Satu Tinjauan di SMK Tinggi Melaka*.
- Nor Afzan Sharin (2011). *Perkaitan Pencapaian Matematik dengan Perancangan Pengajaran Guru dan Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Matematik*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Razah Lim, Juliana Amin & Zamri Mahamod (2008). *Pemerolehan Kata Pinjaman dalam Penulisan Karangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh*, dlm. *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*

- Melayu (Zamri Mahamod, penyusun) m.s. 170-188, Shah Alam: Karisma Publications.
- Norhazlina Husin (2008). *Pengaruh Kata Pinjaman dalam Terjemahan Brosur Bank di Malaysia*, dlm. *Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu*, (Abdullah Hassan, penyusun), m.s. 598-605, Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Rasidi Harun (2004). *Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian dalam Mata Pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan Penyelidikan Sarjana Pendidikan, tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rokiah Awang (2005). *Kata Pinjaman dalam Berita Terjemahan*, dlm. *Persidangan Antarabangsa Leksikologi dan Leksikografi Melayu (6-7 Jun 2005: Kuala Lumpur): Vol.2 Paper 31 (13p.)*
- Saedah Siraj, Zainun Ishak & Tunku Mahani Tunku Mokhtar (1996). *Motivasi dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salleh Baba (2000). *Peranan Lukisan dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual*, dlm. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual (m.s. 144-146)* Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Saifuddin Hussin (2002). *Penguasaan Kata Arab di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan 3*. Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
